Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Kelas: ..........

No Perolehan: ..........

Tarikh: 4 APR 1987

# URBANISASI DAN ORANG MELAYU:

# SATU TINJAUAN KE ATAS PENDUDUK MELAYU RUMAH PANGSA BATAS BARU.

CHE MUHAMAD AZMI BIN NGAH

NOMBOR MATRIK 045762

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

Sessi 1986/87

Kandungan | Muka Surat

Penghargaan i

Sinopsis iii

Bab I Pendahuluan

1.1 Tujuan Kajian 1

1.2 Kaedah Penyelidikan 2

1.3 Masalah Kajian 4

1.4 Masalah Semasa Kajian 4

1.5 Sebab-Sebab Kampung Batas Baru Dipilih Sebagai Tempat Kajian 11

1.6 Kepentingan Kajian 12

1.7 Kampong Batas Baru 13

1.8 Perkembangan Perbandaran di Kuala Terengganu 15

1.9 Konsep dan Teori: Bandar 24

1.10 Urbanisme 26

1.11 Urbanisasi 28

Bab II Orang Melayu Bandar Kuala Terengganu dan Proses Perbandaran

2.1 Taburan Penduduk Bandar Kuala Terengganu 36

2.2 Rumah Kediaman dan Jenis Kegiatan Orang Melayu 37

2.3 Sebab-sebab Pengambilan Semula Tanah Kampong Batas Baru 41

Kandungan | Muka surat


2.4 Rumah Pangsa Batas Baru 43

2.5 Proses Pengambilan Tanah Kampong Batas Baru 46

2.6 Tindakan Perobohan 52

2.7 Latar Belakang Penduduk Melayu Yang Terlibat

a) Tempat Asal 54

b) Taraf Pelajaran 56

c) Pekerjaan 60

d) Pendapatan 64

Bab III Pengadaptasian Dan Masalah Orang Melayu di Rumah Pangsa Batas Baru

3.1 Proses Pengadaptasian 68

3.2 Faedah dan Kebaikan Rumah Pangsa 71

3.3 Masalah Penduduk Rumah Pangsa 73

a) Masalah Pengangkutan 74

b) Keadaan Bangunan dan Kawasan Rumah Pangsa 76

c) Kelemahan atau Kekurangan 78

d) Masalah Keselamatan 80

e) Masalah Kurang Disiplin dan Semangat Kerjasama 83

f) Tidak Puas Hati Dengan Polisi Kerajaan 88

Kandungan | Muka surat


Bab IV Kesan-kesan Perpindahan

4.1 Kesan Ke Atas Keluarga 94

4.2 Kesan Ke Atas Agama 99

4.3 Hubungan Sosial 100

4.4 Adat dan Tradisi 104

4.5 Ekonomi 106

4.6 Pembangunan 109

4.7 Politik 109

Bab V Kesimpulan 114



KUALA TERENGGANU
SUNGAI
CHABANG TIGA
BATU BUROK

## PENGHARGAAN

Rasa syukur saya yang tidak terkira ke hadrat Yang Esa kerana dengan limpah dan rahmatNya latihan ini dapat disempurnakan dengan sekadar yang terdaya.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia kajian yang budiman serta bertimbang rasa, Professor Madya Dr. Azizah binti Kassim yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta dorongan kepada saya dalam usaha menyiapkan latihan ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia kajian luar, Professor Madya Dr. Hussain bin Mohamed yang telah bersusah payah datang ke Kuala Terengganu untuk meneliti tempat kajian dan memberi tunjuk ajar yang amat berguna kepada saya.

Rasa terhutang budi ingin saya lahirkan di sini kepada Pengarah dan kakitangan Pejabat Tanah Kuala Terengganu serta Pengurus dan kakitangan PMINT terutamanya Encik Wahyid dan tidak lupa juga kepada para penduduk Rumah Pangsa Batas Baru yang telah banyak memberikan kerjasama dengan melapangkan masa memberi maklumat dan data-data yang diperlukan.

Bagi kawan-kawan saya terutamanya Engku Khairul Anuar, Tajul, Azahar, Mat Daud, Yani, Mustafa, Qalam, Jaafar, Zaid, Manaf, Yusuf Kijing, Adnan, Rosol dan kawan-kawan yang lain. Semangat dan dorongan yang anda tiupkan akan sentiasa dikenang.

Akhir sekali ingin saya zahirkan rasa terhutang budi dan kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang kepada ibu, ayah, abang -

abang serta adik-adik. Kalian semua adalah sumber ilham yang menjadi penunjuk jalan ke arah kejayaan dan tak lupa ucapan khas terima kasih yang tak terhingga kepada penaip Latihan Ilmiah ini, Wan Azlira Karim.

Jasa kalian semua dalam kenanganku dan semoga Allah sentiasa memberkati usaha-usaha kalian.

Wassalam.

## SINOPSIS

Bab I membincangkan tentang skop kajian, masalah kajian dan juga kepentingan kajian ini. Seterusnya dibincangkan juga secara ringkas perkembangan bandar Kuala Terengganu dan juga konsep serta teori tentang bandar.

Dalam bab II pula pengkaji membincangkan perkaitan faktor-faktor yang berkaitan dengan proses perbandaran di Kuala Terengganu. Bab ini juga menerangkan latarbelakang responden serta proses-proses yang berlaku dalam perkembangan bandar.

Dalam bab III diterangkan keadaan tempat tinggal baru penduduk Kampung Batas Baru iaitu Rumah Pangsa Batas Baru. Turut dibincangkan di dalam bab ini ialah faedah-faedah yang didapati di Rumah Pangsa Batas Baru serta masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan yang dihadapi di situ.

Bab IV pula membincangkan kesan-kesan yang timbul akibat dari penempatan baru ini.

Bab V memaparkan rumusan serta pandangan pengkaji terhadap masalah penduduk Rumah Pangsa Batas Baru.

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat masalah masyarakat akibat dari proses urbanisasi. Pengkaji hanya ingin fokuskan masalah yang timbul di Kampung Batas Baru, Kuala Terengganu. Urbanisasi di sini dikaitkan dengan langkah-langkah kerajaan untuk membangunkan kawasan bandar Kuala Terengganu, dengan melibatkan proses pengambilan tanah di kawasan Kampung Batas Baru. Akibat dari itu dengan kebanyakan penduduk yang terlibat dipindahkan ke rumah pangsa Batas Baru.

Pengkaji akan menekankan proses pengadaptasian penduduk ini dengan persekitaran yang baru dan juga membincangkan masalah yang dihadapi di tempat tinggal yang baru itu. Apakah tempat tinggal yang baru ini dapat menyelesaikan dan dapat pula mengurangkan masalah atau sebaliknya menimbulkan pula masalah yang baru.

Pengkaji juga akan membincangkan tentang kesan-kesan perpindahan ke atas penduduk yang terlibat dan perubahan-perubahan yang berlaku dari segi sosial, ekonomi, politik dan kekeluargaan.

Perpindahan yang dibincangkan di sini ialah merupakan perpindahan bentuk kediaman daripada rumah kampung kepada rumah pangsa dalam kampung yang sama. Jadi ianya tidaklah melibatkan perbincangan tentang migrasi penduduk luar bandar tapi lebih merupakan proses urbanisasi yang berlaku dalam bandar itu sendiri. Kajian ini hanya bertumpu pada

penduduk Melayu Kampung Batas Baru yang terlibat sahaja.

Tujuan kajian ini juga adalah untuk mengukur sejauhmanakah benarnya teori-teori dan konsep-konsep yang dikemukakan oleh pengkaji barat tentang urbanisasi menepati saranan di Malaysia amnya dan Kuala Terengganu khasnya. Jadi kajian ini akan merujuk sama pada ahli-ahli pengkaji barat seperti Louis Wirth, Robert Redfield, Oscar Lewis dan lain-lain tokoh lagi.

1.2 Kaedah Penyelidikan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah-kaedah yang dirasakan perlu untuk mendapatkan maklumat dan data daripada responden-responden. Responden utama pengkaji adalah orang Melayu di rumah pangsa Batas Baru dan juga pegawai-pegawai di Pejabat Tanah dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT atau SEDC). Antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah:

1. Tinjauan permulaan
2. Pemerhatian
3. Temubual formal
4. Temubual tidak formal
5. Soalselidik terbuka (open ended questionaire)

Semasa menjalankan kajian ini pengkaji sedang berada di Kuala Terengganu kerana cuti pengajian selama lebih kurang 3 ½ (tiga setengah) bulan. Kebetulan tempat kajian dengan kampung tempat tinggal pengkaji jaraknya tidak jauh iaitu lebih kurang 5 kilometer sahaja. Sebelum itu

pengkaji memang sudah biasa dengan tempat kajian itu. Tiap kali pengkaji berada di Kuala Terengganu boleh dikatakan hampir setiap minggu pengkaji melalui kawasan itu semasa dalam perjalanan ke bandar Kuala Terengganu. Pengkaji juga selalu singgah di tempat itu paling kurang 2 minggu sekali semasa pengkaji berada di Kuala Terengganu kerana pengkaji memang mempunyai kenalan di situ. Jadi sebelum membuat kajian, pengkaji hanya meninjau lebih terperinci lagi kawasan itu dan melalui kawan pengkaji, pengkaji dapat mengenali lebih ramai lagi penghuni rumah pangsa Batas Baru.

Seminggu sebelum kajian dilakukan, pengkaji sudahpun mengetahui unit mana yang didiami oleh penghuni yang berasal dari Kampung Batas Baru. Maklumat ini pengkaji dapati dari pejabat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Sebelum kajian dibuat juga pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran dari pihak PMINT untuk melakukan kajian untuk melakukan kajian di kawasan Kampung Batas Baru dan melibatkan rumah pangsa Batas Baru yang dibawah pengawasan PMINT. Pengkaji juga telah berjumpa dengan Ahli Jawatankuasa Rumah Pangsa Batas Baru untuk meminta kebenaran agar tidak timbul apa-apa prasangka buru atau perasaan was-was penghuni rumah pangsa itu pada pengkaji. Hal ini terpaksa dilakukan demi keselamatan dan untuk melicinkan lagi proses semasa kajian. Lagipun, kawasan ini semasa kajian sedang dirancang telah banyak berlaku kes-kes pecah rumah dan kecurian, jadi setiap orang asing yang masuk ke kawasan ini adalah dicurigai walaupun pengkaji sendiri. Ini adalah kerana pengkaji hanya mengenali segelintir sahaja penghuni di situ dan masih ramai lagi yang pengkaji tidak kenal.

Semasa membuat tinjauan dan membuat kajian, pengkaji menggunakan kenderaan motosikal dan kadangkala kereta untuk ke tempat kajian. Dalam masa menggunakan kaedah pemerhatian, pengkaji berada di tempat kajian pada tiap-tiap hari selama 10 hari. Adakalanya, pengkaji pergi pada waktu pagi, adakala waktu petang dan juga kadangkala pada waktu malam. Pengkaji hanya memerhatikan sahaja tinkahlaku penduduk Melayu, bentuk hubungan dan gaya hidup seharian mereka. Seringkali pengkaji melawat tempat kajian pada sebelah petang dan melawat unit-unit rumah yang diduduki oleh penghuni Melayu yang berasal dari Kampung Batas Baru.

Kaedah ini menyebabkan pengkaji dapat mengenali ramai penduduk di situ dan sudah menjadi perkara biasa tiap kali pengkaji ke kawasan itu pengkaji selalu minum atau makan di kedai kopi yang terletak di tingkat bawah blok A rumah pangsa tersebut. Dengan kaedah pemerhatian pengkaji dapat melihat dan dapat membuat tafsiran akan keadaan penduduk di situ. Misalnya terdapat perbezaan politik di kawasan itu iaitu di antara penyokong Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan UMNO. Segala perlakuan adalah berlaku secara normal dan bukan sengaja diada-adakan.

Dalam menggunakan kaedah temubual secara tidak formal pengkaji hanya dapat mempraktikkannya dengan cara melawat rumah-rumah kenalan dan juga semasa minum di kedai kopi. Tuan punya kedai kopi itu peramah orangnya dan melaluinya pengkaji dapat mengenali lebih ramai lagi orang di situ. Perangainya juga agak menghiburkan kerana beliau suka melawak. Pelanggan yang datang juga agak ramah dan melalui perbualan antara mereka dan juga antara pelanggan dengan tuan punya kedai kopi

yang dikenali sebagai 'Pak Haji', pengkaji dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang dianggarkan. Kesempatan seperti ini pengkaji gunakan untuk bertanyakan soalan ataupun mengeluarkan topik-topik dengan cara spontan.

Temubual secara formal pengkaji tumpukan pada pegawai-pegawai di Pejabat Tanah, PMINT dan juga Ahli Jawatankuasa Rumah Pangsa Batas Baru. Dalam kaedah ini pengkaji mengambil sikap berterus terang mengenai hakikat dan tujuan sebenar pengkaji menemubual mereka. Tujuan temubual ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang proses pengambilan tanah oleh kerajaan dan juga pandangan-pandangan mereka terhadap proses urbanisasi itu. Sebelum itu pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan diri, menceritakan tujuan kajian dan meminta kerjasama mereka atau kakitangan mereka bagi memperolehi data-data tertentu yang boleh disebarkan kepada umum. Bagi Pejabat Tanah dan PMINT, pengkaji telah mendapat kerjasama dari pengawas kajian luar pengkaji iaitu Dr. Hussein Mohamad semasa berjumpa dengan Pengarah Pejabat Tanah Kuala Terengganu dan Pengurus Bahagian Perumahan PMINT. Dengan adanya kerjasama dari Dr. Hussein ini, ianya dapat menguatkan kepercayaan pegawai-pegawai tersebut dan pengkaji telah mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada pegawai dan kakitangan mereka. Pengkaji juga dibenarkan melihat sendiri fail-fail untuk mendapatkan data-data yang berkaitan, malah pengkaji telah menghabiskan masa selama dua minggu di Pejabat Tanah dengan meja disediakan dan selama seminggu di Bahagian Perumahan PMINT.

Segala maklumat penting pengkaji catit sebagai nota dan mana-mana yang sukar untuk diringkaskan, pengkaji menggunakan cara 'fotostat' saja.

Kaedah terakhir yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah soal-selidik secara terbuka (open ended questionaire). Bagi kaedah ini pengkaji telah menyiapkan soalan-soalan tertentu untuk diajukan kepada responden. Responden-responden diberi peluang untuk menjawab dengan fikiran terbuka dan melahirkan pendapat dan perasaan dengan jelas tanpa disekat-sekat. Kaedah ini memerlukan masa yang agak panjang tetapi hasilnya adalah berkesan. Semasa diadakan temubual ini pengkaji terlebih dahulu diajak masuk ke dalam rumah dan kerana masa untuk temubual agak panjang iaitu lebih kurang satu jam dan kadangkala lebih, pengkaji disediakan dengan minuman. Responden-responden yang terlibat terdiri dari 40 orang penduduk Melayu rumah pangsa Batas Baru yang berasal dari Kampung Batas Baru. Responden-responden ini dipilih secara rambang. Pengkaji telah mendapat senarai nama dan nombor unit rumah pangsa penduduk yang terlibat. Sebanyak 93 unit yang terdapat di rumah pangsa Batas Baru didiami oleh penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh pihak kerajaan. 82 unit adalah dimiliki oleh penghuni Melayu dan oleh kerana kajian ini adalah ditumpukan kepada penduduk Melayu sahaja, jadi pengkaji telah mencatit nombor-nombor unit rumah yang terlibat di atas kertas-kertas kecil dan diletakkan ke dalam tin sebelum dicabut (diundi) oleh seramai 40 orang penghuni.

Di samping itu pengkaji juga cuba mengesan seramai 10 orang penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat dengan proses pengambilan tanah tetapi tidak diperuntukkan dengan rumah pangsa. Dari mereka pengkaji cuba mencungkil masalah dan pandangan mereka terhadap proses urbanisasi itu.

Pengkaji merasakan kaedah soalan terbuka ini adalah cara paling baik memandangkan responden senang dihubungi dan responden juga hanya tertumpu pada suatu tempat sahaja. Tambahan pula, tempat kajian terletak tidak jauh dari rumah pengkaji. Oleh itu masalah ke tempat kajian tidaklah menjadi beban, dan pengkaji boleh ke tempat kajian pada bila-bila masa sahaja dengan menaiki motosikal atau kereta yang memakan masa lebih kurang 10 minit sahaja.

## 1.3 Masalah Kajian

Pengkaji menghadapi sedikit masalah dalam kajian di mana sukar untuk menentukan skop yang sebenarnya. Tema kajian juga terlalu umum dan masalah yang hendak ditumpukan kadangkala kabur. Jadi, untuk itu pengkaji telah menyempitkan skop kajian kepada perlaksanaan proses urbanisasi serta agen-agen yang terlibat dan masalah yang dihadapi serta kesan-kesan ke atas penduduk terlibat dalam menghadapi dilemma tempat kediaman yang baru iaitu rumah pangsa Batas Baru.

## 1.4 Masalah Semasa Menjalankan Kajian

Pengkaji telah menghadapi beberapa masalah semasa menjalankan kajian. Masalah atau kesulitan ini timbul berpunca dari kaedah yang digunakan, kawasan kajian, reaksi responden dan juga menyusur (mengesan) responden.

Pengkaji dengan seberapa daya cuba bersikap objektif, namun begitu adalah sukar untuk memperolehi kajian yang benar-benar bersifat objektif.

Ini adalah kerana kajian ini melibatkan manusia dan perlakuan dan selalunya tindakan perlakuan manusia dikuasai oleh akal dan juga perasaan.

Kaedah temubual secara formal dan soalselidik terbuka (open ended questionaire) yang digunakan semasa kajian menyebabkan responden tahu bahawa pengkaji sedang menjalankan satu kajian. Oleh itu mereka cermat dalam memberi jawapan tertentu terutama kepada soalan yang menyentuh kewibawaan PMINT dan juga soalan tentang politik. Contohnya pengkaji mengajukan soalan yang berbunyi, "Apakah Pak Cik suka tinggal di rumah pangsa ini Bila ditanya dengan soalan demikian responden itu berfikir sejenak dan bertanya pada pengkaji samada jawapan yang diberikan nanti akan diketahui sama oleh pihak-pihak tertentu seperti PMINT misalnya. Dalam kes ini pengkaji terpaksa meyakinkan responden berkenaan bahawa tujuan kajian ini hanyalah sebagai akademik saja dan setiap jawapan responden adalah dirahsiakan. Apabila sudah diyakini barulah responden menjawab dengan jujur.

Jadi dalam masa kajian ini dilakukan, terdapat juga responden yang berani dan tegas dalam memberikan jawapan dan terdapat juga responden yang was-was dan cuba menyembunyikan sesuatu yang dirasakan tidak patut diceritakan kepada pengkaji. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa menguji kenyataan yang diberikan melalui pemerhatian, temubual tidak formal dan juga bertanyakan jiran-jiran. Misalnya dalam kes pendapatan responden, terdapat responden yang cuba memberikan maklumat palsu tentang pendapatan sebenar mereka. Pengkaji sekadar bertanya dan membandingkannya dengan kenyataan yang responden berikan kepada

pihak PMINT semasa memohon rumah pangsa Batas Baru.

Pengkaji juga menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat melalui jiran-jiran penghuni rumah pangsa itu. Walaupun mereka berasal dari kampung yang sama iaitu Kampung Batas Baru tetapi mereka tidak saling mengenali antara satu sama lain. Bila ditanya mereka seringkali menjawab iaitu mereka hanya kenal rupa jiran mereka sahaja tetapi tidak mengetahui nama betul atau lain-lain hal mengenai jiran mereka. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini iaitu rumah pangsa ini dikhaskan untuk penduduk Kampung Kolam dan Kampung Batas Baru dan terdapat kes di mana responden tidak mengenali semua ahli keluarga jirannya kerana jirannya itu berasal dari Kampung Kolam sedangkan responden itu berasal dari Kampung Batas Baru. Ini disebabkan sikap tidak mengambil tahun hal orang lain. Mereka tak dapat berbual kerana sibuk dengan tugas masing-masing. Kalaupun mereka berada di rumah ziarah menziarahi tidak berlaku, malah masing-masing asyik berkurung di dalam rumah dengan ahli keluarga di mana pintu depan rumah masing-masing ditutup rapat atau dikunci. Semasa membuat kajian pengkaji terpaksa mengetuk pintu dalu untuk berjumpa dengan tuan rumah dan kadangkala timbul juga perasaan bimbang di hati pengkaji, bimbang kalau-kalau kedatangan pengkaji akan mengganggu situasi responden itu. Tapi apakan daya, apabila rumah itu sudah terpilih, maka pengkaji terpaksalah menemubual ahli unit itu dan pengkaji tidak boleh mengambil sikap sesuka hati dalam memilih rumah responden.

Terdapat juga responden yang tidak berminat terhadap pertanyaan yang diajukan kepada mereka. Mungkin mereka berpendapat kajian itu

tidak penting dan tidak memberi apa-apa faedah pada kehidupan mereka, apatah lagi bila pengkaji menyatakan bahawa tujuan kajian ini dibuat hanyalah untuk akademik sahaja.

Terdapat juga responden yang berminat dan ramah. Dalam hal ini pengkaji perlu mengorbankan sedikit masa untuk melayan soalan dari responden dulu. Biasanya responden-responden akan bertanyakan tentang latarbelakang pengkaji seperti tempat tinggal, ibubapa, tempat belajar dan tujuan pengkaji membuat kajian. Selepas itu barulah pengkaji akan mengajukan soalan-soalan kepada mereka. Biasanya tiap temubual yang memdapat respon dari responden mengambil masa hingga satu jam dari jawapan-jawapan yang diberikan adalah ikhlas dan bertujuan untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Walaupun terdapat kesulitan-kesulitan semasa membuat kajian ini, pengkaji berjaya juga mendapat maklumat yang dikehendaki. Pengkaji merasa syukur kehadrat Illahi dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama serta pertolongan yang telah diberikan oleh penduduk di situ. Melalui mereka pengkaji telah dapat menjalankan kajian dengan selesa dan tanpa rasa takut. Sesungguhnya Allah jualah yang dapat membalas segala jasa mereka.

## 1.5 Sebab-Sebab Kampung Batas Baru Dipilih Sebagai Tempat Kajian

Kampung Batas Baru menarik minat pengkaji untuk menyelami secara lebih dekat lagi berkenaan penduduknya berdasarkan kepada tarikan-tarikan tertentu.

Pertamanya, Kampung Batas Baru merupakan kampung Melayu dalam bandar yang telah lama diterokai iaitu lebih kurang 50 tahun yang lampau. Kampung ini juga merupakan kampung yang pertama terlibat dalam proses pengambilan semula tanah oleh kerajaan bagi kampung-kampung dalam bandar.

Kedua, penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat dalam proses ini secara langsung, majoritinya adalah bangsa Melayu iaitu 113 keluarga (92.6 %). Hal ini menjadi daya tarikan kepada pengkaji untuk meneliti apakah kesan dari perpindahan itu dan bagaimanakah pengadaptasian mereka dengan persekitaran tempat tinggal yang baru.

Faktor sampingan lain yang menjadi pendorong ialah pengkaji sudah pun biasa dengan kampung ini dan sudahpun mengenali beberapa keluarga di kampung tersebut. Pengkaji pernah bercampur dengan penduduk di situ, tatkala pada suatu ketika dulu kampung ini pernah dianggap sebagai kawasan hitam (black area) kerana kegiatan berkaitan dengan penyalah-gunaan dadah.

Kampung ini juga senang dilawati kerana lokasinya di kawasan bandar.

Perpindahan penduduk dari rumah kampung Batas Baru ke rumah pangsa Batas Baru merupakan satu topik yang menarik untuk dikaji dari segi

masalah dan kesan-kesan yang dihadapi oleh penduduk terlibat.

Pengkaji juga merasakan tidak menjadi suatu kesukaran untuk mendapatkan data-data dan maklumat dari penduduk dan juga dari badan-badan yang terlibat dengan projek pemindahan itu. Ini adalah kerana pengkaji sudahpun mengenali beberapa orang pekerja di Pejabat Tanah dan di Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), tambahan pula pengkaji sendiri pernah berkhidmat atau bekerja di pejabat tersebut.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Dalam menyentuh perkembangan urbanisasi di Kuala Terengganu, diharapkan dapat menyedarkan masyarakat tentang hasrat kerajaan untuk membangunkan masyarakat dan bandar Kuala Terengganu, demi kepentingan seluruh rakyat. Untuk itu hasrat ini memerlukan pengorbanan segelintir masyarakat yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh kerajaan. Rakyat perlu sedar bahawa langkah ini bukanlah untuk menyusahkan mereka, malah bertujuan untuk membangunkan masyarakat dan juga bandar Kuala Terengganu. Jadi kajian ini bolehlah juga dianggap sebagai satu media untuk menyedarkan rakyat agar senantiasa berfikir secara rasional dan kritis terhadap langkah-langkah kerajaan demi kepentingan semua.

Di samping itu kajian ini juga menyentuh tentang kesan urbanisasi ke atas segolongan tertentu terutamanya kepada penduduk Batas Baru yang terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh kerajaan. Dengan

1. ISTANA BADARIAH
2. KEDIAMAN MENTERI BESAR
3. ISTANA RAJA MUDA
4. RUMAH NEGERI
5. KELAB KERAJAAN
6. STADIUM NEGERI
7. HOSPITAL BESAR
8. PANTAI PRIMULA HOTEL
9. MASJID LADANG
10. CCB
11. HOTEL SRI TERENGGANU
12. MALAYSIAN FRENCH BANK
13. KOMPLEK PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN NEGERI & PERSEKUTUAN
14. DEWAN UNDANGAN NEGERI WISMA DARUL IMAN
15. STADIUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH
16. BANGUNAN KOPERATIF KAKITANGAN KERAJAAN TERENGGANU
17. IBU PEJABAT POLIS
18. DEWAN TUANKU ABDUL RAHMAN
19. PADANG TENNIS
20. BANK PERTANIAN, BANK ISLAM, PERWIRA HABIB BANK & SOUTHERN BANK
21. HOTEL REX
22. MALAYAN BANKING
23. PUBLIC BANK
24. HOTEL WARISAN & HOTEL MERIAH
25. UNITED MALAYAN BANKING
26. PEJABAT DAERAH
27. HONGKONG & SHANGHAI BANK
28. BANK SIMPANAN NATIONAL
29. BANK RAKYAT
30. HOTEL SERI HOOVER & CHUNG KHIAW BANK
31. STANDARD CHARTERED BANK
32. HOTEL TONG NAM
33. PANGGUNG REX
34. STATION BAS
35. HOTEL MALI
36. HOTEL BUNGA RAYA, HOTEL CITY & HOTEL GOLDEN CITY
37. WISMA MAJU
38. HOTEL TERENGGANU
39. TAMAN SELERA (MAKANAN BUKAN ISLAM)
40. D & C BANK
41. PANGGUNG CATHAY
42. MASJID ABIDIN
43. HOTEL NAM TAU
44. PASAR BESAR KEDAI PAYANG
45. ISTANA MAZIAH
46. PEJABAT POS BESAR
47. BANK BUMIPUTRA
48. HOTEL SEAVIEW
49. TAMAN SELERA TANJUNG (MAKANAN ISLAM)
50. PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH
51. STATION RADIO & TV
52. MOTEL DESA
53. LEMBAGA KRAFTANGAN MALAYSIA
54. TAPIAN GELANGGANG
55. JKR W/SHOP

○ KEDAI ALAT-ALAT SUKAN

LAMPU ISYARAT

→ JALAN SAHALA

56. RUMAH PANGSA BATAS BARU




SEKIL:
TOWN OF KUALA TERENGGANU

pemaparan kesan negatif yang lahir dari proses tersebut, diharap pihak berkuasa dapat mengambil langkah-langkah positif dalam mengatasi atau mencegah setiap kesan negatif.

Selain daripada itu pengkaji juga sedaya yang boleh cuba untuk mencungkil dan memaparkan segala masalah dan rungutan responden dan diharapkan pihak berkuasa menimbangkan segala masalah ini. Ini adalah kerana kehidupan rumah pangsa adalah suatu yang baru kepada penduduk Melayu di Kuala Terengganu dan sememangnya masalah yang timbul itu banyak walaupun kadangkala dianggap remeh-temeh bagi pihak berkuasa.

Jadi kepentingan kajian ini adalah bertujuan untuk menyedarkan dua pihak iaitu pihak perancang perbandaran dan pihak yang terlibat dan menerima akibat dari perancangan itu. Bagi pihak berkuasa, perlulah berhati-hati dalam membuat sesuatu perancangan dan segala masalah rakyat perlulah ditimbang sementara rakyat pula perlulah senantiasa bersedia dalam menjayakan rancangan-rancangan kerajaan untuk keperingan semua.

1.7 Kampung Batas Baru

Kampung ini terletak di sekitar pusat bandar Kuala Terengganu. Jaraknya dengan pusat bandar Kuala Terengganu kira-kira 0.5 kilometer. Ukur kelilingnya lebihkurang 3 kilometer dengan kepadatan penduduk sejumlah 2,000 orang. Bilangan rumah yang berdaftar hanyalah 80 buah sahaja.

Kampung ini mula diterokai secara berleluasa di sekitar tahun 1930 an. Majoriti penduduk di sini adalah bangsa Melayu yang merupakan bangsa yang mula-mula mendiami kampung ini. Kebanyakan rumah yang terdapat di sini adalah rumah yang telah dimakan usia dan diperbuat daripada kayu. Kalau adapun rumah yang kelihatan baru, itu hanyalah kerana dicat ataupun dibaiki semula.

Terdapat jalanraya yang baik menghubungi kawasan ini dengan bandar dan kawasan-kawasan lain. Sememangnya Kampung Batas Baru terletak di tengah-tengah dua jalanraya yang utama yang menghala ke selatan dan utara. Jalanraya itu ialah Jalan Batas Baru yang merentas kampung tersebut dan menjadi jalan utama bagi penduduk Kampung Batas Baru untuk ke utara (bandar Kuala Terengganu)dan juga ke kawasan-kawasan sebelah selatan. Walaupun begitu jalan ini tidak dilalui oleh bas-bas pengangkutan dan penduduk yang menggunakan jalan ini selalunya menggunakan kenderaan sendiri atau menaiki beca. Satu lagi jalan utama dan dilalui oleh bas-bas pengangkutan dan terletak di barat Kampung Batas Baru ialah Jalan Air Jernih. Jalanraya ini jarang digunakan oleh penduduk Batas Baru kerana jauh dari kawasan perumahan Kampung Batas Baru di mana penduduk yang ingin menggunakan jalan ini terpaksa berjalan kaki lebih dari 100 meter. Lagipun penduduk Batas Baru jarang menaiki bas memandangkan kedudukannya yang berhampiran dengan pusat bandar. Kampung Batas Baru merupakan kampung yang pertama terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh kerajaan dan oleh sebab itu sebahagian terlibat berpindah ke rumah pangsa Batas Baru.

1.8 <u>Perkembangan Perbandaran di Kuala Terengganu</u>

Kuala Terengganu merupakan daerah yang paling ramai dan paling tinggi kepadatan penduduknya di negeri Terengganu. Daerah Kuala Terengganu ini melingkungi kawasan seluas 236.4 hektar dengan keluasan 1 4691250 kilometer persegi.

Perkembangan bandar Kuala Terengganu adalah lembab sehinggalah pertengahan tahun 1970 an. Faktor yang menggalakkan perkembangan bandar ialah pertambahan penduduk yang pesat dan permintaan untuk perniagaan serta tempat tinggal yang meningkat di bandar. Faktor-faktor ini pula disokong dengan adanya peningkatan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Peningkatan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar ini adalah berpunca dari peningkatan sumbangan yang diberikan oleh sektor perlombongan, pertanian, pembuatan, kewangan dan sektor awam. Peningkatan yang ketara terlihat di mana pada tahun 1975, KDNK Terengganu hanyalah pada paras 357.8 juta dan telah meningkat ke a ngka 1 333 juta pada tahun 1985. Peningkatan inilah yang menjadi sokongan kuat kepada kerajaan dalam membangunkan bandar Kuala Terengganu dan kawasan-kawasan lain dengan lebih terancang.

Bandar Kuala Terengganu menjadi semakin sibuk akibat pembangunan pembangunan yang telah berlaku dalam bandar ini; terutamanya di kawasan pusat bandar. Bangunan pasar besar Kuala Terengganu sudahpun berubah wajah dengan terbinanya bangunan Pasar Besar Kuala Terengganu yang baru. Bangunan ini boleh menampung lebih ramai lagi peniaga dengan pertambahan ruang-ruang perniagaan yang baru. Bangunan ini juga ada

mempunyai tempat letak kereta yang khas yang menyelesaikan masalah meletak kereta selama ini. Jalan-jaln yang menghala ke pasar ini diatur dengan amat baik untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dengan mengadakan lebih banyak jalan sehala.

Selain dari itu, kerajaan juga telah menyediakan ruangan untuk pejabat-pejabat yang setempat. Dua buah banguanan 13 tingkat yang dikenali dengan Bangunan Wisma Negeri dan Wisma Persekutuan telah dibina untuk menampung pekerja-pekerja kerajaan. Kini telah siap pula bangunan pentadbiran kerajaan negeri Terengganu yang dikenali dengan nama Wisma Darul Iman.

Di samping bangunan untuk ruang pejabat dan ruang perniagaan, pertumbuhan kawasan perumahan juga telah meningkat di Kuala Terengganu hasil usaha sektor kerajaan dan juga sektor swasta. Antara projek yang dimajukan oleh sektor swasta ialah projek Perumahan Taman Indera Kayangan, Taman Hajjah Kalsom, Projek Perumahan Jalan Tekukor dan Projek Perumahan Jalan Air Jernih. Kesemua projek ini merupakan projek perumahan komersial.

Untuk menampung permintaan rumah di kalangan berpendapatan rendah, kerajaan dengan agennya iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah menyediakan rumah kos rendah. Antaranya ialah rumah pangsa Batas Baru, rumah pangsa Bukit Depu, rumah murah Gong Badak, rumah murah Telaga Daing dan rumah murah Wakaf Tengah. Pertambahan kawasan perumahan ini adalah sejajar dengan peningkatan penduduk yang semakin bertambah di bandar Kuala Terengganu akibat dari

migrasi dan juga perkembangan semulajadi.

Dari segi penduduk Kuala Terengganu pula, terdapat pertambahan penduduk yang begitu ketara sekali sehingga 1985, terutama antara tahun 1974 hingga 1980. Sehingga tahun 1985, jumlah penduduk Kuala Terengganu ialah pada angka 274,300 orang. Pengkaji hanya memperolehi data pertambahan penduduk daerah Kuala Terengganu sahaja dan tiada yang spesifik untuk pertambahan penduduk bagi bandar Kuala Terengganu. Data ini juga menggolongkan semua bangsa dan tidak hanya bertumpu kepada bangsa Melayu sahaja.




JADUAL 1: JUMLAH PENDUDUK KUALA TERENGGANU: 1974 - 1975 (ribu orang)
(10 Tahun Pembangunan Negeri Terengganu (1974 hingga 1984) Hal. 33)

Sejajar dengan peningkatan penduduk Kuala Terengganu terutamanya di kawasan bandar, ianya telah meningkatkan permintaan terhadap ruang-ruang perniagaan yang baru. Bagi peniaga kecil yang mejoritinya orang Melayu, pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah menyediakan

beberapa deretan ruang perniagaan yang kecil disuatu kawasan khas di tengah pusat bandar dengan kadar sewa yang sederhana. Ruangan ini dimonopoli sepenuhnya oleh orang-orang Melayu yang terpaksa bersaing dengan peniaga-peniaga asing seperti yang mempunyai ruang kedai perniagaan yang lebih selesa. Pihak swasta yang mempunyai modal yang lebih besar turut bersaing dengan membuka agensi pernigaan 'department store'. Kini di bandar Kuala Terengganu terdapat 5 buah pasaraya yang besar iaitu Kuala Terengganu Supermarket, Bumi Supermarket, Kompleks Membeli Belah, Emporium Johan dan Emporium Hock Kee Seng. Di samping itu terdapat satu kawasan seluas 1.21 hektar yang dimajukan oleh pihak swasta, khas untuk kawasan kegiatan ekonomi walaupun belum beroperasi dengan sepenuhnya.

Keadaan ini telah menggalakkan berkembangannya urbanisasi di bandar Kuala Terengganu. Penduduk Kuala Terengganu dan di luar daerah Kuala Terengganu mula meminati dan bertumpu ke pusat membeli belah yang membekalkan segala macam keperluan itu. Bagi golongan muda mudi pula, mereka menjadikan tempat-tempat membeli belah itu sebagai tempat bersiar-siar atau menghabiskan masa lapang. Tempat-tempat yang sebegini sentiasa ramai dengan pelawat walaupun bukan pembeli terutamanya pada hari Sabtu ataupun hari-hari kelepasan am. Banjiran penduduk ke kawasan bandar yang pesat ini, menggalakkan syarikat-syarikat pengangkutan menambahkan perkhidmatan. Permintaan untuk perkhidmatan pengangkutan menambahkan perkhidmatan ini menimbulkan pula segolongan manusia yang mengambil kesempatan menjalankan kegiatan pengangkutan haram seperti 'teksi sapu.'

Perkembangan bandar Kuala Terengganu selari dengan pembangunan dirancangkan oleh kerajaan dan perlahan-lahan mendorong kepada urbanisma.

Kesan Perkembangan Bandar Di Kuala Terengganu

Perkembangan bandar beserta dengan pembangunan telah dapat menawarkan ruang untuk berbagai kegiatan terutama kegiatan ekonomi. Ruang-ruang yang tersedia ini telahmenarik tumpuan penduduk untuk berlumba merebut peluang yang ada. Keghairahan urbanisma yang baru menjalar di bandar Kuala Terengganu menyebabkan malah menggalakkan peningkatan migrasi dari luar daerah Kuala Terengganu di samping pertambahan penduduk semulajadi.

Mengikut banci 1970, Kuala Terengganu mengalami migrasi dari daerah lain sebanyak 4,417 orang. Seramai 1,541 orang adalah migrasi dari daerah Besut, 1,209 orang dari daerah Dungun, 835 orang dari daerah Kemaman, 470 orang dari daerah Marang dan dari daerah Hulu Terengganu seramai 362 orang. Bagi tahun-tahun kebelakangan ini, sukar untuk memperolehi data-data migrasi daerah-daerah. Hanya yang popular ialah migrasi dari luar bandar ke bandar. Migrasi yang berlaku di bandar Kuala Terengganu adalahberdasarkan kepada beberapa faktor iaitu:

1. Perpindahan tempat kerja

2. Mendapat pekerjaan atau memulakan kerja

3. Mencari pendapatan yang lebih

4. Pelajaran
5. Berkahwin
6. Mengikut suami atau isteri tinggal di bandar
7. Mencari pekerjaan
8. Lain-lain

Bagi pertambahan semulajadi pula, ianya kian meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 1974 pertambahan penduduk semulajadi negeri Terengganu ialah pada angka 13,547 orang dan meningkat kepada 17,029 pada tahun 1980.

Kadar kelahiran di daerah Kuala Terengganu juga meningkat. Pada tahun 1974, pertambahan penduduk akibat kelahiran ialah seramai 7,718 orang, dan meningkat ke angka 8,916 pada tahun 1980. Dari jumlah itu 7,394 adalah kanak-kanak Melayu yang dilahirkan pada 1974 dan pada tahun 1980 pula ialah 8,502 orang (95.4 %).

Pertambahan pendududk ini akan menyebabkan kepadatan penduduk dan perebutan ruang-ruang. Faktor-faktor yang sedia ada di bandar menjadi daya tarikan kepada proses migrasi dari luar bandar dan juga dari daerah lain ke bandar Kuala Terengganu.

Pertambahan penduduk dan perkembangan pembandaran telah menggalakkan pertumbuhan kegiatan ekonomi dengan terbinanya banyak ruang-ruang untuk kegiatan sedemikian. Keadaan ini telah menarik minat agensi kewangan untuk membuka cawangan di Kuala Terengganu. Di samping bank-bank yang sudah sedia ada seperti Bank Bumiputra, Malayan Banking, Hong Kong and Shanghai Bank dan Chung Khiaw Bank, kini bertambah lagi bank-bank baru seperti French Bank, KUBB, Southern Bank dan Perwira Habib Bank.

Adanya ruang-ruang untuk berbagai kegiatan di samping permintaan untuk tenaga buruh yang kian meningkat akibat dari pembukaan ruang-ruang perniagaan yang baru menyebabkan kepadatan. Akibatnya permintaan untuk rumah juga meningkat.

Pembangunan yang pesat memerlukan tenaga buruh yang ramai terutamanya buruh binaan dan kerana projek-projek tertentu banyak tertumpu di bandar Kuala Terengganu, oleh itu permintaan untuk rumah sewa di bandar Kuala Terengganu telah meningkat. Kadar sewa yang meningkat ini merupakan peluang keemasan yang direbut sepenuhnya oleh tuan-tuan punya rumah di bandar Kuala Terengganu dengan membesarkan lagi atau menambah bahagian-bahagian rumah kediaman mereka dalam masa yang singkat tanpa mendapat kelulusan dari pihak berkuasa Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Tanah digunakan seberapa maksima yang mungkin dan hasilnya terdapat rumah-rumah yang terlalu rapat dan tiada ruang untuk dilalui dengan motosikal. Ada juga terdapat rumah yang terlalu hampir dengan jalanraya.

Terdapat kes di mana tuan punya rela berpindah dari rumah mereka di bandar Kuala Terengganu dan menyewa rumah yang lebih murah di kawasan luar bandar Kuala Terengganu sementara rumah kediaman mereka di bandar disewakan dengan kadar yang menguntungkan.

Kepadatan penduduk di bandar Kuala Terengganu secara mendadak ini hanya melibatkan kampung Melayu di bandar Kuala Terengganu. Ianya tidak melibatkan Kampung Cina kerana kampung tersebut sudah sedia padat dan tak mungkin diberi sewa lagi. Lagipun, kebanyakan orang Cina tidak berminat untuk keluar dari bandar Kuala Terengganu kerana

kegiatan ekonomi mereka tertumpu di bandar. Penambahan kepadatan penduduk lebih tertumpu pada kampung-kampung Melayu dalam bandar iaitu seperti Kampung Batas Baru, Kampung Kolam dan Kampung Tanjong. Jadi tidak hairanlah jika terdapat penduduk kampung Melayu yang saling tidak mengenali antara jiran kerana mereka ini terdiri dari penyewa yang datang dari daerah, kampung atau negeri yang berlainan.

Seperti kata Louis Wirth (1938), bilangan penduduk yang ramai akan mewujudkan kepelbagaian dan perbezaan dari segi budaya, pekerjaan, pendapatan, kelakuan dan lain-lain lagi dan hal yang demikian menyebabkan berlakunya pengelompokan individu berdasarkan persamaan kepentingan (a common interest), ikatan kekeluargaan dan kejiranan menjadi longgar. Wirth hanya melihat kesan negatif akibat perbandaran. Ini ada kebenarannya dengan apa yang berlaku di bandar Kuala Terengganu, dimana perkembangan bandar menimbulkan kepadan dan kekurangan ruang. Perkembangan bandar membawa kepada urbanisma yang negatif. Anak-anak muda ini lebih suka mengisi masa lapang dengan bersiar-siar di kompleks membeli-belah. Mereka ini hanyut dan cepat terpengaruh dengan gejala yang kurang sihat seperti menghisap rokok dan mungkin juga menghisap dadah. Pelajaran ugama dan akademik diabaikan dan tidak hairanlah kalau di bandar walaupun mempunyai berbagai kemudahan untuk belajar tapi masih ramai lagi yang tercicir.

Suri-suri rumah pula lebih berminat berbelanja di pasaraya walaupun harganya lebih mahal berbanding dengan kedai-kedai di kampung. Ini adalah kerana bagi mereka sudah timbul perasaan 'ada kelas' (standard) bila berbelanja di pasaraya.

Gejala-gejala kurang sihat selalunya timbul di kawasan yang padat dan tidak terancang. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan cuba mengimbangi permintaan untuk ruang dengan penawaran yang dapat disediakan. Permintaan untuk ruang tempat kediaman adalah dititikberatkan terutama pada golongan yang berpendapatan rendah. Untuk menampung permintaan ini, kerajaan telah menyiapkan 1,425 unit rumah kos rendah antara tahun 1974 hingga 1984 di daerah Kuala Terengganu dengan menelan belanja sebanyak $ 30,425,207.04. Sebanyak 219 unit lagi masih dalam penyelenggaraan. Di samping langkah-langkah kerajaan, peranan sektor swasta juga penting dalam menampung permintaan rumah ini, tapi sektor swasta lebih berminat membina rumah komersial yang lebih menguntungkan.

Dalam proses memenuhi permintaan untuk rumah dan juga untuk menyusun semula masyarakat dengan perancangan bandar yang lebih teliti, kerajaan terpaksa membangunkan kawasan-kawasan tertentu dengan cara mengambil tanah-tanah tertentu di suatu kawasan. Antara kampung yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh kerajaan ini ialah Kampung Batas Baru yang terletak dalam kawasan bandar Kuala Terengganu. Selain daripada Kampung Batas Baru yang terlibat dengan proses ini, terdapat kampung-kampung lain yang juga turut terlibat sama seperti Kampung Kolam, Kampung Tanjong dan sebahagian Kampung Ladang, tapi pengkaji hanya ingin menumpukan kajian kepada Kampung Batas Baru sahaja di mana kampung ini diwartakan dan penduduk yang terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh kerajaan itu sudahpun dipindahkan.

## 1.9 Bandar

Terdapat berbagai-bagai definasi atau tafsiran mengenai bandar. Dari tafsiran yang berbagai itu, penekanan pendefinasian adalah ditumpukan pada dua aspek penting iaitu dari aspek demografi dan aspek ekonomi. Kebanyakan definasi-definasi bandar yang diutarakan seringkali merupakan suatu perbandingan antara dua kawasan iaitu kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Dari kenyataan aspek demografi, bandar di sesuatu negara adalah tempat di mana penduduknya secara relatif adalah lebih padat dari kawasan-kawasan lain.

Dari aspek ekonomi pula di bandar penumpuan ekonomi atau kegiatan ekonomi masyarakat adalah tertumpu pada kegiatan bukan ekonomi. Tegasnya di sini ialah persekitaran bandar adalah berbeza dengan persekitaran luar bandar. Dalam menegaskan perbezaan antara bandar dan luar bandar di samping menjitukan lagi definisi bandar, berbagai pendapat, pengukuran serta ciri-ciri bandar telah dikemukakan untuk membolehkan sesuatu kawasan itu dipanggil bandar.

Bagi Walter F. Wilcox (Burgell 1955), dengan menggunakan kaedah statistik, beliau mendifinisikan bandar berdasarkan densiti, iaitu berlandaskan pada kajiannya di Tompkins Country, New York. Beliau mengatakan bahawa densiti yang melebihi 1000 orang bagi satu batu persegi adalah bandar. Definisi sebegini kurang diterima umum kerana

kelemahan yang nyata terlihat iaitu terdapat perbezaan antara negara negara di dunia ini. Menyedari akan kelemahan ini Wilcox telah menyelitkan unsur pekerjaan dengan menyarankan bahawa di bandar kegiatan ekonomi yang utama ialah bukan tani sedangkan di luar bandar kegiatan ekonomi yang utama ialah pertanian.

Sombart pula telah mengkritik pendapat yang mentakrifkan bandar sebagai suatu tempat yang kecil dan telah menjadi besar di mana manusia tidak lagi suka ambil tahu hal orang lain. Bagi beliau, definisi ini adalah secara sosiologikal dan tidak bertepatan dengan konsep bandar kecil.

Sarokin dan Zimmerman (1969) telah menggariskan lapan ciri-ciri yang membezakan antara kawasan bandar dan luar bandar. Mereka telah melihat dari segi ciri:-

1. Pekerjaan
2. Persekitaran
3. Saiz komuniti
4. Kepadatan
5. Mobiliti
6. Bentuk interaksi
7. Kepelbagaian (haterogenity) dan keseragaman (homogenity)
8. Perbezaan dan strafikasi sosial

Menurut Bergell (1955) iaitu setelah beliau meneliti dan menganalisa definisi-definisi yang lebih awal, beliau membuat rumusan dengan mendefinisikan bandar berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan definisi

yang terdahulu. Bagi beliau, bandar merupakan satu tempat tinggal (settlement) di mana majoriti penduduknya adalah terlibat dengan kegiatan ekonomi selain dari pertanian. Jika ada kegiatan pertanian, ianya tidaklah merupakan sumber ekonomi yang utama.

Di Malaysia, terdapat takrif bandar berdasarkan kepada kependudukan yang melebihi seribu (1000) orang dan ada juga yang melebihi 10,000 orang. Hamzah Sendut (1962) telah membuktikan bahawa 42 % daripada penduduk Malaysia antara tahun 1957 hingga tahun 1960 tinggal di kawasan yang melebihi 1000 orang dan 34 % tinggal di kawasan yang melebihi 10,000 orang. Beliau menyarankan agar kawasan yang penduduknya melebihi 2000 orang dianggap bandar. Ini kerana pada pandangan beliau, di Malaysia pada waktu itu jumlah 1000 orang adalah terlalu sedikit atau terlalu kecil untuk dipanggil bandar, sedangkan jumlah 10,000 orang dianggap terlalu tinggi, memandangkan banyak penempatan di Malaysia pada waktu itu kurang dari 10,000 orang.

Louis Wirth (1960) telah mengkaji masyarakat secara ekologi. Beliau telah mendifinisikan bandar sebagai suatu tempat tinggal yang tetap, mempunyai bilangan penduduk yang ramai, darjah kepadatan yang tinggi dan ada unsur kepelbagaian.

## 1.10 Urbanisma (Gaya Hidup Bandar)

Ciri-ciri bandar tidak hanya bertumpu pada definisi, kegiatan ekonomi dan jumlah penduduk sahaja tetapi bandar juga telah melahirkan satu identiti tersendiri iaitu, urbanisma atau gaya hidup bandar. Gaya

hidup bandar adalah berbeza dengan gaya hidup di luar bandar. Berhubung dengan gaya hidup bandar, terdapat beberapa teori yang menghuraikannya seperti yang dikemukakan oleh Louis Wirth, Robert Redfield dan Oscar Lewis.

Bagi Wirth, urbanisma adalah akibah dari 3 ciri-ciri bandar yang utama iaitu penduduk yang ramai, kepadatan dan kepelbagaian. Tafsiran gaya hidup bandar mengikut Wirth adalah dicirikan oleh keruntuhan hubungan primary dan diganti dengan hubungan sekunder dan akibatnya penduduk bandar lebih berorientasikan personal disorganisation, mental breakdown, suicide, crime dan sebagainya. Pandangan Wirth yang mentafsirkan urbanisasi secara negatif ini disokong oleh Robert Redfield yang menghuraikan cara hidup bandar bercirikan individualization, secularization dan disorganization.

Walaupun begitu pandangan negatif Redfield dan Wirth ini telah ditolak dan dikritik oleh tokoh-tokoh lain seperti Oscar Lewis, Abu Lughod dan Gans. Bagi mereka terutamanya Oscar Lewis yang telah menjalankan kajian secara empirikal ke atas masyarakat Mexico, cara hidup bandar tidak semestinya menunjukkan ciri-ciri negatif kerana reaksi manusia kepada perbandaran adalah berbagai-bagai. Dalam kajian Oscar Lewis, beliau tidak melihat ujudnya sifat negatif seperti apa yang disarankan oleh Wirth dan Redfield, malah beliau mendapati masih ujud sifat positif seperti keeratan ikatan extended family, pegangan ugama yang kuat dan masyarakat bandar bertambah berdisiplin selaras dengan perkembangan urbanisasi.

Pendapat Oscar Lewis adalah lebih diterima oleh pengkaji masyarakat

kerana pengelihatannya dalam cara hidup bandar lebih seimbang dengan melihat ciri-ciri negatif dan positif sedangkan Wirth dan Redfield melihat bandar hanya berdasarkan resapan ciri-ciri negatif pada masyarakat sahaja.

## 1.11 Urbanisasi

Mengikut Bergell, urbanisasi merupakan satu proses penukaran daripada rural kepada urban yang mendatangkan kesan ke atas ekonomi penduduk. Penduduk yang terlibat dalam pertanian semakin berkurangan dan penduduk bandar semakin bertambah.

Raja Mohd Affandi (1977) mendefinisikan urbanisasi sebagai proses ke arah kegiatan perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan. Kata beliau satu sifat urbanisasi yang jelas ialah terdapatnya ramai penduduk dan banyak bangunan di dalam satu kawasan yang kecil.

Pengkaji-pengkaji bandar selalu menggunakan konsep urbanisasi sebagai satu proses penyerapan urbanisma ke atas penduduk dan juga proses perubahan ke arah pembangunan dan kepadatan penduduk yang tinggi. Urbanisasi boleh berlaku hasil dari beberapa faktor iaitu faktor migrasi, perluasan kawasan bandar dan berkembangnya urbanisma ke kawasan luar bandar. Proses urbanisasi telah menyebabkan pertambahan penduduk bandar. Pertambahan ini berkaitan dengan proses migrasi, proses perluasan kawasan bandar dan juga kadar kelahiran yang bertambah berbanding dengan kadar kematian yang kurang. Setakat ini, banyak data-data menunjukkan kadar pertambahan penduduk yang pesat di bandar.

Mc Gee (1971) telah membuat perbandingan pertambahan penduduk bagi bandar-bandar besar di Asia dengan Eropah dan Amerika. Katanya antara tahun 1800 hingga 1850, penduduk di bandar-bandar Asia telah meningkat sebanyak 25 %, di Eropah dan Amerika sebanyak 184 %. Antara tahun 1850 hingga 1900, di Asia bertambah sebanyak 60 % sementara di Eropah dan Amerika sebanyak 210 % . Bila mencapai abad ke 20, penduduk di bandar-bandar Asia bertambah sebanyak 450 % sedangkan di Eropah dan Amerika hanya sebanyak 160 % sahaja. Di Asia Tenggara, Mc Gee mengatakan faktor terpenting pertambahan penduduk dalam bandar adalah migrasi di samping faktor-faktor lain seperti perluasan bandar, pertambahan penduduk secara semulajadi dan kurangnya kadar kematian dalam bandar. Tiap-tiap bandar di Asia Tenggara mengalami proses migrasi yang pesat. Di Jakarta pada 1954, 73 % penduduk bandar adalah berasal dari luar bandar, Bangkok pada 1960, 26.6 % dari penduduk bandar bandar berasal dari luar bandar.

Di Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan), pertambahan penduduk begitu ketara sekali selepas merdeka. Pada tahun 1947, orang Melayu di Kuala Lumpur berjumlah 21,989 iaitu 12.4 % dari penduduk Kuala Lumpur. Pada tahun 1957, jumlah itu meningkat kepada 47,615 iaitu pertambahan sebanyak 15 %. Orang Melayu di Kuala Lumpur makin bertambah pada tahun 1980 iaitu 294,200 orang, merupakan 28 % dari jumlah penduduk Kuala Lumpur yang berjumlah 1,036,900 orang. (Pelan Struktur Kuala Lumpur, 1982: 24). Dalam jangkamasa 32 tahun selepas merdeka, orang Melayu Kuala Lumpur bertambah kepada suku juta orang dengan purata kadar

pertambahan sebanyak 8000 orang setahun. Pertambahan ini berpunca dari tiga faktor iaitu kelahiran, migrasi dari luar bandar dan juga perluasan kawasan bandar Kuala Lumpur. Perluasan sempadan bandar Kuala Lumpur daripada 36 batu persegi kepada 94 batu persegi telah menukar taraf orang Melayu di Kawasan Simpanan Melayu, Gombak, Sungai Penchala, Selayang, Segambut, Kampung Pandan dan Kampung Datuk Keramat menjadi orang bandar (Kuala Lumpur). Abad ke 20 dianggap sebagai 'zaman bandar' dan sebahagian besar penduduk di negara membangun tinggal di bandar. Bagi negara sedang membangun, pembangunan industri dan pertumbuhan bandar dianggap sebagai prasyarat untuk maju dan makmur. Di Malaysia, sekiranya bandar boleh didefinisikan mempunyai lebih daripada 100,000 orang, maka penduduk di Malaysia pada tahun 1970 adalah pada kadar 29 % tinggal di bandar. Pertumbuhan kilang dan pertambahan perkhidmatan awam menyumbangkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertambahan pesat ini telah mewujudkan lebih banyak bandar yang mempunyai penduduk antara 10,000 hingga 75,000 orang. Penduduk bandar di Malaysia ini dapat dilihat pada rajah berikut:

JADUAL 2: SEMENANJUNG MALAYSIA; KOMPOSISI PENDUDUK MENURUT STRATA DAN BANGSA, 1975 - 1980 (DALAM '000')

| | 1975 | | | 1980 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | BANDAR | LUAR BANDAR | JUMLAH | BANDAR | LUAR BANDAR | JUMLAH |
| MELAYU | 994 | 4516 | 5510 | 1342 | 4963 | 6305 |
| % | 18.0 | 82.0 | 100 | 21.3 | 78.7 | 100 |
| CINA | 1872 | 1817 | 3689 | 2251 | 1919 | 4170 |
| % | 50.7 | 49.3 | 100 | 54.0 | 46.0 | 100 |
| INDIA | 417 | 688 | 1105 | 515 | 742 | 1257 |
| % | 37.7 | 62.3 | 100 | 41.0 | 59.0 | 100 |
| LAIN$_2$ | 38 | 43 | 81 | 47 | 43 | 90 |
| % | 46.9 | 53.1 | 100 | 52.2 | 47.8 | 100 |
| JUMLAH | 3321 | 7064 | 10,385 | 4155 | 7667 | 11,822 |
| % | 32.0 | 68.0 | 100 | 35.1 | 64.9 | 100 |

Sumber: Perbandaran, Iklim Bandar dan Pencemaran Udara - Sham Sani.

Pertambahan penduduk Melayu di bandar-bandar Semenanjung Malaysia adalah amat ketara berbanding dengan masa lalu, di mana bandar-bandar hanya dipenuhi apa sebilangan besarnya kaum Cina, India dan Eropah. Menurut Raja Mohd Affandi, pada tahun 1931, penduduk Melayu di bandar hanyalah 6.6 %. Pada tahun 1947, meningkat kepada 8.2 % , 1957 jumlah ini meningkat kepada 13.6 % dan pada tahun 1970 sebanyak 15 % .

Kadar penduduk Melayu di bandar secara relatifnya dengan bangsa-bangsa lain juga meningkat daripada 19 % pada tahun 1931 kepada 21.3 % pada tahun 1957 dan pada tahun 1970 meningkat kepada 26.4 %.

Jadi tegasnya di sini, penduduk Melayu semakin meningkat di bandar-bandar dari tahun ke tahun. Pertambahan ini disebabkan oleh faktor menarik iaitu kelebihan yang terdapat di bandar dan faktor menolak iaitu kekurangan di luar bandar. Keperluan kepada perkhidmatan awam seperti polis, tentera dan pegawai rendah di jabatan kerajaan telah menarik penduduk Melayu ke bandar. Ini terjadi kerana pusat-pusat perkhidmatan sedemikian selalunya terdapat di bandar dan tambahan pula pekerjaan jenis ini kurang persaingan dari bangsa-bangsa lain; misalnya orang Cina, mereka lebih berminat menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Perkembangan sistem pelajaran rendah dan menengah juga menyebabkan ramai orang Melayu meninggalkan bidang pertanian dan mengejar jawatan 'berkolar putih' di bandar-bandar. Perkembangan sistem sebaran am seperti radio, televisyen, majalah, akhbar dan lain-lain lagi telah menarik minat masyarakat luar bandar terutamanya para belia untuk datang ke bandar. Ini adalah disebabkan kebanyakan media massa selalunya memuatkan kisah-kisah yang menarik di bandar-bandar dan keindahan serta hiburan yang terdapat di bandar.

Pertambahan penduduk di luar bandar yang tidak sejajar dengan kemajuan ekonomi menyebabkan ramai orang Melayu mencari jalan keluar untuk mendapatkan pekerjaan dan tumpuan mereka sudah tentulah ke bandar dengan bekerja sebagai buruh. Di kampung kegiatan ekonomi yang utama

ialah di dalam sektor pertanian. Apabila sudah melepasi beberapa generasi, tanah pusaka semakin mengecil dari segi pemilikan dan tidak subur lagi untuk kegiatan pertanian. Ini menyebabkan pendapatan para petani luar bandar semakin rendah sedangkan keperluan dan kehendak semakin bertambah.

Peranan kerajaan dalam usaha meningkatkan ekonomi negara dengan cara menggalakkan pelaburan asing juga menyebabkan orang Melayu semakin ramai di bandar. Kilang-kilang dan industri-industri telah menyebabkan permintaan kepada tenaga buruh yang berkelulusan rendah semakin meningkat. Buruh-buruh yang berkelulusan rendah sebahagian besarnya adalah orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar. Tambahan pula, sejak tahun 1958 lagi, syarikat perusahaan perintis telah disyaratkan supaya mengambil lebih dari 40 % orang Melayu sebagai pekerja.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat, kerajaan masih menyarankan isu membasmi kemiskinan dengan cara agihan pendapatan yang lebih saksama. Dasar kerajaan ini telah memberi peluang yang lebih istimewa bagi kaum bumiputera terutamanya kaum Melayu untuk berkecimpung di dalam bidang perniagaan. Selalunya aktiviti perniagaan adalah tertumpu di bandar dan oleh itu ramai orang Melayu cuba merebut peluang-peluang berniaga di bandar. Dasar kerajaan juga cuba mengimbangi kadar penduduk Melayu dengan bangsa-bangsa lain di bandar. Oleh itu, untuk mengimbanginya penduduk Melayu perlu diramaikan lagi di bandar.

Adanya faktor-faktor di atas tadi, menyebabkan pertambahan penduduk dengan kadar kepadatan yang tinggi di bandar. Hasil dari kepadatan yang

tinggi ini, oleh itu berlakulah persaingan untuk mendapatkan ruang samada untuk berniaga ataupun sebagai tempat tinggal. Permintaan untuk rumah meningkat dengan tingginya terutama bagi rumah-rumah kos rendah. Akibatnya kadar sewa rumah melambung naik. Bagi pekerja yang bergaji atau berpendapatan tinggi, mungkin tidaklah begitu menjadi masalah dalam menghadapi persaingan ini tetapi bagi golongan yang berpendapatan rendah, ianya merupakan masalah yang besar. Hasil dari penyelesaian ini, timbullah perumahan-perumahan haram atau setinggan. Golongan begini mendatangkan masalah pada pembangunan di mana tanah yang mereka duduki itu selalunya tanah kerajaan dan untuk membangunkan kawasan itu kerajaan menghadapi masalah dalam hal mengusir atau memindahkan mereka. Ini adalah kerana golongan ini mempunyai pengaruh politik yang kuat di kawasan bandar iaitu kuasa mengundi. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan terpaksa meluaskan kawasan bandar dan membina rumah-rumah kos rendah yang bersesuaian dengan pendapatan golongan ini. Cara yang paling ketara diambil oleh kerajaan ialah dengan penempatan semula golongan ini di suatu kawasan perumahan (resettlement). Selalunya mereka diberi rumah pangsa dengan kadar bayaran yang dirasakan termampu oleh golongan ini.

Rumah pangsa merupakan satu persekitaran (environment) yang baru bagi orang Melayu dan selalunya sesuatu yang baru itu akan menimbulkan masalah baru juga. Proses pengadaptasian dengan tempat tinggal yang baru ini akan mendatangkan kesan perubahan-perubahan tertentu baik dari segi ekonomi, sosial dan mungkin politik. Masalah yang dihadapi oleh

golongan ini, proses pengadaptasian dan kesan-kesan pengadaptasian merupakan suatu perkara yang menarik untuk diteliti, dikaji dan dianalisa.

# BAB II

## ORANG MELAYU BANDAR KUALA TERENGGANU DAN PROSES PERBANDARAN

### 2.1 Taburan Penduduk Bandar Kuala Terengganu

Sebelum tumpuan sepenuhnya difokuskan kepada kawasan Kampung Batas Baru, perlu dilihat dulu taburan penduduk bandar Kuala Terengganu mengikut bangsa. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini daerah Kuala Terengganu mengalami pertambahan penduduk yang ketara selepas tahun 1970. Antara tahun 1974 hingga ke tahun 1980, daerah Kuala Terengganu telah mengalami pertambahan penduduk sebanyak 21.53 % iaitu dari jumlah 198,300 kepada tahun 1970, meningkat menjadi 241.000 pada tahun 1980.

Bagi kawasan daerah Kuala Terengganu, majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Menurut bancian tahun 1970 jumlah penduduk Melayu di Kuala Terengganu ialah pada angka 161,949 orang, di mana 78,268 adalah lelaki dan 83,681 adalah perempuan. Jumlah ini adalah 93.4 % dari jumlah penduduk Kuala Terengganu. Jumlah kaum Cina pula hanyalah 10,099 (5.8 %), India 1,110 (0.64 %) dan lain-lain 146 (0.08 %). Terlihat di sini iaitu jumlah orang Melayu di Kuala Terengganu adalah besar secara relatifnya.

Di bandar Kuala Terengganu, penduduk Melayu dan Cina adalah berkelompok-kelompok. Keadaan ini jelas terlihat di mana orang Cina menubuhkan wilayah mereka sendiri iaitu Kampung Cina dan orang Melayu pula dengan kampung Melayu. Orang India pula hanya sekadar 'terselit'

di antara rumah-rumah orang Melayu di Kampung Melayu.

Selain di Kampung Cina, orang-orang Cina juga tertumpu penempatan mereka di sepanjang Sungai Terengganu hingga ke Kampung Pulau Kambing. Biasanya orang-orang Cina juga dapat dilihat di dalam bandar dan selalunya rumah mereka menghala ke jalanraya. Pendek kata orang Cina hanya tertumpu di kawasan pusat bandar iaitu kawasan kegiatan ekonomi yang utama. Ini berkaitan rapat dengan kegiatan ekonomi mereka.

Orang Melayu pula, tertumpu di kawasan perkampungan Melayu. Antara kampung-kampung Melayu yang berhampiran dengan pusat bandar ialah Kampung Tanjong (di sebelah utara pusat bandar, di pinggir Laut China Selatan), Kampung Ladang (di sebelah barat pusat bandar), Kampung Batas Baru (di selatan pusat bandar) dan Kampung Tiong (di tengah-tengah pusat bandar) serta Kampung Kolam (juga di utara pusat bandar). Kampung-kampung ini terletak dalam Mukim Kuala Terengganu.

Di antara kampung-kampung ini, hanya Kampung Kolam dan Kampung Batas Baru sahaja yang telah diwartakan untuk Proses Pengambilan Semula Tanah, di mana penduduk Batas Baru yang terlibat sudahpun berpindah ke rumah pangsa Batas Baru atau ke tempat-tempat lain. Rumah-rumah penduduk Kampung Batas Baru sudahpun dirobohkan sementara kawasan Kampung Kolam masih lagi belum dipindahkan. Kampung Batas Baru mengandungi 120 buah rumah sementara Kampung Kolam pula mengandungi 140 buah rumah.

## 2.2 Rumah Kediaman dan Jenis Kegiatan Orang Melayu Bandar Kuala Terengganu

Bandar Kuala Terengganu mempunyai keunikan yang tersendiri dari

segi rumah kediaman penduduk di situ.

Bagi orang Cina di Kampung Cina, jenis rumah kediaman mereka adalah rumah teres satu tingkat dan terletak di pinggir Sungai Terengganu. Dinding dan lantai rumah adalah campuran daripada batu, simen dan bata (struktur rumah jenis lama), atapnya diperbuat daripada genting sementara pintunya diperbuat daripada kayu. Bahagian dapur atau bahagian belakang rumah-rumah ini mempunyai tiang-tiang besar yang terpacak di dalam gigi air Sungai Terengganu. Walaupun sudah menjangkau usia yang lama, iaitu lebih daripada 50 tahun, tidak banyak perubahan yang berlaku ke atas bentuk rumah-rumah di sini. Rumah teres satu tingkat ini masih teguh membujur di kiri dan kanan Jalan Kampung Cina sepanjang 300 meter. Rumah-rumah ini masih kelihatan kukuh dan teguh serta tahan dengan hakisan dan luluhawa kawasan tepi pantai. Inilah keunikan Kampung Cina dan ianya berbeza samasekali dengan rumah orang-orang Cina di kawasan-kawasan lain seperti di Pulau Kambing. Di kawasan Pulau Kambing kebanyakan daripada rumah orang-orang Cina diperbuat daripada kayu (juga berbentuk rumah teres satu tingkat) sementara lantainya diperbuat daripada simen. Rumah-rumah di Kampung Cina mempunyai kaki lima yang rapat ke jalanraya sementara rumah-rumah di Kampung Pulau Kambing pula mempunyai ruang kawasan yang lebih luas (20 kaki daripada jalanraya, sebagaimana yang disyarakatkan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu). Rumah orang-orang Cina di Kampung Pulau Kambing juga terletak di pinggir Sungai Terengganu dan menghadap ke jalanraya. Dengan keadaan rumah sebegini, serta lokasi yang strategik

iaitu di dalam bandar, jadi ianya mempengaruhi kegiatan ekonomi orang-orang Cina yang lebih bertumpu kepada bidang perniagaan. Di Kampung Cina, rumah merupakan tempat kediaman dan sekaligus sebagai ruang perniagaan. Bahagian tingkat bawah (ground floor) digunakan sebagai ruang berniaga sementara bahagian atas sebagai tempat tinggal. Begitu juga dengan rumah-rumah di Kampung Pulau Kambing.

Bagi orang-orang Melayu yang mendiami kampung-kampung Melayu dalam bandar, kawasan rumah mereka mempunyai halaman dan berpagar. Rumah-rumah mereka diperbuat daripada kayu dan mempunyai tiang yang banyak. Di halaman rumah mereka terdapat pokok buah-buahan seperti mangga, mempelam, jambu, kelapa dan juga pokok bunga. Bahagian belakang atau bahagian dapur, di mana terdapat takungan air kotor, biasanya terdapat pokok pisang dan pokok pandan. Bahagian bawah rumah pula digunakan sebagai reban untuk ternakan seperti ayam dan itik. Terdapat jarak di antara tiap-tiap rumah yang tidak menentu tetapi memadai untuk sebuah motosikal atau mungkin kereta melaluinya.

Apabila berlaku pertambahan dan peningkatan jumlah penduduk, serta permintaan untuk rumah sewa, keadaan rumah orang-orang Melayu mula berubah. Rumah-rumah mula diperbesarkan dan tanaman pula ditebang untuk ditambah dengan ruangan rumah. Jarak antara tiap-tiap rumah menjadi lebih sempit, contohnya di Kampung Kolam terdapat rumah yang bersentuhan bahagian dapurnya dengan rumah lain. Bahagian bawah rumah yang dulunya digunakan sebagai reban ayam atau sebagai tempat letak kenderaan kini telah ditambah dengan dinding dan digunakan sebagai tempat tinggal. Tiada lagi terlihat tiang-tiang rumah, pagar-pagar

yang memagari kawasan rumah dan ternakan tidak dapat dipelihara lagi. kerana kekurangan kawasan. Hanya dapat dilihat sedikit sahaja rumah yang mempunyai halaman dan berpagar iaitu di Kampung Nisan Empat dan sedikit di Kampung Tanjong. (Kampung Nisan Empat adalah bersebelahan dengan Kampung Kolam tapi hanya terdapat sedikit sahaja rumah orang Melayu di situ, iaitu lebih kurang 10 buah)

Berlakunya kepadatan di kampung-kampung Melayu kerana pembangunan yang drastik dan tidak seimbang dengan penawaran rumah yang ada di bandar Kuala Terengganu. Di Kampung Tanjong berlaku kekurangan ruang untuk rumah kerana hakisan pantai yang terlalu kuat. Rumah-rumah yang dahulunya di tepi pantai terpaksa dianjakkan lebih ke daratan lagi. Ini menyebabkan keadaan rumah-rumah kediaman menjadi terlalu rapat.

Di kampung-kampung Melayu ini tiada terdapat saliran yang baik bagi pembuangan air kotor. Jadi adalah perkara biasa di kawasan kampung Melayu di mana dapat dilihat antara lorong-lorong tiap-tiap rumah terdapat air buangan yang bertakung, yang datang dari bahagian dapur rumah-rumah tertentu. Ini merupakan suatu keadaan yang menjijikkan sekali.

Menyedari akan ketidakselesaan beberapa buah kampung Melayu dalam bandar Kuala Terengganu ini, kerajaan melalui agen-agennya telah mengambil langkah-langkah tegas untuk menyusun semula masyarakat Melayu agar senang disalurkan kemudahan-kemudahan tertentu. Hal ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah pengambilan semula tanah yang melibatkan Kampung Kolam dan Kampung Batas Baru.

Di sini pengkaji hanya ingin menumpukan dan menfokuskan pada Kampung Batas Baru saja memandangkan proses itu sudahpun terlaksana dan penduduk terlibat pun sudah berpindah.

## 2.3 Sebab-sebab Pengambilan Semula Tanah Kampung Batas Baru

Menyedari akan keadaan ketidakselesaan beberapa buah kampung Melayu di bandar Kuala Terengganu, kerajaan negeri melalui agen-agennya telah mengambil langkah positif untuk mengatasinya.

Agen utama atau jentera penggerak yang utama bagi kerajaan negeri Terengganu dalam proses pengurbanisasian ini ialah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Kerajaan menyedari akan kesan-kesan negatif yang timbul akibat dari ketidakselesaan tempat tinggal.

Bagi Kampung Batas Baru, kerajaan mempunyai alasan dan sebab-sebab yang kukuh lagi logik untuk melaksanakan proses pengambilan semula tanah. Proses ini dikenali sebagai pengambilan semula tanah kerana sebahagian besar tanah yang terlibat adalah tanah kerajaan yang disewakan atau ditumpangi, di mana penghuninya dikehendaki membayar sewa pada kadar $ 5.00 setahun. Tanah ini juga dikenali sebagai 'tanah tol'. Daripada sejumlah 50 buah rumah yang berdaftar di Kampung Batas Baru yang terlibat, 44 darinya didirikan di atas tanah tumpangan sementara (tanah tol). Bagi tanah milikan sendiri pula sejumlah 6 buah rumah yang berdaftar terpaksa dirobohkan dan terdapat juga rumah yang terlibat ini merupakan tanah kosong.

Dari sejumlah 50 buah rumah berdaftar yang terlibat ini seramai

123 keluarga terlibat secara langsung samada mereka itu tuanpunya rumah, penyewa atau penumpang ataupun 'extended family'. Di sini dapat kita bayangkan betapa tingginya kepadatan penduduk di kawasan ini, di mana purata keluarga bagi sebuah rumah ialah 2.46 keluarga.

Jadi untuk menampung penduduk yang sebegini ramai dengan kawasan tanah yang terhad, rumah-rumah terpaksa dibesarkan hinggakan jarak antara rumah-rumah itu menjadi sempit.

Dari segi keselamatan pula, misalnya jika berlaku kebakaran, adalah sukar untuk mengawal api dari merebak kerana rumah-rumah yang ada adalah terlalu rapat. Bomba juga sukar untuk bertindak apatah lagi jika kebakaran berlaku di dalam kampung dan bukannya di tepi jalanraya kerana jalan di dalam kampung itu tidak mengizinkan kenderaan bomba untuk masuk jauh ke dalam kampung.

Keadaan yang padat dengan penggunaan tanah yang maksima tidak dapat menyediakan tempat-tempat tertentu untuk golongan muda mengisi masa lapang. Umpamanya tidak terdapat padang bola, gelanggang sepak takraw dan akibatnya anak-anak muda lebih suka berkumpul di kedai-kedai kopi, dan juga tempat-tempat tertentu seperti di tepi jalanraya sambil bermain gitar dan menghisap rokok. Keadaan sedemikian akhirnya menjadi punca kepada wabak-wabak negatif seperti penyalahgunaan dadah, arak dan lain-lain lagi. Kampung Batas Baru sebelum proses pengambilan semula tanah merupakan kawasan hitam (black area) di mana terdapat ramai penagih dan pengedar dadah.

Berlokasikan hampir dengan pusat bandar Kuala Terengganu, Kampung Batas Baru amatlah sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan kegiatan

ekonomi. Tambahan pula rumah-rumah yang terdapat di kampung itu adalah rumah-rumah lama dan tidak sesuai untuk mencerminkan pandangan bandar yang pesat membangun.

Memang hasrat dan tanggungjawab kerajaan untuk membangunkan kawasan yang dianggarkan strategik demi kepentingan semua rakyat. Kawasan yang dirobohkan itu akan dibangunkan dengan bangunan-bangunan yang teguh bagi menampung permintaan untuk ruang-ruang perniagaan dan sesuai untuk pemandangan sebuah bandar. Bagi penduduk-penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat, mereka ini tidak dipersiakan malah sebahagian besar daripada mereka iaitu 93 keluarga (73.61 %) diperuntukkan dengan unit rumah pangsa Batas Baru. Dengan penempatan baru ini, hasrat kerajaan agar dapat menghapuskan gejala kurang sihat yang wujud dahulu.

## 2.4 Rumah Pangsa Batas Baru

Sebelum diterangkan berkenaan perlaksanaan projek pengambilan tanah Kampung Batas Baru oleh kerajaan, adalah lebih baik diterangkan dahulu di sini berkenaan dengan penempatan baru yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk penduduk Batas Baru yang terlibat.

Penempatan baru ini dikenali sebagai Rumah Pangsa Batas Baru. Rumah pangsa ini masih terletak di selatan Kampung Batas Baru. Dulunya kawasan ini merupakan kawasan paya tetapi kini ianya telah dimajukan menjadi kawasan perumahan oleh pihak swasta dengan membina rumah-rumah komersial dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dengan membina rumah pangsa Batas Baru.

Projek ini lahir dari ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Mengkaji Masalah Tata Atur Batas Baru yang bercadang membangunkan dan menyusun semula kawasan ini dengan lebih teratur bersesuaian dengan kedudukannya dalam kawasan Perbandaran Kuala Terengganu. Tujuan projek ini ialah untuk menempatkan semula mereka yang terlibat mendiami tanah kerajaan secara lesen tumpangan sementara (tol) di Kampung Batas Baru. Sementara itu, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) ditugaskan sebagai agen perlaksanaan projek tersebut. Tapak projek Rumah Pangsa Batas Baru ini letaknya kira-kira 1.2 kilometer dari pusat bandar Kuala Terengganu dan berhampiran dengan Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II. Projek ini dijalankan di atas tanah milikan seluas lebih kurang 1.6 hektar yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Rumah pangsa ini terdiri dari 3 blok lima tingkat yang mengandungi 144 unit. Keluasan lantai tiap-tiap unit ialah 58.34 meter persegi, dan mempunyai dua bilik tidur. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada bulan Januari, 1981 dengan menelan belanja sebanyak $ 5,486,143.86.

Harga satu unit rumah pangsa ini mengikut kos ialah $ 38,098.22, tetapi berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Negeri Terengganu yang bersidang pada 30hb. November, 1981, kerajaan telah bersetuju memberi subsidi ke atas harga rumah pangsa tersebut kepada penduduk yang terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh kerajaan (maklumat lanjut mengenainya akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab III, di bawah tajuk 'Tidak Puas Hati Dengan Polisi Kerajaan.' )

Bahagian bawah blok 'A' (ground floor) dikhaskan sebagai ruang perniagaan. Bahagian bawah blok 'B' dan 'C' terdapat sebuah dewan orangramai tetapi hanya dewan di blok 'B' sahaja yang berfungsi sebagai tempat mesyuarat dan tempat aktiviti-aktiviti sosial. Di bahagian bawah blok 'C' juga disediakan sebuah dewan yang dijadikan kelas tadika.

Rumah pangsa ini terletak lebih kurang 100 meter dari kawasan pengambilan tanah oleh kerajaan. Lokasinya sama juga seperti lokasi Kampung Batas Baru (sila rujuk Bab I di bawah tajuk 'Kampung Batas Baru'). Unit-unit rumah pangsa ini hanya dikhaskan kepada penduduk yang terlibat dengan proses pengambilan tanah oleh kerajaan (penduduk Kampung Batas Baru dan Kampung Kolam). 93 unit daripada rumah pangsa ini didiami oleh penduduk yang berasal dari Kampung Batas Baru, di mana 82 unit dari jumlah itu adalah dimiliki oleh orang-orang Melayu. Rumah pangsa ini disediakan dan dibahagikan terlebih dahulu sebelum penduduk Batas Baru diarah supaya berpindah. Jadi di sini dapatlah dikatakan bahawa rumah pangsa ini merupakan satu 'environment' yang baru bagi penduduk Kampung Batas Baru. Dengan persekitaran yang baru ini, sudah tentulah banyak masalah yang dihadapi dalam proses pengadaptasian mereka dengan persekitaran yang baru ini. Jadi proses inilah yang ingin pengkaji fokuskan iaitu dari segi perkembangan bandar atau kesan perluasan bandar ke atas penduduk Kampung Batas Baru dari awal proses pengambilan tanah hinggalah kepada masalah dengan tempat tinggal yang baru.

RUMAH BATAS BARU YANG TERLIBAT DENGAN PERPINDAHAN




2501
2001
Kubur
2499
2483
2482
2487
2488
2489
2500
2114

## 2.5 Proses Pengambilan Tanah Kampung Batas Baru

Bila dibincangkan tentang pembangunan di negeri Terengganu, ianya pasti melibatkan agen-agen terpenting kerajaan Terengganu iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Dalam kes ini, PMINT tidak terkecuali, malah mengemudikan proses ini. PMINT sebagai agen atau jentera utama kerajaan Terengganu, menyedari akan kepentingan perkembangan perbandaran di Kuala Terengganu.

Oleh itu, dalam proses pengambilan tanah oleh kerajaan di Kampung Batas Baru, PMINT yang memulakan dengan mengajukan kertas kerja kepada kerajaan negeri Terengganu meminta kelulusan untuk membangunkan kawasan kampung tersebut. Untuk itu satu Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Terengganu telah diadakan untuk membincang perkara tersebut. Setelah kertas kerja itu disemak dan dianalisa oleh agensi-agensi kerajaan yang lain, iaitu Bahagian Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Tanah, Majlis Perbandaran, Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah Kuala Terengganu, permohonan PMINT itu telah diluluskan. Apabila permohonan itu telah diluluskan , peranan selanjutnya diambilalih oleh Pejabat Tanah. PMINT hanya bertindak sebagai pemerhati dan menanti masa yang sesuai untuk mendapat hak bagi membangunkan kawasan tersebut. Pejabat Tanah kemudiannya menjalankan kerja-kerja mengukur dan mewartakan kawasan yang akan diambil oleh kerajaan. Tiap-tiap kawasan yang telah diwartakan itu diserahkan kepada Pejabat Penilaian untuk proses penilaian. Hasil nilai itu akan diserahkan kembali kepada Pejabat Tanah untuk dibuat keputusan kadar atau jumlah yang perlu dibayar ke atas tanah yang diambil. Selalunya

kuasa menentukan kadar bayaran bagi sekaki persegi ke atas tanah penduduk yang diambil adalah di bawah kuasa Pejabat Tanah walaupun pembayaran itu tidak sama dengan nilaian yang dibuat oleh Pejabat Penilaian. Kadar bayaran adalah bergantung kepada faktor-faktor tertentu yang melibatkan taksiran jumlah kerugian yang ditanggung oleh penduduk yang terlibat seperti besar rumah yang terlibat dan keluasan tanah yang diambil oleh kerajaan. Bagi Kampung Batas Baru, sebahagian besar tanah yang terlibat adalah tanah TOL. Oleh itu jumlah pampasan (bayaran kerugian) ditaksir berlandaskan faktur rumah. Bagi rumah yang besar dan diperbuat daripada batu, kadar bayaran yang diterima adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar bayaran yang diperolehi oleh tuan punya rumah kayu yang kecil. Bagi penduduk yang mendirikan rumah di atas tanah sendiri (tanah milikan), kadar pampasan yang dibayar dinilai berdasarkan harga rumah dan harga tanah.

Jika ada di antara penduduk yang terlibat tidak berpuas hati dengan bayaran yang diterima, mereka bolehlah mengisi borang saman yang disediakan di Pejabat Tanah, Kuala Terengganu iaitu di Bahagian Pengambilan Semula Tanah. Kes ini kemudiannya akan dibicarakan di Mahkamah Majistret, Kuala Terengganu. Dari penelitian pengkaji, terdapat empat kes saman yang telah dikemukakan dan telah dibicara tetapi belum terdapat satu kes pun yang dimenangi oleh pihak penuntut (penduduk). Ini adalah disebabkan pihak Pejabat Tanah mempunyai kuasa tertentu dalam menentukan kadar bayaran berdasarkan penyiasatan yang dibuat terlebih dahulu oleh pihak itu di Kampung Batas Baru.

Dalam masa Pejabat Tanah mengendalikan penyelesaian dengan para penduduk yang terlibat, pihak PMINT pula telah menyediakan 3 blok rumah pangsa empat tingkat yang mengandungi 144 unit khas untuk penduduk Kampung Batas Baru dan Kampung Kolam yang terlibat dengan pengambilan tanah. Penawaran rumah yang terhad ini memerlukan pemilihan bagi sesiapa yang layak untuk diperuntukkan unit-unit rumah pangsa tersebut. Pihak PMINT terlebih dahulu menyiasat latarbelakang penduduk yang terlibat dan hanya mereka yang betul-betul layak dan memenuhi syarat-syarat yang digariskan oleh PMINT sahaja yang berhak untuk memperolehi unit rumah pangsa Batas Baru.

Penyiasatan yang dilakukan merupakan satu kajian sosio-ekonomi ke atas penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat dengan menggunakan kaedah temuduga dari rumah ke rumah. Tujuan kajian ini adalah untuk:-

a) Mendapatkan maklumat-maklumat penting dari penduduk di kawasan yang terlibat yang boleh membantu pihak perlaksana projek pembangunan membuat perancangan yang lebih menggambarkan permintaan (perumahan) sebenar mereka yang terlibat.

b) Mengesan pendapat atau pandangan penduduk yang terlibat terhadap penjenisan projek rumah pangsa yang bakal dibangunkan.

c) Mendapat bilangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengambilan tanah, untuk menentukan aspek kelayakan (eligibility).

d) Meneliti dan mengesan pendapatan penduduk-penduduk yang terlibat bagi mengukur kemampuan untuk membayar kadar harga yang dikenakan.

Selanjutnya untuk menetapkan kriteria pemilihan kelayakan, Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam Kos Rendah Kuala Terengganu yang bermesyuarat pada 28hb. Februari, 1982, telah bersetuju menerima kriteria-kriteria seperti berikut. Kriteria-kriteria ini dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan 'A' dan golongan 'B'.

Golongan 'A' adalah terdiri daripada mereka-mereka yang telah diperuntukkan secara otomatik, iaitu:

i. Penama berdaftar yang mendiami sendiri rumah yang terlibat

ii. Penerima pesaka (samada berdaftar atau tidak) yang mendiami sendiri rumah yang terlibat.

iii. Penyewa yang menyewa rumah yang terlibat tidak kurang dari 10 tahun secara berterusan.

Golongan 'B' pula merupakan golongan yang diperuntukkan unit rumah pangsa Batas Baru <u>sekiranya</u> memenuhi syarat-syarat Peruntukan Rumah Awam Kos Rendah yang diterima pakai seperti berikut:

i. Penama berdaftar yang tidak mendiami sendiri

ii. Nama-nama seorang waris yang terdekat dengan penama berdaftar yang telah meninggal dunia.

iii. Penyewa-penyewa yang terlibat yang menyewa tidak kurang dari 5 tahun di kawasan yang terlibat.

iv. 'Extended families' di dalam rumah yang terlibat.

Bagi golongan 'B' di samping kriteria yang disebutkan tadi, mereka juga tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia

b. Sudah berumahtangga

c. Suami dan isteri pemohon belum mempunyai rumah sendiri

d. Tinggal di rumah terlibat sekurang-kurangnya 5 tahun

e. Pendapatan keluarga (household income) tidak melebihi $ 750.00 sebulan.

f. Jika berkhidmat dengan kerajaan mestilah berjawatan kategori 'D' ke bawah.

Setelah memenuhi syarat-syarat atau kriteri yang ditetapkan, barulah penduduk yang terlibat dipanggil oleh pihak PMINT untuk temuduga terakhir dan seterusnya diberi kunci unit rumah pangsa. Tetapi sebelum diserahkan kunci, individu yang berjaya terpaksa mengisi borang perjanjian pembelian rumah dan di dalamnya termeteri juga kesanggupan individu yang terpilih itu untuk membayar pada kadar bayaran bulanan yang telah ditetapkan oleh PMINT hingga selesai. Cara ini dikenali sebagai konsep 'sewa beli' di mana pembeli membayar sewa dan bila jumlah bayaran sewa bulanan itu menyamai harga jualan unit rumah pangsa tersebut, maka unit itu akan menjadi hakmilik penyewa tadi.

Apabila penduduk Batas Baru yang terlibat sudah diperuntukkan rumah pangsa Batas Baru (walaupun tidak semua penduduk yang terlibat berjaya memperolehi unit rumah pangsa), maka pihak Pejabat Tanah, Bahagian Pengambilan Semula Tanah akan mengeluarkan notis mengarahkan penduduk yang terlibat itu supaya keluar atau berpindah dari kawasan terlibat itu. Notis arahan berpindah itu dikeluarkan lebih kurang

sebulan sebelum tarikh tindakan perobohan akan dijalankan oleh pihak kerajaan. Bagi penghuni yang masih memerlukan kayu-kayu atau papan rumah mereka ataupun bahagian-bahagian lain daripada rumah mereka yang bakal dirobohkan, mereka dibenarkan meroboh sendiri rumah mereka dan mengangkut barang-barang yang diperlukan itu dengan perbelanjaan sendiri. Selalunya golongan ini mempunyai tanah di tempat lain ataupun memberi barang-barang itu kepada saudara mara mereka yang tinggal di tempat lain. Bagi mereka yang sudah tidak ada kepentingan lagi pada bahagian-bahagian rumah yang bakal dirobohkan itu, rumah-rumah lama mereka itu dijualkan sahaja kepada orang-orang yang berminat dengan harga yang begitu rendah. Bagi rumah batu, dalam keadaan begini, ianya tidak berharga sementara rumah kayu yang sederhana besar iaitu 30 kaki lebar dan panjang 50 kaki, harga yang ditawarkan untuk seluruh binaan rumah itu hanyalah $ 200.00 sahaja.

Andainya notis pertama arahan berpindah tidak diendahkan akan menyusul pula notis kedua bersama dengan tindakan pemotongan bekalan letrik. Tindakan ini mendapat kerjasama dari Lembaga Letrik Negara. Jika masih berdegil juga, notis ketiga akan dikeluarkan berserta dengan pemotongan bekalan air. Di samping itu, Jabatan Telekom pula diminta supaya memutuskan semua talian telefon di kawasan yang terlibat. Jadi dengan keadaan yang serba kekurangan dan kesulitan ini, penduduk kawasan yang terlibat terpaksa juga keluar dari kawasan tersebut dan seterusnya tindakan perobohan dan pembersihan kawasan terlibat dijalankan.

## 2.6 Tindakan Perobohan

Sebelum tindakan perobohan dijalankan, sekali lagi notis dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada tuan-tuan empunya rumah di Kampung Batas Baru yang terlibat. Notis ini memberitahu tuanpunya rumah bahawa tindakan meroboh rumah-rumah mereka akan dijalankan pada 16hb. April, 1984, jam 9.30 pagi. Oleh itu tuanpunya rumah yang terlibat diminta hadir pada tarikh dan waktu tindakan meroboh itu dijalankan untuk mengambil semua barang-barang kepunyaan mereka. Pihak Pejabat Tanah tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan, kemusnahan serta kehilangan barang-barang penduduk yang terlibat semasa dan selepas tindakan meroboh itu dijalankan.

Untuk tindakan meroboh, segala peralatan yang diperlukan disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Dua buah lori dan sebuah 'showel' (jengkaut) disediakan oleh Pejabat Daerah Kuala Terengganu. Pihak Majlis Perbandaran juga menyediakan 4 orang tukang kayu sementara Pejabat Daerah menyediakan 18 orang kakitangan untuk proses itu. Tiap-tiap kumpulan kakitangan tadi diawasi oleh seorang ketua dari jabatan masing-masing untuk memudahkan arahan-arahan selanjutnya. Sebelum kakitangan-kakitangan yang terlibat itu menjalankan pekerjaan masing-masing, pihak jabatan yang berkenaan diminta menyediakan nama-nama kakitangan serta nombor kad pengenalan dan menghantarkan senarai itu ke Pejabat Tanah pada 14hb. April, 1984. Kerja-kerja perobohan dijadualkan bermula pada jam 8.00 pagi walaupun notis yang dihantar kepada penduduk yang terlibat ialah pada pukul 9.30 pagi. Tindakan ini

berterusan hingga jam 5.00 petang pada tiap-tiap hari, sehinggalah kerja-kerja itu selesai. Makanan dan minuman pekerja disediakan oleh pihak PMINT.

Bagi perkakas rumah dan barang-barang lain yang dikumpulkan setelah tindakan perobohan, ianya ditempatkan di satu kawasan khas yang berhampiran untuk memberi peluang kepada tuanpunya rumah-rumah yang terlibat mengambil barang-barang mereka. Peluang ini hanya terbuka sehingga 18hb. April, 1984. Jika tidak ada tindakbalas dari tuanpunya selepas dari tarih itu, barang-barang itu akan diangkut oleh Pejabat Tanah.

Selama tempoh antara 16 hingga 18hb. April, 1984, pihak polis turut memberi kerjasama mengawasi barang dan perkakas yang terkumpul itu. Gambar-gambar semasa perobohan dirakamkan oleh Pejabat Tanah dan setelah selesai tindakan probohan itu, pihak Pejabat Tanah dikehendaki menyediakan segala laporan proses perobohan itu kepada pihak polis.

## ORANG MELAYU DI RUMAH PANGSA BATAS BARU

### 2.7 Latarbelakang Penduduk Melayu Yang Terlibat

Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya akan melihat latarbelakang penduduk Melayu Kampung Batas Baru yang terlibat dengan proses pengambilan tanah dan diperuntukkan unit rumah pangsa Batas Baru. Sejumlah 93 unit rumah pangsa Batas Baru adalah didiami oleh penduduk Kampung Batas Baru yang terlibat dan 82 unit daripada jumlah tersebut adalah dimiliki oleh orang-orang Melayu. Oleh itu pengkaji hanya akan melihat latarbelakang orang Melayu itu sahaja berdasarkan empat puluh orang responden yang dipilih secara rambang. Aspek-aspek latarbelakang yang ditekankan ialah tempat asal, taraf pelajaran, pekerjaan, pendapatan dan status milikan ke atas rumah yang dirobohkan dulu samada sebagai penyewa, pemilik, penerima pesaka atau 'extended families'.

a) Tempat Asal

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, responden pengkaji adalah berasal dari penghuni Kampung Batas Baru iaitu rumah lama mereka. Apa yang ingin diterangkan di sini ialah tempat asal mereka jika mereka itu bukan penduduk jati Kampung Batas Baru. Daripada 40 orang responden yang ditemui didapati penduduk Kampung Batas Baru adalah terdiri dari campuran migrasi dari daerah dan kampung lain di Kuala Terengganu.

JADUAL 3: TEMPAT ASAL ORANG MELAYU DI KAMPUNG BATAS BARU

| Tempat | Bandar | Luar Bandar | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Batas Baru | 20 | - | 20 | 50 |
| Kawasan lain di K. Terengganu | 3 | 3 | 6 | 15 |
| Daerah Marang | 2 | - | 2 | 5 |
| Daerah Dungun | 3 | 1 | 4 | 10 |
| Daerah Kemaman | 1 | 2 | 3 | 7.5 |
| Daerah Besut | - | 1 | 1 | 2.5 |
| Daerah Hulu Terengganu | 1 | 3 | 4 | 10 |
| Jumlah | 30 | 10 | 40 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk yang terlibat adalah penduduk jati Kampung Batas Baru (50 %). Jumlah kedua terbesar adalah penduduk yang berasal dari kampung lain di sekitar daerah Kuala Terengganu. Daripada 40 responden yang ditemubual, secara kebetulannya telah mewakili setiap daerah di negeri Terengganu. Responden-responden yang bukan merupakan penduduk jati Kampung Batas Baru adalah penghijrah dari daerah lain iaitu penghijrah dari luar bandar ataupun penghijrah dari dalam bandar. Terdapat 14 orang penghijrah dari luar daerah Kuala Terengganu. 7 orang dari jumlah itu adalah berasal dari luar bandar.

Berlakunya penghijrahan ini berpunca dari beberapa faktor tertentu .

Seramai 7 orang responden (penghijrah) menetap di Kampung Batas Baru kerana berkahwin dengan penduduk di situ. Tambahan pula Kampung Batas Baru berdekatan dengan tempat mereka bekerja iaitu di bandar Kuala Terengganu. Seramai 4 orang penghijrah menetap di kampung itu kerana faktur pekerjaan. Mereka ini berasal dari luar daerah Kuala Terengganu, datang ke bandar Kuala Terengganu 15 tahun yang lalu mencari pekerjaan. Ketika mula-mula datang, mereka menumpang di rumah saudara dan kawan yang tinggal di kampung Batas Baru dan setelah mendapat kerja, mereka mula menyewa rumah di kampung tersebut dan akhir setelah berkeluarga, mereka membawa bersama isteri mereka yang bukan berasal dari kampung Batas Baru tinggal bersama mereka di kampung itu.

Oleh itu terlihat di sini bahawa faktur ekonomi dan sosio-budaya adalah saling kait-mengait dalam proses penghijrahan di kampung Batas Baru ini.

b) <u>Taraf Pelajaran Penduduk Terlibat</u>

Taraf pelajaran yang dimaksudkan di sini ialah tahap kelulusan yang di capai oleh responden dengan pendidikan secara formal. Berdasarkan pada latar belakang responden-responden, tidak ada seorang pun di antara mereka yang sampai ke pusat-pusat pengajian tinggi. Ini kerana kebanyakkan responden terdiri dari kalangan yang sudah berumur 40 tahun ke atas. Hanya empat orang saja yang berumur dalam lingkungan tiga puluhan. Pendidikan formal yang dimaksudkan di sini ialah pendidikan yang diterima dengan menghadirkan diri di sekolah. Dari sejumlah 40 orang responden,

35 orang dari mereka mendapat pendidikan secara formal dan 5 orang lagi mendapat pendidikan secara tidak formal. Pendidikan formal pula boleh dibahagikan kepada aliran Inggeris dan aliran Melayu. Seramai 5 orang dari mereka mendrima pendidikan formal di sekolah yang berbahasa pengantar bahasa Inggeris. Mereka ini semuanya bersekolah di Grammar School yang merupakan sekolah yang mula-mula sekali ditubuhkan dalam bahasa pengantar Inggeris. Sekolah ini dulunya hanya dikhaskan kepada golongan atasan sahaja.

Sementara itu 30 orang lagi mendapat didikan di sekolah Melayu iaitu Sekolah Tengku Ampuan Mariam, Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang dan Sekolah Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Bagi mereka yang mendapat didikan di sekolah Inggeris, mereka berkebolehan membaca, menulis dan bercakap (walaupun tidak berapa fasih) dalam bahasa Inggeris. Selain dari itu, mereka juga boleh membaca dan menulis dengan huruf rumi. Dalam huruf jawi pula, mereka ini hanya boleh membaca dengan baik tapi tidak berapa tahu menulisnya. Disebabkan pengaruh tulisan jawi sangat kuat pada masa itu, mereka yang mendapat pendidikan di sekolah Inggeris juga turut sama bersemangat untuk belajar membaca dan menulis huruf jawi. Pada masa ini terdapat kurang sambutan di kalangan orang Melayu terhadap sekolah Inggeris kerana ibubapa pada masa itu masih lagi berfikiran kuno dan sekolah Inggeris dianggap sebagai sekolah untuk orang-orang Kristian. Ibubapa juga bimbang anak-anak mereka akan terpengaruh dengan budaya orang puteh jika anak mereka dihantar ke sekolah Inggeris. Jadi tidak

hairanlah kalau sebahagian besar daripada responden yang ditemui mendapat didikan di sekolah Melayu.

Bagi responden yang mendapat didikan di sekolah Melayu pula, di samping bahasa pengantarnya bahasa Melayu, tulisan yang digunakan di sekolah ialah tulisan jawi. Walaupun menggunakan tulisan jawi semasa di sekolah tetapi kesemua responden yang berpendidikan sekolah Melayu ini boleh menulis dan membaca dalam tulisan rumi. Bagi bahasa Inggeris pula, mereka kurang menguasai bahasa itu walaupun dari segi bacaan apatah lagi kefahaman. Oleh kerana semangat untuk bersekolah di kalangan orang-orang Melayu kurang dan ditambah lagi dengan tidak adanya galakan dari ibubapa, kebanyakan dari responden yang berpendidikan Melayu tidak sempat untuk menamatkan persekolahan mereka. Lagipun, kebanyakan pelajar sekolah Melayu yang tamat dari sekolah, mereka ini kurang mendapat peluang untuk bekerja di pejabat, melainkan sebagai guru juga di sekolah Melayu dengan gaji yang rendah. Ini juga merupakan satu lagi punca kekurangan semangat belajar di sekolah Melayu. Jadi oleh sebab itu kebanyakan responden yang ditemui sanggup berhenti sekolah dan bekerja sendiri. Apabila sudah perit bekerja sendiri barulah mereka memohon pekerjaan dengan sektor kerajaan iaitu sebagai buruh.

Berbeza dengan pelajar yang berpendidikan sekolah Inggeris, mereka ini senang mendapatkan kerja di sektor-sektor kerajaan memandangkan keadaan masa itu mementingkan bahasa Inggeris.

Bagi 5 orang responden yang mendapat pendidikan tidak formal pula, keupayaan mereka dalam menguasai bahasa Inggeris adalah menyedihkan.

Namun demikian, 3 orang daripada mereka boleh membaca tulisan rumi dan juga menulis rumi walaupun tidak begitu baik. Mereka ini mempelajarinya dari kawan-kawan atau saudara mara mereka. Kesedaran mereka tentang betapa sukarnya jika buta huruf menyebabkan mereka bersemangat untuk belajar sendiri dan bertanya kepada kawan-kawan. Walaupun begitu, dua orang lagi masih buta huruf dan tiap kali ada urusan yang berkehendakkan tandatangan mereka, mereka lebih suka menurunkan cap jari saja.

Dari sejumlah 40 orang responden itu, hanya 5 orang sahaja yang bersekolah di Grammar School mempunyai sijil Malaysian Certificate of Education (M.C.E) dan yang selebihnya tidak mempunyai apa-apa sijil, walaupun ada di antara mereka yang bersekolah di sekolah Melayu. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar sekolah Melayu hanya sampai ke tahap darjah dua dan tiga sekolah Melayu. Terdapat juga seorang responden yang sampai ke tahap darjah empat dan telah ditawarkan untuk menjadi guru di sekolah Melayu tapi beliau menolak kerana tidak berminat.

Walaupun taraf pelajaran penduduk Kampung Batas Baru jika dilihat pada pencapaian responden yang majoritinya berumur 40 tahun ke atas adalah rendah, tapi ianya tidak membayangkan tahap pelajaran penduduk Batas Baru secara keseluruhannya. Kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan sudah meresapi di kalangan ibubapa di kampung ini. Tahap pendidikan golongan muda di kampung ini sudah boleh dibanggakan. Dari 40 keluarga yang ditemui, 31 di antaranya mempunyai paling kurang seorang ahli keluarga yang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan ataupun seberang laut. Pencapaian golongan muda ini membayang-

kan tahap sebenar pendidikan kampung ini pada masa sekarang. Kemajuan taraf pendidikan masa kini berpunca dari semangat kesedaran ibubapa dan para belia sendiri.

Faktor lain yang mendorong peningkatan tahap pelajaran penduduk Kampung Batas Baru masa kini ialah kerana adanya kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan awam dan juga sekolah-sekolah.

c) Pekerjaan

Orang Melayu Kampung Batas Baru melibatkan diri mereka kepada dua jenis pekerjaan iaitu 'makan gaji' dan kerja sendiri. Sektor makan gaji pula boleh dibahagikan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta. Pekerjaan jenis ini mempunyai pendapatan yang berbeza iaitu berdasarkan tahap kelulusan yang dimiliki.

Bagi golongan yang bekerja di sektor kerajaan, kebanyakkannya tergolong dalam kategori 'D' (berpendapatan kurang dari $400.00 sebulan) yang bekerja sebagai buruh di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu seramai 8 orang dan di Jabatan Kerja Raya (JKR) seramai 10 orang. Walaupun begitu terdapat 5 orang yang tergolong dalam kategori 'C' dan memperolehi pendapatan $1000.00 sebulan akibat peningkatan bulanan kerana lama berkhidmat. Kelima-lima responden ini sudah pun mencapai sekim gaji yang terakhir. Dua di antara mereka menjawat jawatan Ketua Kerani sementara tiga lagi sebagai Kerani Kanan.

Di sektor swasta pula, pekerjaan yang diceburi merupakan jenis yang tidak memerlukan kelayakkan akedemik yang baik. Dari sejumlah

enam orang yang bekerja di sektor swasta, tiga orang daripada mereka bekerja sebagai pemandu, dua orang sebagai pengangkut barang dengan sebuah syarikat pengangkutan sementara seorang lagi sebagai mata-mata yang berkhidmat dengan Pasaraya Kuala Terengganu (Kuala terengganu Supermarket).

Bagi golongan yang bekerja sendiri (bukan makan gaji), pekerjaan utama mereka ialah berniaga di sekitar bandar Kuala Terengganu dan juga membuka warung-warung di kampung Batas Baru. Pekerjaan jenis ini tidak memerlukan kelayakkan akedemik yang tinggi. Apa yang diperlukan ialah sedikit modal, minat untuk berniaga dan tapak untuk tempat perniagaan. Modal selalunya diperolehi dari pinjaman MARA (Majlis Amanah Rakyat), pinjam dari saudara-mara, pinjam dari kawan-kawan yang rapat dan juga duit sendiri yang dikumpul sekian waktu.

JADUAL 4: JENIS PENDIDIKAN DAN BENTUK PEKERJAAN

| Jenis Pendidikan | Jenis Pekerjaan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kerja Sendiri | Sektor Kerajaan | | Sektor Swasta | | |
| | Peniaga | Kerani | Buruh | Buruh | Pemandu | Mata-mata |
| Tidak Formal | 2 | | | 1 | 2 | |
| Formal (Sekolah Melayu) | 9 | | 18 | 1 | 1 | 1 |
| Formal (sekolah Inggeris) | | 5 | | | | |
| Jumlah | 11 | 5 | 18 | 2 | 3 | 1 |

Perniagaan yang dijalankan oleh orang Melayu di Kampung Batas Baru adalah berbagai-bagai. Di antaranya ialah perniagaan kain dan pakaian, menjual buah-buahan, menjual sayur-sayuran, menjual ikan, berjaja minuman dan buah-buahan serta membuka warung kopi. Bagi mereka yang menjalankan perniagaan ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan, pekerjaan ini dilakukan di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Menjual pakaian pula tertumpu di ruang-ruang perniagaan yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu iaitu berhampiran dengan perhentian bas Kuala Terengganu. Penjaja pula berniaga tidak tentu tempat, di mana sahaja orang ramai, di situlah mereka berada iaitu di tepi-tepi jalanraya. Mereka ini tidak memerlukan ruang yang luas untuk aktiviti mereka, cukup sekadar di kaki lima jalanraya. Mereka menggunakan basikal roda tiga untuk menyenangkan mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Di Kuala Terengganu, selain daripada buah-buahan, kebiasaannya penjaja ini melengkapkan perniagaan mereka dengan menjual 'keropok lekor' yang digoreng. Orang-orang Melayu di sini juga terlibat dengan kegiatan membuka gerai atau warung kopi secara haram. Memandangkan Kuala Terengganu sedang membangun dan banyak bangunan baru sedang dalam pembinaan, maka secara tidak langsung telah menggalakkan pembukaan gerai haram demi untuk menampung permintaan dari buruh-buruh binaan.

Dari segi penggunaan tenaga buruh, kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk Kampung Batas Baru tidak memerlukan tenaga buruh yang ramai. Hanya warung kopi sahaja yang memerlukan pekerja sehingga 4 orang. Itupun ianya terhad kepada sebelah pagi sahaja kerana pada waktu

ini, pelanggan-pelanggan yang ingin ke tempat kerja memenuhi ruang gerai itu. Selalunya terdiri dari golongan muda dan bujang. Pada sebelah pagi terdapat banyak jenis makanan jualan seperti kuih-muih dan yang paling popular sekali untuk makanan pagi di Terengganu yang mana boleh dikatakan semua warung menyediakannya ialah nasi lemak dan nasi dagang. Adanya warung-warung ini telah memberi peluang kepada suri -suri rumah menambah pendapatan keluarga mereka dengan cara membuat kuih -muih dan makanan lain lagi dan memasarkannya di warung-warung berdekatan. Tenaga buruh untuk warung ini selalunya diperolehi dari ahli keluarga sendiri seperti anak, adik, abang atau pun isteri. Bantuan dari kalangan ahli keluarga sendiri lebih bertujuan untuk mengurangkan kadar upah atau pengaliran keluar wang yang sepatutnya boleh diberi kepada ahli keluarga sendiri. Tenaga buruh jenis ini dapat memudahkan tuanpunya warung untuk mengawal pekerjanya dan apa yang lebih penting ialah 'service' yang disumbangkan oleh ahli keluarga sendiri adalah lebih berkesan kerana menyedari perkhidmatan yang disumbangkan itu adalah untuk kepentingan keluarga sendiri.

Di sektor kerajaan dapat dilihat di mana pekerjaan jenis ini lebih diminati berdasarkan kepada data yang diperolehi (sila rujuk jadual 4).

Bagi golongan yang tidak mempunyai sijil kelulusan, pekerjaan yang biasa diceburi ialah sebagai buruh dan bagi mereka yang mempunyai sijil Malaysian Certificate of Education (MCE) mereka biasanya bekerja sebagai kerani. Bagi buruh iaitu di bawah tangga gaji kategori 'D',

didapati sebahagian besar dari mereka masih menjawat jawatan buruh . Hanya 3 orang sahaja yang sudah dinaikkan kepada jawatan Mandur. Di sektor swasta pula yang suatu waktu dahulu perkembangan badan-badan swasta di bandar Kuala Terengganu adalah lembab. Oleh itu, mereka yang terlibat dengan pekerjaan sektor swasta adalah kurang berbanding dengan sektor kerajaan. Pembayaran gaji sektor swasta adalah berdasarkan kepada masa bekerja kecuali bagi pemandu. Pemandu-pemandu kenderaan pengangkutan sektor swasta dibayar gaji bulanan dan mereka juga diberi peluang mendapat gaji kerja lebih masa (overtime).

Pada masa sekarang ini, sudah terdapat banyak badan-badan swasta di Kuala Terengganu. Syarikat-syarikat swasta seperti pasaraya memerlukan ramai pekerja terutamanya dari kalangan pekerja wanita. Terdapat juga badan-badan swasta yang menjalankan projek-projek perumahan yang memerlukan buruh dari kalangan lelaki. Jadi keseluruhannya, keadaan kepelbagaian pekerjaan di bandar adalah jelas, tidak seperti di luar bandar, yang mirip ke arah keseragaman. Jenis pekerjaan dan pencapaian berdasarkan pelajaran di bandar semakin ketara dalam menentukan jumlah pendapatan dan seterusnya membentuk kumpulan-kumpulan tertentu berdasarkan jenis dan tempat kerja. Kepelbagaian adalah menepati seperti saranan Louis Wirth dalam bukunya 'Urbanism as a way of life' (1969).

d) Pendapatan

Orang Melayu di rumah pangsa majoritinya (29 orang) mempunyai

pendapatan tetap kerana bekerja makan gaji di sektor kerajaan dan swasta. Bagi kaum buruh, samada di sektor swasta ataupun kerajaan, pendapatan bulanan mereka kadangkala bertambah dengan bekerja lebih masa (overtime). Bagi kerani, pendapatan mereka adalah tinggi kerana kelamaan (seniority) mereka bekerja iaitu melebihi 20 tahun. Dari sejumlah 29 orang pekerja makan gaji, 24 dari mereka berpendapatan kurang dari $ 500.00 sebulan. Taraf pendidikan rendah yang diperolehi oleh mereka tidak mengizinkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan lumayan.

Taraf pendidikan yang rendah tidak menghalang mereka untuk memperolehi pendapatan yang lebih baik. Dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan, seramai 9 orang daripada mereka memperolehi pendapatan melebihi $ 700.00 sebulan.

Taraf pendidikan yang rendah hanya mempengaruhi golongan yang makan gaji sahaja tetapi ianya tidak mendatangkan kesan ke atas pendapatan golongan peniaga. Keadaan ini dapat dilihat dari jadual 6 (di muka surat sebelah).

JADUAL 6: PENDAPATAN BULANAN KETUA KELUARGA ORANG MELAYU DI KAMPUNG BATAS BARU

| Pendapatan Sebulan ($) | Bilangan Responden | Sektor Kerajaan | Sektor Swasta | Berniaga Sendiri |
|---|---|---|---|---|
| 0 - 300 | 10 | 10 | - | - |
| 301 - 400 | 10 | 8 | 2 | - |
| 401 - 500 | 6 | - | 4 | 2 |
| 501 - 600 | - | - | - | - |
| 601 - 700 | - | - | - | - |
| 701 - 800 | 4 | - | - | 4 |
| 801 - 900 | 1 | - | - | 1 |
| 901 - 1000 | 5 | 5 | - | - |
| 1001 - 2000 | 4 | - | - | 4 |
| Jumlah | 40 | 23 | 6 | 11 |

Jadual di atas menunjukkan pendapatan bulanan ketua keluarga penduduk Melayu di Kampung Batas Baru. Bilangan teramai ialah mereka yang berpendapatan kurang dari $ 300.00 sebulan (25 %). Mereka ini terdiri daripada buruh sektor kerajaan yang mempunyai pendapatan tetap. Dalam lingkungan pendapatan kurang dari $ 400.00, seramai 10 orang (25 %) yang terdiri dari pekerja sektor kerajaan dan swasta berada dalam tahap ini. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa bilangan penduduk yang paling ramai adalah mereka yang berpendapatan kurang dari $ 500.00 sebulan. Golongan yang berpendapatan sekitar $ 700.00 sebulan adalah

terdiri dari golongan peniaga. Peniaga-peniaga melayu pada dasarnya berpendapatan lebih tinggi daripada sebahagian besar pekerja sektor kerajaan dan swasta. Pendapatan golongan peniaga bergantung kepada maju atau tidaknya perniagaan mereka. Pendapatan penjaja dan peniaga di pasar secara relatifnya lebih rendah dari peniaga warung kopi. Penjaja dan peniaga di pasar merupakan pekerjaan secara individu dan perniagaan itu terhenti bila mereka sakit atau kurang sihat. Ini adalah disebabkan mereka tidak mempunyai pembantu. Penjaja dan peniaga di pasar mempunyai masa berniaga tertentu, iaitu pada siang hari sahaja berbanding dengan perniagaan warung yang beroperasi hingga ke petang atau larut malam. Perniagaan warung kopi adalah maju dengan adanya faktor menarik seperti kuih-muih yang banyak serta adanya kemudahan untuk permainan 'Dam' dan catur. Dua permainan ini merupakan kegemaran orang ramai di Terengganu terutama orang melayu. Terdapat perbezaan yang ketara di mana warung yang menyediakan kemudahan permainan itu lebih maju berbanding dengan warung yang tiada kemudahan itu. Kebanyakkan warung di sekitar Kuala Terengganu menyediakan kemudahan permainan ini. Peniaga warung biasanya dibantu oleh tenaga buruh dari kalangan ahli keluarga sendiri dan keadaan ini dapat mengurangkan kadar upah.

Berdasarkan kepada pendapatan yang diterangkan, dapat disimpulkan bahawa taraf pelajaran tidak begitu penting dalam menentukan pendapatan yang tinggi bagi penduduk di sini. Namun begitu, walaupun pendapatan peniaga-peniaga lebih tinggi daripada sebahagian besar pekerja sektor swasta dan kerajaan, tapi pekerjaan makan gaji masih lebih di minati.

# BAB III

# PENGADAPTASIAN DAN MASALAH MASALAH ORANG MELAYU DI RUMAH PANGSA BATAS BARU

Pengadaptasian adalah suatu proses penyesuaian manusia ataupun masyarakat dengan suatu keadaan atau tempat atau alam sekitar. Dalam hal ini, pengkaji hanya ingin menekankan proses pengadaptasian penduduk Melayu Kampung Batas Baru dengan keadaan tempat tinggal yang baru iaitu rumah pangsa Batas Baru. Kalau dulunya mereka tinggal di kampung Melayu iaitu Kampung Batas Baru, dengan keadaan sekitaran kekampungan, rumah kayu yang mempunyai ruang yang besar, ada halaman, saling kenal-mengenal antara satu sama lain dan sebagainya tapi kini keadaannya adalah berbeza. Jadi pengkaji ingin melihat proses pengadaptasian dan masalah-masalah yang dihadapi.

## 3.1 Proses Pengadaptasian Orang Melayu Dengan Kehidupan Di Rumah Pangsa

Persekitara fisikal dan sosial di kawasan rumah pangsa bagi orang Melayu adalah satu pengalaman baru yang membabitkan malah memerlukan perubahan pola perlakuan mereka. Persekitaran yang baru ini adalah amat berbeza sekali dengan persekitaran kampung Melayu dulu.

Kepadatan penduduk adalah lebih tinggi di rumah pangsa, apatah lagi kalau yang bertingkat tinggi dan mempunyai banyak unit. Penerusan tradisi Melayu serta nilai-nilai dari kampung mempunyai kemungkinan yang tipis untuk dilaksanakan. Mereka juga perlu mengikut berbagai etika kejiranan

yang baru dan ini memerlukan sikap toleransi dan saling memahami.

Kalau dulu, semasa tinggal di rumah kampung mereka mempunyai jiran sebelah rumah, depan rumah atau belakang rumah yang ada jarak pemisah tetapi kini mereka mempunyai jiran di sebelah kiri, kanan, di depan, atas serta bawah tempat kediaman mereka.

Tiada jarak pemisah antara kediaman mereka dengan jiran di sebelah dan di atas, hanya dinding simen dan lantai simen saja yang menjadi pemisah antara mereka dengan jiran-jiran mereka itu.

Dengan ruang tempat tinggal yang terhad, kerana rumah pangsa ini mempunyai dua bilik, mereka kini perlu belajar hidup berkongsi terutamanya bagi mereka yang mempunyai ahli keluarga yang ramai. Kalau rumah kampung dulu, bagi golongan remaja, mereka selalunya mempunyai bilik bujang mereka sendiri, kini mereka terpaksa berkongsi. Kalau dulu rumah mereka boleh diubahsuai dengan cara membesarkan rumah untuk menambah bilik, kini mereka terpaksa akur dengan apa yang telah tersedia Tidak mungkin unit rumah pangsa yang telah tersedia itu diubahsuai.

Dalam kehidupan berjiran ini, tiap tindakan perlulah berhati-hati kerana mungkin mendatang kesan juga ke atas jiran sekeliling. Pembuangan sampah perlulah pada tempat yang telah disediakan, menonton televisyen dan mendengar radio mestilah dengan perlahan agar tidak mengganggu jiran dan juga demi keselamatan rumah pangsa itu seperti berwaspada dari punca-punca kebakaran.

Memandangkan rumah pangsa Batas Baru ini mempunyai empat tingkat, penghuni yang biasanya mendiami rumah kayu bertiang rendah kini perlu membiasakan diri dengan memanjat tangga, terutamanya penghuni yang

menduduki tingkat teratas sekali iaitu di tingkat empat.

Rumah pangsa Batas Baru ini masih lagi mempunyai kekurangan dan kesannya terasa bagi penghuni dalam proses pengadaptasian mereka. Walaupun kini penghuni sudah dapat mendiami rumah batu tapi masih timbul kesukaran bagi mereka untuk beribadat secara berjemaah kerana ketiadaan surau. Penghuni di sini perlu berjalan kaki ke surau terletak hampir kira-kira 300 meter dari kawasan rumah pangsa itu. Tiada lagi kedengaran suara azan di kawasan rumah pangsa itu dan kalau di rumah kampung dulu mereka boleh menentukan masuk waktu sembahyang iaitu dengan mendengar azan, kini mereka terpaksa berpandukan kepada jam. Kalau dulu, pada waktu subuh mereka dikejutkan oleh suara azan dan kokok ayam jantan tapi kini hanya jam loceng sajalah yang membangunkan atau mengejutkan mereka.

Rumah pangsa ini menyediakan satu kawasan lapang yang bertar untuk meletak kenderaan tapi tiada jaminan untuk keselamatan ke atas kenderaan itu. Kalau dulunya kenderaan itu di bawa masuk ke dalam pagar kawasan rumah ataupun di bawah rumah, tetapi kini keadaan di rumah pangsa tidak lagi mengizinkan mereka berbuat demikian.

Melihatkan perbezaan yang ketara di antara tempat dulu iaitu rumah kampung dengan tempat sekarang iaitu rumah pangsa, orang Melayu terpaksa menerima beberapa perubahan ini demi untuk mewujudkan satu organisasi yang berkesan di peringkat 'supra-household' yang melibatkan keseluruhan penghuni rumah pangsa. Masalahnya ialah apakah orang Melayu dapat menerima perubahan dengan sepenuhnya memandangkan persekitaran baru ini mendatangkan kesan-kesan tertentu ke atas mereka akibat

perpindahan yang diarahkan oleh pihak berkuasa dalam proses pengambilan tanah.

## 3.2 Faedah dan Kebaikan Rumah Pangsa Batas Baru

Adanya rumah pangsa Batas Baru ini dapat menyediakan 144 unit rumah untuk sekurang-kurangnya 144 keluarga. Walaupun kediaman di rumah pangsa adalah satu pengalaman yang agak baru bagi orang-orang Melayu di Kuala Terengganu amnya dan penduduk Batas Baru khasnya, tapi pada dasarnya penempatan ini dirasakan lebih baik, lebih teratur dan lebih sempurna berbanding dengan keadaan sesak rumah-rumah di Kampung Batas Baru dahulu. Penempatan yang terancang ini menyenangkan pihak berkuasa untuk menghulurkan kemudahan tertentu seperti bekalan air, letrik dan lain-lain lagi kepada mereka di samping tanah yang diambil oleh kerajaan itu dibangunkan untuk kepentingan segenap lapisan masyarakat.

Keadaan unit rumah pangsa Batas Baru yang sesak dan antara unit-unit pula adalah bersebelahan membolehkan antara jiran saling kenal-mengenal dan sering berjumpa serta kunjung-mengunjung. Rumah pangsa ini pula memuatkan penduduk dari dua kampung yang berlainan iaitu penduduk Kampung Kolam sebanyak 51 unit (35.5 %) dan penduduk Kampung Batas Baru pula sebanyak 93 unit (64.5 %). Sebanyak 128 unit (88.8 %) didiami oleh penghuni Melayu dan 16 unit (11.2 %) dihuni oleh orang Cina. Keadaan ini mencerminkan pertembungan antara penduduk dua kampung dan juga percampuran kaum Cina sebagai golongan minoriti dengan

kaum Melayu sebagai golongan majoriti. Keadaan ini boleh menjalinkan hubungan silaturrahim antara penduduk Melayu dan juga penduduk Cina. Di samping itu keadaan rumah pangsa ini dapat melatih orang-orang Melayu yang sudah dikenali umum sebagai bangsa yang mempunyai sikap toleransi yang tinggi mempraktikkan sikap itu di kalangan penghuni rumah pangsa. Orang Melayu kini terpaksa belajar hidup sesak (padat), berkongsi tangga dan seharusnya menanam perasaan bahawa penghuni rumah pangsa itu adalah famili mereka juga. Jadi jelas di sini iaitu setiap individu dalam rumah pangsa ini adalah mempunyai kepentingan dan bertanggungjawab dalam menegakkan satu organisasi rumah pangsa.

Rumah pangsa ini menyediakan beberapa kemudahan untuk kepentingan semua seperti alat mencegah kebakaran, tempat pembuangan sampah-sarap, telefon awam, bilik mesyuarat dan juga ruang untuk meletak kereta. Untuk menjaga kepentingan ahli, setiap tingkat mempunyai wakil sebagai Ahli Jawatankuasa Rumah Pangsa Batas Baru. Ahli jawatankuasa ini berfungsi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu seperti membersihkan kawasan dan juga menyuarakan kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan keperluan-keperluan tertentu.

Di samping itu di bahagian bawah blok 'B' rumah pangsa ini disediakan sebuah dewan yang dijadikan tadika yang dapat menampung jumlah kanak-kanak antara 5 hingga 6 tahun. Dengan adanya didikan pra sekolah ini dapat membimbing kanak-kanak ke arah membiasakan diri dengan alam persekolahan. Lokasi tadika itu amatlah sesuai dan ibubapa kanak-kanak tidaklah perlu bimbang tentang keselamatan anak-anak mereka kerana ianya terletak di dalam kawasan rumah pangsa itu sendiri.

Kanak-kanak itu boleh pergi sendiri tanpa dihantar oleh ibubapa (bagi kanak-kanak yang tinggal di rumah pangsa itu).

Di rumah pangsa Batas Baru terdapat juga tandas awam untuk lelaki dan perempuan. Tandas ini biasanya digunakan oleh orang-orang luar yang datang ke kawasan itu dan juga penduduk yang sentiasa minum di kedai-kedai kopi di bahagian bawah blok rumah pangsa itu.

Keselesaan unit rumah pangsa adalah sentiasa terkawal. Jika ada berlaku kerosakan seperti tandas rosak, kerosakan itu akan dibaiki oleh kakitangan Bahagian Teknik, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Lokasinya juga amat sesuai dan strategik kerana ia terletak berhampiran dengan bandar Kuala Terengganu dan berdekatan dengan dua buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Sulaiman I dan II.

Pembinaan rumah pangsa Batas Baru ini yang terletak di dalam kawasan bandar (0.5 kilometer dari pusat bandar Kuala Terengganu) ini dapat mengimbangi kadar penduduk Melayu dalam bandar dengan bangsa Cina dan juga dapat mengawal perpindahan orang Melayu dari bandar ke luar bandar. Di samping itu juga, pembinaan rumah pangsa Batas Baru ini dapat menjimatkan kawasan dalam menampung pertambahan penduduk dan dalam memenuhi permintaan untuk rumah yang kian meningkat.

## 3.3 Masalah Penduduk Rumah Pangsa Batas Baru

Penempatan yang baru sememangnya tidak dapat lari dari mendatangkan masalah kepada penghuninya. Pada bahagian sebelum ini, pengkaji telah menerangkan secara ringkas tentang faedah serta kebaikan penempatan baru

ini, tetapi pada bahagian masalah, pengkaji akan menekankan dengan seberapa terperinci (detail) yang boleh untuk kepentingan semua. Masalah yang akan ditampilkan dan dibincangkan oleh pengkaji merangkumi masalah yang dihadapi oleh individu dalam proses pengadaptasian mereka. Ianya juga merangkumi rasa tidak puas hati mereka terhadap bangunan rumah pangsa, kekurangan kemudahan dan juga rasa tidak puas hati dengan tindakan kerajaan dan masalah-masalah sampingan yang lain lagi.

a) Masalah Pengangkutan

Keadaan rumah pangsa itu sendiri telah mendatangkan masalah kepada penghuninya. Lokasinya di tengah-tengah antara Jalan Air Jernih dan Jalan Batas Baru tetapi ianya lebih hampir kepada Jalan Batas Baru. Kedua-dua jalanraya ini menghala ke bandar dan juga kawasan-kawasan di selatan bandar Kuala Terengganu. Walaupun rumah pangsa ini terletak di kawasan bandar Kuala Terengganu tetapi bagi penduduk yang tidak mempunyai kenderaan ianya merupakan satu masalah yang agak ketara. Ini adalah kerana tidak ada perkhidmatan bas melalui Jalan Batas Baru. Walaupun perkhidmatan bas ada melalui Jalan Air Jernih, tetapi bagi penduduk rumah pangsa ini, mereka terpaksa berjalan kaki sejauh lebih kurang 250 meter untuk sampai ke Jalan Air Jernih. Keadaan ini mungkin tidak begitu dirasakan oleh mereka-mereka yang mempunyai kenderaan sendiri tetapi bagi surirumah dan individu-individu yang tidak mempunyai kenderaan sendiri, apatah lagi jika mereka bekerja di luar bandar Kuala Terengganu.

Bagi surirumah yang ingin ke pasar pula, mereka terpaksa membelanjakan $ 2.50 sebagai tambang beca roda tiga untuk sampai ke pasar dan $ 2.50 lagi untuk balik ke rumah mereka. Jika mereka menggunakan bas yang melalui Jalan Air Jernih, tambangnya hanya 20 sen sahaja untuk sampai ke stesyen bas dan kemudian mereka terpaksa membayar pula tambang beca sebanyak $ 1.00 untuk ke Pasar Besar Kedai Payang (dari stesyen bas). Walaupun cara ini lebih murah, tetapi surirumah menghadapi masalah untuk membawa barang-barang balik ke rumah kerana mereka terpaksa berjalan kaki dari Jalan Air Jernih untuk balik ke rumah. Keadaan ini merupakan satu masalah yang agak ketara dirasakan oleh penduduk rumah pangsa Batas Baru yang majoritinya berpendapatan $ 500.00 ke bawah.

Bagi penghuni yang ada kepentingan di luar bandar Kuala Terengganu, dan tidak mempunyai kenderaan sendiri, mereka terpaksa menghabiskan banyak masa, tenaga dan perbelanjaan untuk sampai ke suatu destinasi itu kerana mereka terpaksa berjalan kaki atau menaiki beca untuk pergi ke Stesyen Bas Kuala Terengganu untuk mengambil bas ke destinasi tersebut. Bagi mereka-mereka yang bekerja di luar kawasan Kuala Terengganu, keadaan ini merupakan satu beban kepada mereka kerana selain daripada terpaksa membayar tambang bas ke destinasi mereka, mereka juga terpaksa membayar tambang beca road tiga untuk pergi ke stesyen bas dan ini tentunya begitu ketara kerana perkara ini berulang pada setiap hari mereka bekerja. Bagi pelajar sekolah, masalah ini tidaklah dirasakan sangat kerana bagi pelajar sekolah rendah, kawasan sekolah terletak berdekatan dengan rumah pangsa itu dan bagi pelajar sekolah menengah pula terdapat perkhidmatan bas sekolah yang mengangkut mereka.

Lokasi Kampung Batas Baru yang terletak di dalam kawasan bandar menyebabkan syarikat pengangkutan tidak berminat untuk mengadakan perkhidmatan bas di Jalan Batas Baru. Pada pendapat mereka, sambutan untuk pengangkutan itu adalah kurang menggalakkan kerana penduduk lebih suka berjalan kaki ataupun menaiki beca. Lagipun perkhidmatan bas hanyalah sampai ke stesyen bas Kuala Terengganu sahaja dan tidak melalui Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Oleh kerana itu, penduduk lebih suka untuk menaiki beca dan terus ke destinasi yang dituju di dalam bandar samada ke pasar atu tempat-tempat lain.

b) Keadaan Bangunan dan Kawasan Rumah Pangsa Batas Baru

Rumah pangsa Batas Baru sememangnya kelihatan kukuh dan baru tetapi ianya bukanlah menggambarkan kesempurnaan unit-unitnya. Bagi orang Melayu, unit rumah pangsa yang mengandungi dua bilik itu adalah satu pengalaman baru. Memandangkan penghuni rumah pangsa ini terdiri dari mereka yang telah berkeluarga dan dengan purata ahli keluarga 6 orang bagi setiap unit, sudah tentulah dua bilik yang diperuntukkan bagi setiap unit itu tidak mencukupi.(purata ahli keluarga itu adalah berdasarkan pada 40 orang responden yang ditemui). Kepadatan ini menyebabkan terdapat ahli keluarga yang terpaksa di ruang tamu. Masalah ini lebih ketara bagi rumah yang mempunyai banyak kelengkapan perabut. Apatah lagi jika ada tetamu yang bermalam di rumah mereka. Anak-anak juga tidak mempunyai ruang untuk bermain. Ibubapa tidak membenarkan anak-anak mereka bermain di luar rumah kerana dikuatiri terjatuh di tangga.

Bangunan rumah pangsa Batas Baru ini mempunyai empat tangga bagi setiap blok dan setiap individu akan hanya menaiki satu tangga sahaja untuk menuju ke unit mereka. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk berinteraksi dengan jiran-jiran yang berlainan tangga. Bagi individu yang tinggal di tingkat empat, tentulah merumitkan untuk turun dari unit mereka dan menaiki tangga lain pula untuk ke rumah jiran mereka di tangga lain. Tambahan pula bangunan ini tidak menyediakan kemudahan lif untuk turun-naik.

Keadaan rumah yang sempit ini juga menyukarkan orang-orang Melayu meneruskan sebahagian daripada tradisi Melayu. Misalnya, jika berlaku kematian, untuk upacara memandikan mayat, menampung saudara mara dan orang-orang yang datang menziarah, mengadakan majlis tahlil serta lain-lain, ruangan yang sempit ini tidak mungkin dapat menempatkan ahli-ahli keluarga, saudara mara dan mereka-mereka yang datang kerana ia biasanya melibatkan bilangan yang ramai. Begitu juga dengan kesukaran yang dihadapi untuk majlis perkahwinan dan sebagainya. Untuk mengatasi masalah ini, majlis tersebut terpaksa diadakan di rumah saudara-mara di kampung ataupun di masjid bagi kes kematian.

Kawasan rumah pangsa Batas Baru adalah terletak di pinggiran kawasan perumahan yang dibina oleh sektor swasta, di utaranya pula terdapat kawasan semak samun yang telah ditinggalkan oleh penduduk Batas Baru yang telah berpindah, di timurnya lebih kurang 50 meter terdapat Jalan Batas Baru dan di selatannya pula ialah Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II. Keadaan ini menggambarkan betapa rumah pangsa Batas Baru ini terhimpit dan ini menyukarkan penyediaan kemudahan-

kemudahan yang lain kepada penduduk di situ.

c) <u>Kelemahan Rumah Pangsa Batas Baru</u> -

Kelemahan yang dimaksudkan di sini ialah kekurangan-kekurangan tertentu yang diperlukan oleh penduduk di sini.

Hasrat kerajaan untuk menyediakan satu tempat kediaman yang lebih sempurna dengan pembinaan rumah pangsa Batas Baru ini adalah satu langkah yang boleh dianggap pincang. Ini disebabkan oleh kekurangan-kekurangan tertentu yang begitu dirasai oleh penduduk di sini.

Bagi golongan muda yang masih cergas, mereka ingin bersukan tapi minat ini tidak dapat dilaksanakan kerana rumah pangsa Batas Baru tidak dapat menyediakan kemudahan itu dengan sepenuhnya. Di sini tidak terdapat gelanggang sepak takraw, tiada padang bola, gelanggang tenis, hanya yang ada ialah sebuah gelanggang bolatampar yang sudah retak dan pecah. Hasilnya golongan muda masih lagi dengan perangai lama mereka.

Untuk golongan kanak-kanak yang sentiasa sukakan hiburan, mereka memerlukan padang permainan kanak-kanak yang menyediakan buaian, papan gelonsor, jongkang-jongkit dan sebagainya. Padang permainan begini akan menyenangkan ibubapa membawa anak-anak mereka untuk bermain-main di waktu petang dan ibubapa berpeluang menjalinkan hubungan rapat di antara mereka. Malangnya, di kawasan rumah pangsa Batas Baru tidak terdapat padang permainan yang begini dan ini menyebabkan ibubapa terpaksa membawa anak-anak mereka bermain di tempat-tempat lain seperti di padang permainan yang terletak di Pantai Batu Burok atau lain-lain

tempat yang ada menyediakan kemudahan sedemikian. Masalah ini tentulah sukar untuk diatasi oleh mereka-mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk membawa anak-anak mereka ke tempat-tempat sedemikian kerana jaraknya yang agak jauh, contohnya Pantai Batu Burok yang letaknya lebih kurang 5 kilometer dari rumah pangsa Batas Baru.

Di samping ketiadaan tempat hiburan dan permainan, tempat beribadat juga tidak disediakan. Kalau biasanya di kampung-kampung Melayu, didapati surau atau madrasah dibina untuk orang-orang Melayu yang lazimnya beragama Islam bagi menunaikan sembahyang berjemaah dan lain-lain majlis keagamaan, tetapi kemudahan ini tidak terdapat di rumah pangsa Batas Baru. Ini menyebabkan penghuni-penghuninya tidak dapat menunaikan sembahyang secara berjemaah dan kalaupun hendak menunaikannya terpaksa pergi ke surau yang terletak kira-kira 300 meter dari situ. Pengkaji telah bertemu dengan dua orang responden perempuan yang berumur dalam lingkungan 60an, yang mana kedua-dua orang responden ini pergi ke surau tersebut yang terletak di Jalan Air Jernih pada setiap petang (waktu maghrib). Mereka menyatakan rasa tidak puas hati mereka kerana pihak berkenaan tidak menyediakan surau di kawasan rumah pangsa itu. Responden yang sudah berumur ini menghadapi masalah berjalan kaki dan ditambah pula tempat kediaman mereka terletak di tingkat tiga dan empat.

Ketiadaan surau ini amat dirasai oleh penduduk Islam di sini bukan sahaja untuk menjalankan sembahyang berjemaah, malahan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan agama yang lain contohnya untuk memandikan

jenazah jika berlaku kematian kerana bilik air di unit-unit di rumah pangsa itu terlalu kecil untuk kegiatan itu. Ketiadaan surau juga menyebabkan tiadanya ceramah-ceramah ugama atau tempat bagi anak-anak mengaji Al Quran. Kalau dulunya, ibubapa menghantar anak-anak mereka ke surau untuk mengaji Al Quran daripada imam di Surau Kampung Batas Baru, tetapi kini mereka terpaksa mengajar sendiri anak-anak mengaji Quran atau membiarkan sahaja anak-anak mereka mendapat didikan agama di sekolah sahaja.

d) Keselamatan

Masalah keselamatan yang akan dibincangkan di sini ialah merangkumi aspek harta benda dan keselamatan nyawa.

Dari aspek keselamatan harta benda sememangnya sangat dirasai oleh penduduk rumah pangsa ini. Memandangkan kawasan rumah pangsa ini tidak berpagar, keluar masuk ke kawasan ini adalah bebas; tanpa mengira samada mereka itu penghuni rumah pangsa ataupun tidak. Tambahan pula di antara penghuni-penghuni rumah pangsa ini tidak saling kenal mengenal secara keseluruhannya. Keadaan ini menyebabkan keselamatan harta benda terutamanya motosikal, basikal dan kaset-kaset di dalam kereta selalu menjadi sasaran pencuri. Setakat ini masih belum ada data-data yang terperinci diperolehi dari responden tetapi berdasarkan kepada laporan yang diterima oleh Jawatankuasa Rumah Pangsa, terdapat 4 kes kehilangan basikal, satu kes kehilangan motosikal, 2 kes kehilangan bateri motosikal, 3 kes kehilangan radio-kaset dan satu lagi kes

kehilangan barang dalam kereta. Semua kes-kes ini berlaku dalam jangkamasa 3 tahun dan telah dilaporkan kepada pihak polis.

Di samping itu terdapat dua kes pecah rumah yang dilaporkan dan anggaran kerugian tidak dapat diketahui. Tidak juga dinafikan terdapatnya kes-kes kecurian atau kerosakan yang hanya didiamkan sahaja oleh individu dan tidak dilaporkan kepada Jawatankuasa Rumah Pangsa kerana mereka merasakan tiada faedahnya melaporkan kepada pihak Jawatankuasa kerana mereka lebih suka melaporkannya terus kepada pihak polis ataupun mendiamkan diri sahaja. Apatah lagi jika ianya melibatkan kerugian yang sedikit sahaja.

Kecurian yang sering berlaku ini kerana tiada langkah-langkah keselamatan yang wajar diambil, seperti berkawal dan lain-lain lagi. Mereka hanya semata-mata mengharapkan rondaan polis. Memang tidak dinafikan bahawa kecurian sukar dicegah kerana kenderaan seperti kereta dan motosikal terpaksa diletakkan di bawah sedangkan tuanpunya tinggal di tingkat atas. Jadi mereka tentunya tidak tahu apa yang terjadi kepada kenderaan mereka semasa mereka sedang tidur di tingkat atas, tidak sepertimana keadaan di kampung dahulu, di mana kenderaan disimpan atau diletakkan di dalam kawasan atau di bawah rumah yang memungkinkan mereka mendengar atau menyedari apa yang berlaku kepada kenderaan mereka.

Di samping anasir-anasir tidak bertanggungjawab itu, terdapat juga ahli rumah pangsa sendiri yang tidak bertimbang rasa. Tindakan mereka yang berakal pendek dengan membuang sampah dari tingkat atas

menyebabkan berlakunya kes-kes cermin kereta pecah, kereta bercalar dan lain-lain lagi. Ini disebabkan tidak terdapat tempat letak kereta berbumbung yang khas di kawasan itu. Kenderaan hanya diletakkan sesuka hati sahaja di depan rumah pangsa dan terdedah kepada hujan, panas dan segala apa yang datang dari atas termasuklah sampah sarap yang dibuang oleh penghuni yang tidak bertanggungjawab. Daripada 40 orang responden yang ditemui dan 17 orang daripada mereka mempunyai kereta, terdapat 2 kes cermin bahagian hadapan kereta pecah. Mangsa atau tuanpunya kereta itu hanya menyedari hal itu semasa hendak ke pejabat.

Dari segi keselamatan tubuh badan atau nyawa penghuni, ianya melibatkan keadaan rumah pangsa itu sendiri. Tangga rumah pangsa ini diperbuat daripada simen dan licin permukaannya (smooth). Pada hari hujan, tangga ini menjadi lebih licin lagi dan membahayakan. Terdapat 4 kes tergelincir dari tangga yang melibatkan 3 orang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun dan seorang dewasa yang hanya cedera ringan sahaja. Kesemua kes ini terjadi ketika hari hujan. Perkara ini dapat dilihat sendiri oleh pengkaji yang melawat kawasan itu ketika hari hujan.

Selain daripada tangga, pagar atau tembok simen yang terdapat di setiap tingkat di sebelah kiri dan kanan setiap tangga juga dirasakan kurang selamat. Pagar yang dibina setinggi 3 kaki (91.44 cm) ini tidak dapat menjamin keselamatan kanak-kanak yang sedang membesar iaitu kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke atas; malah pagar itu menarik minat mereka untuk memanjat di atasnya. Setakat ini hanya terdapat satu kes sahaja mangsa yang jatuh melalui pagar atau benteng itu dan mangsa

tersebut telah mengalami cedera parah. Berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian pengkaji, benteng itu memang menarik minat kanak-kanak serta anak-anak muda untuk duduk, malah bertenggek ketika berbual dengan rakan-rakan mereka.

Berhampiran dengan rumah pangsa Batas Baru ialah Jalan Batas Baru, dan di seberang jalan itu terdapat bengkel Jabatan Kerja Raya (JKR). Pada waktu pagi, jalan ini sibuk dengan kenderaan samada kenderaan yang menghala ke bandar dan kenderaan yang menghala ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II. Kesibukan itu ditambah lagi dengan kenderaan dan jentera-jentera berat JKR yang keluar dari bengkel ini. Kenderaan dan jentera-jentera berat JKR ini di samping mengganggu ketenteraman penduduk dengan bunyi bisingnya, lebih-lebih lagi ketika memanaskan enjin, kenderaan ini juga menyebabkan kesesakan lalulintas dengan pergerakannya yang perlahan terutamanya jentolak dan 'steamroll'. Keadaan yang sesak ini membahayakan kanak-kanak rumah pangsa Batas Baru yang berjalan kaki ke sekolah ataupun ke tempat-tempat lain lagi. Ibubapa juga bimbang untuk melepaskan anak-anak mereka pergi bersendirian.

e) Masalah Kurang Disiplin dan Semangat Kerjasama

Sebagai satu pengalaman baru tinggal di rumah pangsa tiap-tiap individu yang terlibat tidak boleh menjadikan alasan itu sebagai 'lampu hijau' untuk mereka membuat kesalahan. Apa yang jelas terlihat ialah tindakan beberapa orang individu tertentu menunjukkan mereka itu tidak bertoleransi dan tiada semangat kerjasama.

Akibat kekurangan sivik (sivic minded) menyebabkan beberapa tindakan yang kurang arif berlaku. Sampah sarap tidak dibuang di tempat yang disediakan, maka terdapatlah di atas-atas tangga tin-tin minuman, plastik dan lain-lain sampah yang kecil. Puntong-puntong rokok adalah di antara yang paling banyak didapati bertaburan di merata-rata tempat. Di bahagian bawah rumah pangsa pula, pada waktu pagi iaitu sebelum dan ketika pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Kuala Terengganu menyapu banyak didapati sampah sarap yang dibuang dari tingkat atas rumah pangsa (tidak dapat ditentukan dari tingkat mana) dan juga sampah yang dibuang oleh kanak-kanak yang memang suka memakan gula-gula atau makanan ringan yang lain lagi. Bagi mereka-mereka yang menghisap rokok, memang jelas dilihat sikap tidak bertanggungjawab mereka dengan membuang puntong - puntong rokok di merata-rata tempat. Ianya bukan hanya dilakukan oleh golongan muda sahaja malahan turut dilakukan oleh orang-orang dewasa dan tua juga.

Selain daripada masalah sampah, ada juga segolongan yang menjadikan conteng menyonteng sebagai kegemaran atau hobi mereka. Yang menjadi mangsa atau sasaran utama mereka ialah tiang-tiang terutamanya di tempat-tempat letak basikal dan juga dinding-dinding bangunan itu terutamanya dinding-dinding tandas. Akibatnya, dinding-dinding dan tiang-tiang di situ dipenuhi dengan lukisan-lukisan dan tulisan-tulisan yang tidak menyedapkan mata memandang.

Pada pendapat penulis, kemudahan tandas awam yang disediakan tidak dihargai oleh segelintir penghuni. Tandas yang terletak di bahagian

bawah rumah pangsa ini nampaknya dalam keadaan yang amat menyedihkan. Selain daripada tidak terurus dan menjijikkan, pintu bahagian dalam tandas ini juga telah tercabut sementara dinding-dindingnya pula dipenuhi dengan berbagai lukisan dan tulisan yang tidak sepatutnya dipamerkan. Dapatlah dikatakan bahawa tandas ini sudah rosak dan tidak patut digunakan lagi.

Sikap toleransi yang kurang di kalangan penghuni rumah pangsa ini menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah. Sikap toleransi dan timbang rasa adalah kurang di kalangan penghuni yang kurang bertegur sapa, apatah lagi kalau jiran mereka itu berlainan kaum ataupun berlainan fahaman politik.

Kekurangan sikap positif ini adalah akibat sikap mementingkan diri sendiri dan tidak memperdulikan perasaan orang lain. Sikap mereka semasa di rumah kampung dulu terbawa-bawa ke rumah pangsa walaupun ianya hanya melibatkan segelintir individu sahaja. Tindakan di luar etika kejiranan oleh golongan ini selalunya mengganggu ketenterman orang lain. Di antara tindakan-tindakan negatif mereka ialah memasang radio dan televisyen dengan kuat, membuang sampah melalui tingkap, tidak menghormati jiran dan lain-lain lagi.

Terdapat satu kes di mana akibat dari tindakan memasang radio dengan kuat dan mengganggu jiran sebelah yang mempunyai anak kecil yang sedang tidur, menyebabkan hampir tercetus pergaduhan di antara jiran dan sehingga 'thesis' ini ditulis, mereka masih belum bertegur sapa. Masing-masing tidak mahu mengalah.

Apabila melawat ke kawasan rumah pangsa ini, pengkaji sering terdengar radio dan kaset yang dipasang dengan kuat dengan tujuan untuk didengarkan kepada penghuni rumah pangsa seluruhnya. Kaset ceramah-ceramah PAS (Parti Islam Se Malaysia) dilaungkan dengan kuatnya sebagai satu dakyah politik penghuni-penghuni di situ. Hal ini sudah menjadi perkara biasa di situ dan bagi penyokong-penyokong PAS, ianya bukanlah satu perkara yang mengganggu tetapi bagi penyokong UMNO dan kaum Cina, laungan itu merupakan suatu yang memekakkan telinga.

Bagi tindakan pembuangan sampah melalui tingkap pula, ianya menimbulkan kesan buruk kepada orangramai yang lalu lalang di bahagian bawah dan juga kenderaan-kenderaan yang diletakkan di bawah rumah pangsa itu. Perkara ini telahpun dibincangkan sebelum ini.

Orang Melayu di rumah pangsa ini juga menghadapi masalah keyakinan jiran yang berlainan bangsa. Kaum Cina meragui tindakan orang Melayu keseluruhannya akibat dari tindakan segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab. Ini adalah kerana golongan yang mempunyai semangat perkauman menggunakan kemajoritian orang Melayu di kawasan ini untuk menunjukkan sikap ego dan 'besar kepala' mereka terhadap kaum Cina. Mereka ini bukan sahaja memandang serong dan hina kepada kaum Cina kerana perbezaan ugama malahan kanak-kanak Cina sentiasa dibuli oleh budak-budak nakal dan tempat sembahyang kaum Cina diganggu. Umpamanya limau atau buah-buahan yang digunakan oleh kaum Cina untuk beribadat dicuri oleh budak-budak nakal. Tambahan pula tempat-tempat sembahyang Cina itu terletak di luar pintu unit rumah mereka. Ini

menyebabkan timbulnya masalah polarisasi kaum.

Walaupun begitu tindakan begini bukannya melibatkan keseluruhan. Orang Cina masih dianggap ahli masyarakat di situ dan mempunyai kepentingan tersendiri. Contoh yang dapat dilihat ialah kedai runcit kepunyaan seorang Cina yang terletak di bahagian bawah blok 'A'. Kedai runcit ini lebih maju dibandingkan dengan kedai runcit orang Melayu yang terdapat di blok yang sama. Ini menunjukkan sikap perkauman orang Melayu tidaklah secara keseluruhan dan tidak begitu ekstrim hingga boleh melumpuhkan kegiatan ekonomi orang Cina.

Dalam menjaga kemakmuran kawasan rumah pangsa ini, satu jawatankuasa rumah pangsa telah ditubuhkan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirasakan perlu. Jawatankuasa ini mempunyai 15 orang wakil yang terdiri daripada wakil-wakil blok dan juga wakil tingkat. Segala masalah dan kepentingan ahli dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Pangsa Batas Baru. Apa yang menjadi masalah di sini ialah ketiadaan tempat atau bilik mesyuarat yang benar-benar sesuai dan bilik yang sering digunakan untuk mesyuarat itu tidak mempunyai kemudahan seperti mikrofon dan meja. Kerusi yang disediakan pula sudah terlalu uzur. Selain dari itu bilik itu juga digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain seperti tempat memandikan jenazah dan untuk lain-lain aktiviti yang melibatkan ramai orang. Seringkali juga mesyuarat diadakan di rumah penghuni dan hal ini menyebabkan mesyuarat itu menjadi kurang formal. Keadaan ini juga menyebabkan ahli-ahli jawatankuasa menjadi lemah semangat dan meragui keberkesanan sesuatu mesyuarat dan akibatnya setiap kali mesyuarat sudah menjadi perkara biasa jumlah yang hadir

tidak seluruhnya.

Setelah sesuatu usul diluluskan timbul pula masalah untuk mendapatkan kerjasama dari seluruh penghuni rumah pangsa. Seringkali dianjurkan sesuatu aktiviti untuk kepentingan bersama. Namun begitu sambutan atau penyertaan yang diterima adalah mengecewakan. Contohnya kempen kebersihan yang sudah beberapa kali diadakan. Hanya yang kelihatan ialah mereka-mereka yang aktif dalam mesyuarat sahaja dan setiap kali diadakan, hanya muka-muka yang sama kelihatan. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Rumah Pangsa Batas Baru, setiap kali kempen kebersihan diadakan, sehingga kini jumlah ahli yang hadir adalah kurang dari 30 %. Kekurangan semangat kerjasama ini menyebabkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk kepentingan orangramai tidak dapat mencapai matlamatnya.

f) <u>Tidak Puas Hati Dengan Polisi Kerajaan</u>

Tindakan kerajaan menempatkan penghuni Kampung Batas Baru ke rumah pangsa tidak disukai oleh majoriti penduduk yang terlibat. Daripada 40 orang responden yang ditemui, 35 orang daripada mereka melahirkan rasa tidak puas hati terhadap langkah kerajaan ini sementara 5 orang lagi melahirkan apa-apa pendapat atau berkecuali. Rasa tidak puas hati ini timbul kerana sebab-sebab peribadi dan juga kerana langkah kerajaan yang dirasakan tidak adil.

Rasa tidak puas hati atas sebab peribadi timbul kerana sememangnya sikap mereka yang sentiasa tidak setuju dengan langkah-langkah kerajaan

dan juga kerana kesan perpindahan itu mendatangkan kesan negatif kepada mereka. Sikap sentiasa tidak setuju dengan langkah kerajaan yang ada di dalam diri mereka ini timbul kerana rasa tidak puas hati dan tidak setuju dengan pimpinan kerajaan masa kini iaitu kerajaan Barisan Nasional. Golongan anti kerajaan ini biasanya merupakan penyokong parti PAS dan ketika ditanya oleh pengkaji mengenai pandangan mereka, secara terus terang dan dengan berani mereka mengkritik langkah kerajaan ini.

Kesan negatif yang dirasai oleh penduduk di sini termasuklah masalah-masalah yang dialami sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini. Selain dari itu segi kekeluargaan, keluarga luas (extended family) tidak sesuai lagi untuk dipraktikkan di rumah pangsa kerana kesempitan ruang. Oleh sebab itu keluarga luas yang diamalkan semasa di rumah kampung dahulu terpaksa berpecah memandangkan unit rumah pangsa hanya diperuntukkan kepada keluarga asas sahaja. Perpecahan keluarga ini menimbulkan masalah interaksi dan ziarah menziarahi antara keluarga yang pernah tinggal bersama dulu. Pendapatan seluruh ahli keluarga juga menjadi rendah. Bilangan ahli dalam satu keluarga juga menjadi kurang. Kalau dulu di dalam satu rumah mungkin terdapat dua hingga keluarga asas, tetapi kini tiap keluarga asas itu tidak lagi tinggal bersama. Mereka lebih suka mencari rumah sewa kerana tidak diperuntukkan dengan unit rumah pangsa.

Rasa tidak puas hati juga timbul akibat langkah kerajaan yang masih mengenakan bayaran kepada mereka sedangkan rumah mereka sudah dirobohkan. Apabila mereka ini sudah diperuntukkan dengan unit rumah

pangsa, mereka tidak lagi menerima bayaran gantirugi. Untuk rumah pangsa itu mereka hanya diberi subsidi bayaran.

Berdasarkan adanya subsidi, perkiraan harga jualan bagi seunit rumah pangsa Batas Baru adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Harga seunit mengikut kos | $ 38,098.22 |
| Tolak | |
| Subsidi 50 % daripada kos | $ 19,049.11 |
| | $ 19,049.11 |
| Campur | |
| Pentadbiran 7 % daripada kos seunit | $ 2,666.87 |
| 4 % faedah atas pinjaman semasa pembinaan | $ 761.96 |
| Harga jualan seunit | $ 22,477.94 |

Ini bermakna harga jualan seunit digenapkan ialah $ 22,480.00. Walaupun harga jualannya pada angka ini tapi untuk bayaran balik 'End Financing' iaitu selama 25 tahun dikenakan pula faedah sebanyak 5.5 % setahun. Bayaran bulanan yang perlu dibayar oleh penghuni mengikut tahun setelah dicampur dengan faedah selama 25 tahun boleh dilihat pada jadual 6 (di muka surat sebelah). Bayaran ini adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).

JADUAL 6: CARA PEMBAYARAN RUMAH PANGSA BATAS BARU

| Tahun | 1 - 5 | 6 - 10 | 11 - 15 | 16 - 20 | 21 - 25 | Jumlah Selepas 25 Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ayaran ulanan | $ 104.80 | $ 122.20 | $ 139.00 | $ 157.00 | $ 174.60 | |
| Jumlah | $6,288.00 | $7,332.00 | $8382.00 | $9,432.00 | $10,476.00 | $41,910.00 |

Sumber: Bahagian Perumahan PMINT

Harga yang tinggi ini merupakan beban yang besar bagi penghuni rumah pangsa yang majoriti penduduknya berpendapatan kurang dari $500.00 sebulan. Penghuni-penghuni terpaksa membayar bayaran bulanan yang semakin tinggi setiap lima tahun. Ini belum lagi termasuk bayaran untuk letrik, cukai pintu, hasil tanah dan lain-lain perbelanjaan. Bayaran cukai pintu bagi setiap unit rumah pangsa ialah pada kadar $25.00 setahun. Bayaran cukai pintu sebanyak $10.00 setahun dan hasil tanah pula $0.75 sen setahun bagi setiap unit. Beban bayaran yang dirasakan tidak adil dan tinggi ini, menyebabkan timbulnya rasa tidak puashati di kalangan penghuni rumah pangsa.

Mereka juga tidak puashati dengan pihak yang terlibat dengan proses perobohan kerana tidak menyediakan kemudahan untuk mengangkut barang-barang hasil tindakan perobohan. Mereka terpaksa mengangkut dengan perbelanjaan sendiri kecuali beberapa orang individu yang baik dengan pegawai-pegawai tertentu dibenarkan mengguna lori-lori kepunyaan Pejabat Tanah dan kenderaan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Hal ini tidak diketengahkan kepada pihak berkuasa, hanya setakat berbincang sesama

mereka yang senasib sahaja.

Selain dari itu, mereka juga mendakwa bahawa tidak ujud keadilan dalam proses perpindahan yang melibatkan penduduk Batas Baru dan penduduk Kampung Kolam. Penduduk Batas Baru merasakan bahawa mereka telah dianak tirikan oleh pihak berkuasa. Ini adalah kerana mereka (penduduk Batas Baru), dipaksa berpindah terlalu cepat sedangkan projek yang hendak dilaksanakan belum begitu pasti lagi. Sudah hampir dua tahun penduduk Batas Baru berpindah, tapi tanah mereka yang diambil oleh kerajaan masih belum dibangunkan lagi dan kini ditumbuhi semak-samun. Berbeza dengan penduduk Kampung Kolam, rumah mereka belum dirobohkan lagi, tapi unit rumah pangsa Batas Baru sudahpun diperuntukkan. Ini merupakan satu keuntungan kepada penduduk Kampung Kolam yang terlibat. Bagi mereka yang belum berpindah dan sudah memperolehi unit rumah pangsa Batas Baru, unit itu disewakan sementara bagi mereka yang sudah berpindah, rumah kediaman mereka di Kampung Kolam pula disewakan. Keistimewaan ini tidak dapat dirasai oleh penduduk Kampung Batas Baru.

Melalui perbualan dengan responden, dapat diketahui iaitu terdapat di kalangan mereka yang mendakwa berlaku pilih kasih dalam pembahagian unit rumah pangsa. Mereka mendakwa terdapat segelintir individu yang lebih layak diperuntukkan unit rumah pangsa telah gagal memperolehinya. Mereka mendakwa hal ini berlaku kerana faktor politik dan peranan golongan atasan dalam membantu individu-individu tertentu bagi mendapatkan unit rumah pangsa. Hal ini memang tidak dinafikan tetapi sukar untuk dibuktikan. Melalui pemerhatian pengkaji, terdapat seorang penyokong

kuat UMNO yang memegang jawatan penting dalam cawangan UMNO memperolehi dua unit rumah pangsa sekaligus. Unit-unit ini telah diubahsuai di bahagian dalamnya dan disatukan hingga kelihatan satu unit rumah pangsa yang besar. Keadaan ini berlaku pada tingkat satu, blok 'B'.

Semua masalah dan ketidakpuasan yang dirasai oleh penduduk ini adalah berpunca dari proses perpindahan penduduk Kampung Batas Baru ke rumah pangsa Batas Baru. Akibat dari itu, menyusul pula kesan-kesan tertentu serta perubahan-perubahan yang tertentu ke atas penduduk yang terlibat baik dari segi ekonomi, sosial, politik mahupun kekeluargaan.

## BAB IV

## KESAN-KESAN PERPINDAHAN PENDUDUK KE RUMAH PANGSA BATAS BARU

### 4.1 Kesan Ke Atas Kekeluargaan

Keluarga adalah unit sosial yang paling asas bagi sesebuah masyarakat. Unit terkecil bagi sesebuah keluarga ialah keluarga asas (keluarga nuklear) yang mempunyai ahli terdiri dari seorang ayah,emak dan anak. Pembentukan keluarga berpunca dari tiga faktor penting iaitu melalui perkahwinan, hubungan darah dan juga angkat. Apa yang membezakan antara keluarga ialah jenis, saiz, fungsi dan hubungan di kalangan keluarga tersebut.

Di sini pengkaji akan cuba jalankan perubahan-perubahan atau kesan ke atas institusi kekeluargaan akibat proses perpindahan itu.

Sebelum proses perpindahan berlaku, purata keluarga nuklear bagi sebuah rumah kampung ialah keluarga nuklear. Ini termasuklah ahli-ahli yang menumpang itu terdiri dari saudara mara, menantu ataupun keluarga angkat. Konsep keluarga luas ini (extended family) tidak dapat diteruskan di unit rumah pangsa akibat dari kesempitan ruang. Adalah terlalu padat bagi rumah pangsa yang mengandungi dua bilik tidur itu untuk menampung lebih dari dua keluarga nuklear. Bagi keluarga yang mempunyai bilangan ahli yang ramai untuk menampung dua keluarga nuklear sudah dikira terlalu padat. Terdapat duapuluh orang respondan yang mempraktikan extended family tidak lagi dapat diamalkan. Sebelum itu anak mereka yang sudah berkahwin, cucu dan juga keluarga angkat tinggal bersama tapi kesemuanya telah mencari tempat tinggal yang bersendirian.

Dari 40 orang respondan itu, 36 dari mereka adalah terdiri dari keluarga nuklear iaitu emak, ayah dan anak-anak sementara 4 keluarga lagi terdapat nenek ataupun datuk tinggal bersama.

Dari segi saiz keluarga ianya menjadi semakin kecil akibat dari pengecilan keluarga luas kepada keluarga nuklear. Keadaan rumah pangsa yang sempit, sememangnya tidak menggalakkan untuk didiami oleh keluarga yang bersaiz besar. Bagi golongan muda-mudi yang sudah bekerja, mereka ini lebih suka mempunyai bilik bersendirian. Untuk mencapai kepuasan itu, mereka lebih suka mencari rumah yang lain bersama rakan-rakan. Bagi golongan yang masih bersekolah terutama sekolah menengah, keadaan rumah atau unit rumah pangsa tidak sesuai untuk mereka mentelaah pelajaran. Mereka tidak dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya kerana terpaksa berkongsi bilik dengan adik-adik di samping suasana yang bising. Oleh itu ramai di antara penduduk menghantar anak-anak mereka tinggal di asrama sekolah. Bagi mereka yang mampu atau anak mereka mendapat bantuan dari kerajaan, yuran asrama tidak mendatangkan masalah tetapi bagi mereka yang berpendapatan rendah, ianya merupakan suatu beban. Terdapat 15 orang daripada anak-anak responden yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) sementara 20 orang bakal menghadapi Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.), tinggal di asrama sekolah. 16 orang daripada jumlah itu tinggal di asrama bantuan penuh kerajaan.

Bagi golongan muda yang sudah berkahwin, mereka lebih suka tinggal berasingan dari ibubapa atau mertua. Mereka hanya tinggal bersama ibubapa atau mertua untuk sementara sahaja sebelum mendapat tempat

tinggal yang berasingan.

Terdapat juga kesan ke atas golongan tua (datuk dan nenek). Mereka tidak suka tinggal di unit-unit rumah pangsa kerana susah untuk beribadat secara berjemaah akibat ketiadaan surau di kawasan itu. Lagi pun mereka merasa terkongkong dan lemas, terutama mereka yang tinggal di tingkat tiga dan empat. Mereka juga menghadapi masalah untuk naik dan turun tangga rumah pangsa itu. Jiwa golongan ini tertekan kerana tidak dapat melakukan aktiviti harian seperti di rumah kampung dulu seperti bertani, menternak ataupun berbual dengan jiran-jiran di rumah atau kedai kopi. Oleh itu golongan ini lebih suka tinggal dengan keluarga yang tiggal di rumah-rumah kampung. Ini merupakan salah satu sebab-sebab pengecilan saiz keluarga di rumah pangsa.

Terdapat juga responden yang menghantar anak-anak mereka tinggal bersama keluarga di kampung. Hal ini dapat mengurangkan kepadatan di unit-unit rumah pangsa dan sekaligus menunjukkan bahawa peranan mensosialisasi anak-anak dilaksanakan oleh agen bukan dari keluarga asas. Fungsi sosialisasi ini dimainkan juga oleh institusi pendidikan formal terutama ke atas anak yang tinggal di asrama sekolah. Namun demikian keadaan ini tidaklah dapat membayangkan bahawa fungsi keluarga dalam proses mensosialisasi anak telah hilang atau berkurangan, malah masih lagi kuat. Ini dapat dilihat di mana adanya ibubapa yang mengajar anak-anak membaca al qur'an, membaca buku pelajaran, menghantar anak-anak ke sekolah dan lain-lain lagi.

Terdapat perubahan-perubahan tertentu dalam hubungan antara ahli-ahli serumah dan juga dengan keluarga di kampung. Bilangan ahli serumah

semakin mengecil kerana terdapatnya ahli keluarga yang tinggal di tempat lain atau pun membentuk keluarga sendiri. Walaupun berpisahan kemesraan antara mereka tidak berubah pada peringkat awalnya. Apabila keadaan ini berterusan dan kekerapan untuk bersemuka menjadi semakin kurang, oleh itu kemesraan menjadi semakin longgar. Terdapat satu kes di mana ianya diceritakan oleh seorang responden kepada pengkaji. Anak responden itu pada mulanya tinggal bersama responden di rumah pangsa. Setelah anak itu berkahwin, mereka (si anak dan isterinya) berpindah ke rumah yang berasingan di kampung lain. Pada lima bulan pertama anak itu selalu datang melawat keluarga di rumah pangsa tetapi selepas itu kekerapan itu semakin kurang. Kekerapan itu pada mulanya seminggu sekali kemudian sebulan sekali dan kini kedatangannya hanyalah bila ada kepentingan tertentu sahaja.

Bagi anak-anak muda yang mencari tempat tinggal baru bersama rakan sebaya, pergaulan dengan sendiri kini menjadi renggang, sebaliknya mereka lebih mesra dengan rakan-rakan mereka. Mereka kini tidak lagi kembali untuk tidak di rumah ibubapamereka. Kalaupun mereka datang ke rumah ibubapa mereka, hanyalah sekadar melawat saja. Terdapat satu kes di mana seorang responden yang dulunya rapat dengan anaknya tapi kini hubungan mereka itu menjadi semakin renggang kerana anak itu sudah hidup berdikari.

Hubungan kekeluargaan dengan saudara mara di tempat lain seperti di kampung masih diteruskan malam semakin erat. Ini adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu yang memberangsangkan keseimbangan itu.

Kekurangan yang terdapat di rumah pangsa dengan penduduk di kampung. Contohnya, untuk mengadakan sesuatu keramaian seperti majlis perkahwinan, istiadat ini tidak mungkin dapat diadakan di unit rumah pangsa, oleh itu penduduk di rumah pangsa selalunya mengadakan majlis seumpama itu di rumah keluarga mereka di kampung.

Di samping itu penghuni rumah pangsa sering pulang atau melawat saudara mereka di kampung atas sikap persaudaraan. Kunjungan sebegini selalunya tidak mengira masa. Terdapat juga kunjungan yang bermusim ataupun bersebab. Kunjungan ini selalunya berlaku dalam masa cuti sekolah, musim buah-buahan, musim perayaan dan juga kerana kenduri-kendara. Bagi mereka yang mempunyai ahli keluarga seperti anak yang tinggal bersama keluarga di kampung, kekerapan pulang ke kampung adalah lebih tinggi. Memandangkan ramai di antara responden merupakan bukan anak jati Kampung Batas Baru, oleh itu mereka sering pulang ke kampung untuk melawat ibubapa, saudara mara, sahabat handai dan juga tanah pusaka.

Penghuni rumah pangsa seharusnya melawat saudara mara mereka di kampung berdasarkan faktor-faktor tertentu. Kunjungan mereka (penghuni rumah pangsa) ke kampung tidaklah begitu mendatangkan masalah kepada penduduk kampung untuk menyediakan ruang untuk menginap kerana rumah kampung selalunya lebih besar berbanding dengan rumah pangsa. Kebanyakan penduduk bandar juga mempunyai kenderaan untuk membawa mereka ke kampung. Ini adalah sebaliknya jika penduduk kampung harus datang melawat saudara mereka di rumah pangsa. Kunjungan saudara mara di kampung yang biasa-nya datang berkeluarga mendatangkan masalah penyediaan ruang tempat

penginapan untuk tetamu. Keadaan ini sedikit sebanyak menyebabkan saudara mara yang tinggal jauh dari bandar kurang tertarik untuk datang ke bandar kerana masalah tempat penginapan dan tidak mahu mengusahakan keluarga di bandar (rumah pangsa). Berdasarkan kenyataan 6 orang responden, kalau dulu (sebelum tinggal di rumah pangsa) kunjungan saudara mara di kampung tidak mendatangkan masalah kepada mereka dalam menyediakan tempat menginap dan saudara mara dari kampung itu selalunya bermalam di rumah mereka (responden) 2 hingga 3 malam dan kadangkala lebih. Tapi sekarang setelah berpindah ke rumah pangsa, kunjungan saudara mara dari kampung semakin kurang dan kalaupun mereka datang tidaklah hingga membawa kepada bermalam di rumah mereka (rumah pangsa).

Menyedari akan masalah hubungan dengan saudara mara di kampung, menyebabkan penghuni rumah pangsa Batas Baru lebih berminat untuk menziarahi keluarga di kampung. Andaikata penghuni rumah pangsa tidak melawat keluarga di kampung, kemungkinan akan berlaku kerenggangan sedikit terhadap hubungan kekeluargaan dan hubungan ini mungkin akan terputus terus sehingga beberapa generasi.

## 4.2 Agama

Dari segi keagamaan terdapat kesan yang jelas dari segi ketiadaan kegiatan keagamaan akibat dari ketiadaan guru. Kalau dulu, sebelum berpindah ke rumah pangsa, ramai di antara penghuni baik lelaki mahupun perempuan sering juga berjemaah di surau tapi sekarang kebanyakan dari mereka lebih suka beribadat secara berseorangan kerana tiada surau untuk berjemaah di kawasan rumah pangsa Batas Baru. Terdapat juga

sebilangan kecil dari mereka yang berjalan kaki ke surau di Jalan Air Jernih dan bagi yang ada kenderaan mereka pergi ke Masjid Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Kalau dulu anak-anak penghuni rumah pangsa belajar agama terutamanya belajar mengaji Al Quran dari guru-guru yang bertauliah, tapi kini tugas itu terpaksa diambil-alih oleh ibubapa sendiri dan juga guru di sekolah.

Ketiadaan surau memang sangat dirasai oleh penduduk di rumah pangsa Batas Baru kerana tidak dapat melaksanakan kegiatan-kegiatan ugama seperti ceramah ugama, majlis Maulud Nabi s.a.w dan sebagainya. Kemungkinan suatu masa nanti, tidaklah menjadi perkara mustahil jika anak-anak muda dan generasi selepasnya tidak akan berminat langsung untuk berjemaah di surau. Daripada 10 orang pemuda belasan tahun yang ditemui oleh pengkaji, 9 orang daripada mereka tidak pernah sembahyang berjemaah selain daripada pada hari Jumaat, sejak mereka tinggal di rumah pangsa Batas Baru. Sebelum berpindah, kata mereka, mereka sering ke masjid untuk berjemaah terutamanya pada waktu Maghrib dan Isyak. Masjid Sultan Zainal Abidin adalah merupakan masjid yang terbesar, dan masjid ini terletak di tengah pusat bandar Kuala Terengganu.

Jadi di sini dapatlah dilihat bahawa perpindahan ini menyebabkan sebahagian daripada kegiatan keugamaan tidak dapat dilaksanakan.

## 4.3 Hubungan Sosial

Keadaan rumah pangsa telah sedikit sebanyak mendatangkan perubahan

kepada pola perlakuan penghuninya terutamanya orang Melayu. Tinggal di rumah pangsa merupakan suatu pengalaman baru bagi orang Melayu Kampung Batas Baru dan sememangnya tempat tinggal baru ini menuntut perubahan-perubahan tertentu. Hubungan kejiranan masih juga wujud tetapi tidak seperti hubungan kejiranan semasa di kampung dulu. Dari segi pemilihan unit rumah pangsa, penghuni tiada hak untuk memilih. Mereka hanya menduduki unit yang telah ditentukan saja. Oleh itu jiran-jiran sebelah samada di atas, di bawah ataupun setangga adalah merupakan jiran yang baru mereka kenali. Hubungan yang terjalin, hanyalah setakat bertegur-sapa sahaja tanpa melibatkan kunjung mengunjung bagi kalangan lelaki. Bagi kaum wanita pula, terutamanya suri rumah yang tidak bekerja, hubungan mereka adalah lebih mesra dan rapat. Seringkali mereka ziarah-menziarahi, bertukar-tukar masakan dan berbual-bual. Hal ini berlaku kerana suri-suri rumah mempunyai lebih banyak masa dihabiskan di rumah dan masa yang terluang (contohnya selepas anak-anak pergi ke sekolah) mereka gunakan untuk berbual seketika dengan jiran-jiran sementara menunggu masa untuk memasak. Hubungan kejiranan ini akan bertambah erat atau pun boleh terjadi apabila anak-anak yang berkawan rapat. Ziarah-menziarah yang berlaku antara anak-anak akhirnya membawa kepada perkenalan antara keluarga-keluarga yang terlibat.

Walaupun begitu, terdapat juga ciri-ciri individualistik di kalangan penghuni di sini. Antara mereka saling tidak mengenal, tidak ada proses interaksi malah, ada di antara mereka yang tidak tahu nama jiran-jiran mereka. Terdapat dua kes di mana, apabila pengkaji mengajukan soalan

samada mereka kenal atau pun tidak dengan jiran mereka. Mereka memberi jawapan bahawa mereka hanya mengenal rupa atau muka jiran mereka tapi, tidak mengetahui nama dan pekerjaan jiran mereka. Keadaan ini terjadi kerana kesibukkan masing-masing dan juga kerana tidak ada semangat kejiranan.

Hubungan dengan jiran lama (jiran semasa di kampung) masih berterusan dan berlaku kegiatan ziarah-menziarahi. Bagi jiran lama yang juga tinggal di rumah pangsa kegiatan menjadi suatu kebiasaan. Biasanya kunjungan yang dibuat pada sebelah petang iaitu antara pukul lima hingga enam petang. Masa untuk mereka berbual-bual semakin terhad kerana mereka terpaksa turun naik tangga.

Bagi jiran lama yang tidak tinggal di kawasan rumah pangsa pula, hubungan masih terjalin tapi peluang bersemuka semakin kurang kerana perbezaan tempat kediaman dan kesibukan dengan tugas. Pada peringkat awalnya kekerapan menziarahi antara mereka adalah tinggi tapi semakin lama semakin kurang, walaupun kemesraan masih juga seperti dulu. Walaupun kurang ziarah menziarahi antara mereka, tapi mereka sentiasa berkirim salam ataupun berbual melalui telefon. Jika ada majlis keramaian atau pun kematian, mereka saling memberitahu. Di sini menunjukkan iaitu konsep kejiranan masih lagi kekal bagi sebahagian individu yang masih sedar akan kepentingan konsep kejiranan. Kemungkinan apabila urbanisasi semakin meresap ke dalam jiwa penghuni-penghuni rumah pangsa ini, konsep kejiranan akan berubah kepada konsep individualisma.

Kampung Batas Baru suatu masa dahulu memang terkenal sebagai kawasan hitam (black area) kerana kegiatan-kegiatan jenayah terutamanya

penyalahgunaan dadah. Hasrat kerajaan dengan perpindahan penduduk ini akan dapat menyusun semula penduduk dan sekaligus menghapuskan kegiatan haram. Setelah berpindah ke rumah pangsa, peratus kegiatan jenayah semakin berkurangan. Kalau dulunya sering terlihat anak-anak muda berkumpul di atas wakaf di tepi-tepi jalan tapi keadaan itu tidak lagi wujud di rumah pangsa. Penagih dadah kini sukar didapati di kawasan rumah pangsa ini. Walaupun begitu, masih lagi terdapat kejadian kecurian kecil yang melibatkan kehilangan basikal, kaset dalam kereta dan lain-lain lagi. Berdasarkan perbualan dengan responden-responden, sebahagian besar dari mereka merasakan perbuatan itu dilakukan oleh penagih-penagih dadah yang bukan berasal dari kawasan itu.

Walaupun begitu, anak-anak muda atau kanak-kanak bahkan orang tua masih lagi terbawa-bawa dengan tabiat mereka semasa di kampung dulu. Anak-anak muda masih lagi menunjukkan sikap kurang bertoleransi atau bertimbang rasa sesama penghuni (sila rujuk ke Bab III di bawah tajuk disiplin dan semangat kerjasama). Golongan dewasa pula terbawa-bawa dengan sikap suka berbual-bual di kedai kopi. Di rumah pangsa ini hanya terdapat sebuah sahaja kedai kopi yang menjadi tumpuan kaum dewasa di rumah pangsa ini.

Amalan membuang sampah sesuka hati masih dipraktikkan oleh segolongan penghuni tidak kira dewasa, muda ataupun kanak-kanak. Semasa di kampung dulu mereka boleh membuang sampah di merata-rata tempat dan sebelah petangnya mereka akan menyapu dan membakar sampah itu.

Kesan pembawaan tingkahlaku yang negatif ini menyebabkan ketenteraman

awam di rumah pangsa dan juga kebersihan tidak dapat di kawal, walaupun terdapat Jawatankuasa Rumah Pangsa.

4.4 Adat dan Tradisi

Adat dan tradisi orang Melayu ialah cara-cara dan aturan-aturan kehidupan yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Tidak dapat dinafikan bahawa orang Melayu dahulu sangat mementingkan adat hingga timbul pepatah 'biar mati anak, jangan mati adat.'

Di kalangan penduduk rumah pangsa Batas Baru, penerusan adat dan tradisi adalah sukar untuk dipraktikkan secara tradisional tapi mereka lebih aktif ke arah permodenan. Antara adat dan tradisi Melayu, ada di antaranya merupakan suruhan ugama Islam dan dicampurkan dengan ciri-ciri kehidupan. Umpamanya upacara perkahwinan. Di samping upacara akad nikah disertakan sama upacara persandingan dan perarakan pengantin di mana dalam agama Islam, yang diwajibkan hanyalah mas kahwin dan akad nikah sahaja. Walaupun begitu, majlis persandingan seperti ini sudah menjadi tradisi orang Melayu. Bagi majlis perkahwinan, ianya sukar untuk dijalankan di unit mereka malah tidak mungkin dapat dijalankan. Kebanyakan penghuni rumah pangsa mengadakan majlis perkahwinan di rumah keluarga mereka di kampung. Hanya acara akad nikah sahaja yang dibuat di rumah pangsa kerana acara tersebut tidak melibatkan terlalu ramai orang, cukup sekadar seorang imam, wali dan beberapa orang saksi dari keluarga pengantin lelaki dan perempuan.

Bagi adat bersunat dan bertindik pula, kebanyakan penghuni di sini

lebih suka menghantar anak mereka ke hospital kerajaan kerana ianya memakan belanja yang lebih murah. Hanya sebilangan kecil sahaja yang masih menggunakan khidmat mudim, iaitu dengan membawa anak mereka ke mudim yang berkenaan atau menjemput mudim datang ke rumah mereka. Upah untuk mudim adalah lebih tinggi berbanding dengan bayaran yang dikenakan oleh hospital kerajaan. Upah bagi perkhidmatan mudim ke atas seorang pesakit sehingga sembuh ialah lebih kurang $ 50.00. Ada juga di antara penghuni rumah pangsa yang menghantar anak mereka ke rumah keluarga mereka di kampung untuk istiadat bersunat.

Bagi ibu-ibu yang mengandung, tradisi 'melenggang perut' terutamanya bagi anak sulong, tidak terdapat lagi di sini. Kaum ibu juga lebih suka melahirkan anak di hospital berbanding dengan menggunakan khidmat bidan kampung yang banyak melibatkan pantang larang. Walaupun penghuni di sini sudah dipengaruhi dengan perubatan cara moden, tetapi perkhidmatan bomoh masih lagi digunakan dalam mengubati beberapa jenis penyakit tertentu seperti 'terkena buatan orang' yang mana penyakit jenis ini tidak dapat diubati oleh doktor. Terdapat kes di mana anak seorang responden didapati tidak normal dan selalu meracau di tengah malam. Responden berkenaan telah membawa anaknya itu ke hospital tapi doktor mengatakan mangsa itu tidak sakit dan dalam keadaan sihat. Oleh kerana doktor tidak dapat mengesan penyakit tersebut, responden telah menggunakan khidmat bomoh untuk mengubati penyakit anaknya itu dan hasilnya anak itu telah sembuh seperti sediakala. Kes ini menunjukkan bahawa penduduk Melayu masih lagi mempercayai keupayaan bomoh dalam mengubati sesetengah penyakit tertentu seperti terkena ilmu sihir.

Dari segi permainan tradisi seperti wau (layang-layang), gasing, dan lain-lain seni budaya tidak terdapat langsung di sini. Menurut responden, semasa di kampung dulu, terdapat golongan tua yang pandai membuat wau dan gasing, tetapi kini golongan itu telah berpindah ke tempat lain.

Jelasnya di sini, menurut penjelasan yang diberikan oleh seorang penghuni di sini, adat dan tradisi Melayu tidak dapat dipraktikkan kerana keadaan fizikal kawasan rumah pangsa ini dan juga kerana kurangnya semangat kekitaan di kalangan penghuni. Beliau memberi contohnya kenduri kahwin. Untuk mengadakan kenduri kahwin atau apa sahaja yang melibatkan jemputan yang ramai, unit rumah pangsa tidak dapat menampung kehadiran sedemikian. Andaikata dapat menampung jemputan yang ramai, akan timbul pula masalah perbelanjaan yang tinggi kerana setiap kerja yang terlibat dalam menjayakan kenduri tersebut melibatkan upah seperti upah memasak, upah mengangkat hidangan dan juga sewa alatan kenduri. Keadaan ini berbeza dengan suasana di kampung kerana semangat kekitaan yang tebal walaupun tanpa ikatan kekeluargaan menyebabkan masyarakat kampung sedia mengorbankan masa serta tenaga dengan percuma bagi menjayakan sesuatu majlis kenduri.

## 4.5 Ekonomi

Dari segi ekonomi, kesan yang nyata terlihat dari beberapa segi. Bagi peniaga yang dulunya berniaga di Kampung Batas Baru samada pekedai runcit atau peniaga warung kopi, kini terpaksa berpindah tapak perniagaan

ke tempat lain. Ada di antara mereka membuka perniagaan di blok 'A' rumah pangsa Batas Baru di mana ruang untuk kedai adalah terhad. Kampung Batas Baru yang sebahagian besarnya terlibat dengan pengambilan tanah oleh kerajaan kini kosong dan tiada penghuni dan keadaan ini menyebabkan kedai-kedai dan warung-warung terpaksa ditutup. Hal sebegini tidak menjadi masalah yang besar kepada penjaja dan peniaga warung kerana alatan perniagaan mereka senang dipindahkan dan ditempatkan semula di tepi-tepi jalan berhampiran dengan rumah pangsa.

Kepadatan penduduk di rumah pangsa ini menggalakkan perniagaan tanpa lesen seperti membuka gerai burger, gerai menjual kuih dan nasi lemak pada sebelah pagi dan juga malam. Adanya gerai-gerai ini adalah merupakan usaha sampingan untuk menambah pendapatan memandangkan kos kehidupan yang tinggi di rumah pangsa akibat bayaran bulanan untuk rumah pangsa, letrik, air dan perbelanjaan harian. Kalau sebelum ini, semasa di rumah kampung penduduk beroleh pendapatan dengan cara membela ayam itik, menanam sayur atau pokok buah-buahan dan juga menyewakan sebahagian daripada rumah atau bilik.

Untuk menampung keperluan ekonomi yang semakin meningkat, ada di antara responden yang membuat kerja lebih masa (overtime) ataupun bekerja pada hari cuti. Keadaan ini membayangkan bahawa mereka sentiasa sibuk dan masa untuk berehat di rumah atau untuk berkenalan dengan jiran-jiran menjadi terhad. Tugas mengsosialisasikan anak-anak lebih banyak terletak di tangan kaum ibu terutamanya ibu-ibu yang tidak bekerja. Dari segi punca pendapatan ketua keluarga tidak berubah walaupun berlaku perpindahan tempat tinggal. Bagi pekerja makan gaji

di sektor swasta dan kerajaan, jenis dan tempat pekerjaan mereka tidak berubah. Bagi golongan peniaga, lokasi tapak perniagaan mereka berubah. Pendapatan tetap bagi golongan yang tidak terjejas jenis dan tempat pekerjaan mereka juga tidak berubah. Namun begitu, pendapatan seisi keluarga menunjukkan pertambahan. Pertambahan yang berlaku ini adalah hasil dari usaha kerja sampingan yang dibuat oleh surirumah seperti membuat kuih dan menghantarnya ke warung-warung kopi.

Bagi golongan pekerja yang terjejas dari segi lokasi pekerjaan meneruskan perniagaan mereka di kawasan yang lain. Pendapatan mereka pada peringkat awalnya adalah kurang memberangsangkan tetapi kemudiannya beransur-ansur maju. Pelanggan -pelanggan yang berkunjung adalah terdiri dari pelanggan yang sudah biasa (familiar) dan juga pelanggan-pelanggan baru di kawasan tersebut. Jelas di sini, perpindahan ini jika dilihat dari satu hala selalu mendatangkan kemudaratan ekonomi penduduk akibat dari kehilangan punca pendapatan sampingan seperti kegiatan menternak, bertani dan pendapatan dari sewaan rumah dan bilik. Tetapi jika dilihat kesan positifnya, kepadatan penduduk di rumah pangsa dapat memberi peluang kepada penghuninya untuk memperolehi pendapatan sampingan dengan cara berniaga kecil-kecilan seperti menjual kuih-muih, nasi lemak dan lain-lain bahan makanan. Dengan kos kehidupan yang lebih tinggi di rumah pangsa berbanding dengan kos kehidupan di tempat sebelumnya, ketua keluarga dan ahli keluarga yang lainnya seolah-olah digalakkan untuk berusaha dengan lebih gigih bagi menambah pendapatan di samping berjimat cermat.

## 4.6 Pembangunan

Proses pengambilan tanah oleh kerajaan menyebabkan pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu terpaksa membangunkan kawasan tanah paya di pinggir Kampung Batas Baru dengan membina rumah pangsa untuk penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah itu. Kawasan tanah paya ini yang dahulunya dipenuhi semak samun kini menjadi kawasan perumahan yang dimajukan oleh sektor kerajaan dan swasta.

Di samping membina bangunan, kerajaan telah merobohkan bangunan rumah kediaman sebahagian penduduk Kampung Batas Baru hingga menjadikan kawasan itu padang jarak padang tekukur dan ditumbuhi dengan lalang serta semak samun. Perobohan ini adalah merupakan peringkat awal ke arah pembangunan yang lebih sempurna dan teratur di mana bangunan yang bakal dibina nanti dapat menyediakan berbagai kemudahan untuk kegiatan ekonomi dan untuk kediaman. Walaupun sudah menjangkau hampir 4 tahun, tetapi bayangan pembangunan yang sesuai dengan perkembangan perbandaran di bandar Kuala Terengganu di atas tapak perobohan itu masih belum beroperasi lagi.

## 4.7 Politik

Dari segi politik tidak terdapat perubahan dan kesan yang nyata ke atas penduduk rumah pangsa Batas Baru. Di Terengganu dari segi politik, parti PAS dan Barisan Nasional adalah dua parti yang selalu dikaitkan. Sukar didapati ataupun untuk dipastikan individu yang menyokong parti selain daripada PAS dan Barisan Nasional di Terengganu.

Di rumah pangsa ini, majoriti penduduknya terdiri daripada penyokong Barisan Nasional. Namun begitu terdapat juga penyokong parti PAS yang dapat digolongkan ke dalam kumpulan liberal dan fanatik. Bagi penyokong PAS yang liberal, mereka ini mempunyai sikap yang lebih toleransi dan turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan sosial di rumah pangsa seperti aktiviti membersihkan kawasan rumah pangsa dan juga turut mengikuti mesyuarat Jawatankuasa Rumah Pangsa. Golongan PAS yang fanatik pula berbeza sikapnya. Mereka tebal dengan sikap individualisma dan tidak memperdulikan aktiviti-aktiviti yang diadakan di rumah pangsa. Golongan yang fanatik ini juga tidak mempunyai sikap toleransi. Buktinya yang jelas terlihat ialah bilamana individu ini memasang kaset ceramah oleh pemimpin-pemimpin PAS dengan begitu kuat sekali hinggakan mengganggu penghuni yang lain. Kuatnya kaset itu dipasang hinggakan pengkaji dapat mendengarnya dengan jelas dari blok 'A' sedangkan kaset itu dimainkan dari blok 'B' (tingkat tiga). Keadaan ini mendapat restu dari penyokong PAS yang lain tetapi tidak dengan penyokong Barisan Nasional.

Cara penyebaran pengaruh sebegini bukanlah satu langkah yang baik malah boleh menghilangkan pengaruh yang sedia ada. Daripada 20 orang yang ditanya oleh pengkaji, 18 orang daripada mereka tidak setuju dengan tindakan memasang kaset yang kuat itu. Mereka ini tidak setuju bukanlah kerana berdasarkan parti tetapi kerana berdasarkan kepada ketenteraman awam. Kegiatan ceramah politik tidak dapat diadakah di kawasan rumah pangsa ini kerana ketiadaan kawasan lapang yang sesuai. Untuk kegiatan ceramah pula, ianya perlu mendapat kelulusan ataupun melalui Jawatankuasa

Rumah Pangsa Batas Baru dan pihak berkuasa. Oleh sebab itu tidak terdapat sebarang ceramah politik di kawasan ini semasa pilihanraya yang lalu (Ogos 1986). Hanya poster-poster saja yang kelihatan di dinding-dinding rumah pangsa itu.

Terdapat dakwaan oleh penyokong PAS bahawa pemilihan kelayakan untuk mendapat unit rumah pangsa adalah berdasarkan pilih kasih, berdasarkan parti dan juga saudara mara. Akan tetapi berdasarkan penglihatan pengkaji, dakwaan itu tidak dapat dibuktikan dengan nyata dan lebih mirip kepada tuduhan yang lahir dari rasa tidak puas hati. Pengkaji tidak merasa sukar untuk menentukan seseorang individu itu penyokong parti kerajaan ataupun PAS kerana kebanyakkan dari mereka (responden) yang ditemui mempunyai pendirian yang tegas dan berani untuk menegakkan pendirian mereka. Selalunya penyokong PAS memakai 'serban' atau kupiah di atas kepala dan mereka ini sentiasa berkunjung ke Kampung Rusila [1] terutama pada hari jumaat.

Walaupun begitu, pengaruh PAS tidaklah kuat di kawasan rumah pangsa Batas Baru kerana kekurangan penyokong dan juga kerana kurangnya pengelibatan penyokong PAS dalam aktiviti-aktiviti di rumah pangsa dan juga dalam Jawatankuasa Rumah Pangsa.

Apa yang hendak dijelaskan di sini ialah tidak berlaku perubahan dari segi sokongan politik di kalangan penghuni walaupun mereka tidak

---

[1] Kampung Rusila merupakan kawasan gerakan PAS yang terkuat di negeri Terengganu dan terkenal dengan kubu pemimpin PAS yang terkenal iaitu Haji Abdul Hadi bin Awang.

setuju ataupun setuju dengan tindakan kerajaan memindahkan mereka ke rumah pangsa. Bagi penyokong PAS memanglah pada dasarnya mereka seringkali menentang apa juga tindakan kerajaan dan seringkali mengkritik walaupun ada kebenarannya. Bagi penyokong kerajaan pula mereka sentiasa memberi sokongan pada langkah kerajaan kerana mereka memahami tujuan dan hasrat kerajaan walaupun ada juga penentangan secara pasif. Jadi hasilnya penyokong PAS masih tetap setia dengan partinya dan penyokong Barisan begitu juga walaupun selepas proses pemindahan ke rumah pangsa.

Dari segi kependudukan pula, proses pemindahan ini telah menggalakkan berlakunya penghijrahan penduduk bandar ke kawasan luar bandar. Keadaan ini berlaku ketidaksesuaian individu untuk tinggal di rumah pangsa dan juga kerana individu berkenaan tidak berjaya untuk memperolehi unit rumah pangsa. Ada di kalangan penduduk Kampung Batas Baru mengambil langkah berhijrah ke luar bandar (di luar kawasan perbandaran Kuala Terengganu) di unit rumah pangsa. Ini adalah disebabkan penduduk berkenaan mempunyai ahli keluarga yang ramai dan sememangnya boleh mendatangkan masalah kepadatan di unit rumah pangsa yang sempit itu. Bagi mereka yang berjaya memperolehi unit rumah pangsa, unit itu disewakan saja kepada orang lain di mana tidaklah menjadi kesukaran untuk mendapatkan penyewa memandangkan lokasi rumah pangsa itu di dalam bandar. Kadar sewa untuk satu unit rumah pangsa Batas Baru yang disewakan ialah di antara $ 300.00 hingga $ 400.00 sebulan. Dari sejumlah enam orang (ketua keluarga) yang berpindah ke kawasan luar bandar iaitu lebih kurang 15 kilometer dari kawasan bandar, 5 orang daripada mereka

membina rumah baru hasil runtuhan rumah lama yang dirobohkan oleh pihak berkuasa, di atas tanah milikan ahli keluarga sendiri sementara seorang lagi tinggal di rumah mertua.

Bagi penduduk yang tidak berjaya memperolehi unit rumah pangsa dan tidak mempunyai tanah milikan atau tidak mempunyai duit yang cukup untuk membina rumah baru, mereka lebih berminat mencari rumah sewa di kawasan luar bandar dengan kadar sewa yang rendah. Begitu juga keadaannya bagi keluarga-keluarga nuklear yang terpaksa berpecah dari keluarga luas selepas perpindahan. Kadar sewa bagi rumah yang sederhana besarnya di kawasan luar bandar adalah pada kadar $ 100.00 hingga $ 150.00 sahaja sebulan.

Jadi kesan yang dapat dilihat di sini ialah berlakunya proses penolakan orang Melayu ke kawasan luar bandar akibat tidak tahan tekanan kos penghidupan yang tinggi.

## BAB V

## KESIMPULAN

Corak penempatan baru ini (rumah pangsa) merupakan bentuk penempatan yang popular di bandar-bandar besar dunia dan kini menular di bandar Kuala Terengganu. Bentuk kediaman seperti ini dapat menjimatkan penggunaan tanah dengan cara yang menguntungkan dalam usaha menampung kepadatan penduduk yang kian meningkat di bandar Kuala Terengganu. Proses Pengambilan Tanah oleh kerajaan yang melibatkan perpindahan penduduk terlibat ke rumah pangsa dapat ditafsirkan juga sebagai 'Proses Perbandaran' kerana tanah yang diambil itu, akan digunakan untuk projek pembangunan yang lebih teratur.

Kampung Batas Baru sebelum proses perbandaran ini, memanglah tidak sesuai sebagai suatu pemandangan dalam bandar dengan keadaan rumah-rumah kayu yang uzur dan tidak teratur. Tapi kini pemandangan sebegitu sudah hilang dan diganti pula dengan tiga blok rumah pangsa yang indah. Kawasan tanah yang diambil oleh kerajaan itu pula akan dijadikan sebagai ruang-ruang perniagaan untuk bumiputra dalam menyaingi kegiatan ekonomi di bandar Kuala Terengganu. Ruang-ruang baru yang dirancangkan ini adalah lebih teratur dan tersusun dengan perancangan perbandaran yang rapi. Bantuan-bantuan kerajaan mudah disalurkan dengan adanya organisasi-organisasi tertentu di kawasan penempatan yang terancang.

Berkenaan dengan masalah yang terdapat di rumah pangsa Batas Baru, ianya timbul akibat dari pengalaman yang terlalu baru penduduk dengan

penempatan yang baru (rumah pangsa). Masalah seperti kepadatan penduduk, kehilangan punca pendapatan sampingan, ruang yang sempit dan keletihan kerana terpaksa menaiki tangga adalah masalah sementara sahaja dan akan luput setelah mereka biasa dengan keadaan begitu. Masalah kekurangan kerjasama memanglah suatu masalah yang serius dan terdapat di mana-mana sahaja dalam kelompok masyarakat bandar. Untuk mengatasi masalah 'devian', semangat kerjasama yang menyeluruh serta kesedaran individu mengenai tanggungjawab masing-masing dalam menjaga keharmonian kehidupan di rumah pangsa adalah perlu. Ibubapa perlulah mendidik anak-anak mereka cara hidup bermasyarakat di rumah pangsa demi untuk melahirkan generasi-generasi yang bertanggungjawab. Adanya kesedaran tanggungjawab dan sikap toleransi, segala masalah yang timbul akan dapat diatasi atau dikurangkan. Begitu juga dengan masalah keselamatan dan kekotoran di rumah pangsa. Masalah ini tidak mungkin timbul andaikata masyarakat di rumah pangsa ini mempunyai sikap bertanggungjawab dan semangat bekerjasama. Untuk membersihkan kawasan, penyertaan dalam usaha gotong royong adalah penting dan untuk mengawal keselamatan rumah pangsa dari kegiatan jenayah seperti kecurian dan pecah rumah, perlu diadakan pasukan unit kawalan keselamatan rumah pangsa yang dianggotai oleh penghuni di situ.

Ketiadaan padang permainan untuk bersukan dan taman permainan kanak-kanak mungkin dapat diatasi jika setiap penghuni sedia menghulur derma di samping meminta bantuan dari kerajaan. Adalah suatu perkara yang kurang bijak jika setiap keperluan awam hanya mengharapkan bantuan

dari kerajaan sahaja. Penghuni di situ sepatutnya menunjukkan sikap kesungguhan terhadap keperluan itu dengan cara mengutip derma di kalangan ahli rumah pangsa lebih dahulu dan jika masih belum mencukupi, barulah meminta bantuan dari kerajaan melalui saluran tertentu. Dalam hal ini peranan ahli jawatankuasa rumah pangsa adalah penting. Sebagai badan penggerak segala aktiviti di rumah pangsa, permintaan bantuan kerajaan melalui organisasi ini adalah lebih bermakna.

Masalah ketiadaan surau sepatutnya tidak ujud memandangkan terdapat ramai penduduk islam di rumah pangsa Batas Baru ini. Kerajaan sepatutnya terlebih dahulu menyediakan kemudahan itu kerana telah menyedari akan kehadiran penduduk melayu islam yang ramai di situ melalui banci penduduk Kampung Batas Baru. Hasil desakkan jawatankuasa rumah pangsa Batas Baru, pihak berkuasa telah meluluskan pembinaan sebuah surau di kawasan itu tidak lama lagi.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap masalah yang dihadapi dan keperluan-keperluan yang disuarakan, didapati penduduk di sini terlalu bergantung kepada kerajaan. Mereka menuntut supaya diadakan padang permainan dan lain-lain lagi. Mereka merasakan bahawa kerajaan sepatutnya menyediakan segala kemudahan kerana telah menghalau mereka dari tempat kediaman yang terdahulu (rumah kampung di Batas Baru). Pada pandangan pengkaji, mereka tidak sepatutnya bersikap demikian dengan membebankan segala keperluan mereka kepada kerajaan. Mereka sepatutnya berterima kasih di atas penyediaan rumah kediaman yang baru oleh kerajaan dan seharusnya mereka melengkapkan kekurangan yang ujud di samping

menjaga dengan baik segala kemudahan yang telah disediakan di situ.

Penghuni-penghuni rumah pangsa perlu sedar bahawa tiap-tiap orang di kalangan mereka adalah tergolong ke dalam satu keluarga yang luas (keluarga rumah pangsa). Oleh itu sudah sewajarnya segala masalah yang timbul di rumah pangsa dihadapi bersama. Untuk mencapai penyatuan sebegini, penghunu-penghuni perlulah terlebih dahulu mengikis sikap-negatif yang sering terdapat di kalangan penduduk bandar. Antara sikap-sikap negatif yang mesti dikikis adalah seperti apa yang dinyatakan oleh Wirth dan Redfield iaitu individualism, secularization dan disorganisation.

Jika dilihat daripada kesan-kesan yang timbul akibat perpindahan ke rumah pangsa, ianya mempunyai kesan positif dan negatif.

Dari segi kekeluargaan, kehidupan di rumah pangsa tidak menggalakkan pembentukan keluarga luas, malah keluarga luas yang sedia ada semakin pupus ataupun mengecil. Ahli keluarga yang sudah membentuk keluarga nuklear lebih suka mencari tempat kediaman yang baru. Sedikit-sebanyak hubungan antara ahli keluarga yang pernah tinggal bersama menjadi semakin renggang. Anak-anak yang bersekolah menengah lebih suka tinggal di asrama kerana kesesakkan di unit rumah pangsa tidak mengizinkan mereka untuk menumpukan kepada pelajaran dengan sepenuhnya. Walaupun begitu, keadaan ini masih ada nilai positifnya. Ahli-ahli keluarga digalakkan supaya hidup berdikari dan tabah menghadapi masalah yang menimpa. Adanya perpisahan dari segi rumah kediaman, tapi tidak semestinya berlaku kerenggangan dari segi kasih sayang. Walaupun kekerapan

untuk bersama semakin kurang, tapi kasih sayang dan kemesraan antara ahli keluarga masih tetap erat. Perpisahan yang terjadi itu akan menambah eratkan lagi kemesraan apabila bertemu pada hari-hari tertentu seperti hari raya atau semasa jamuan kenduri. Keperluan kepada keluarga di kampung dapat meneruskan hubungan yang erat antara keluarga bandar dengan keluarga di kampung. Terlihat di sini bahawa tidak berlaku kesan negatif yang ketara dari segi hubungan kekeluargaan walaupun berlaku perubahan ke atas jenis keluarga. Fungsi keluarga juga tidak banyak berubah. Ibubapa masih lagi dianggap sebagai ketua keluarga dan melaksanakan proses mensosialisasi anak-anak walaupun tidak dapat dinafikan terdapat agen-agen lain yang turut menjalankan fungsi keluarga asas seperti keluarga di kampung dan institusi-institusi pendidikan formal.

Dari segi keagamaan didapati masalah serta kesan yang timbul adalah akibat dari ketiadaan surau di kawasan rumah pangsa itu. Walaupun begitu penduduk islam di sini menjalankan kewajiban ibadat mereka di rumah (unit) dan juga di surau atau masjid yang terdapat di luar kawasan Batas Baru. Ketiadaan surau hanyalah meyulitkan beberapa kegiatan agama seperti ceramah, sembahyang berjemaah dan beberapa kegiatan lagi, tapi keadaan ini tidak dapat dibuat pengukuran ke atas pegangan agama penduduk di sini. Apa yang dapat diperhatikan iaitu penduduk islam di sini masih kuat pegangan agama. Masih dapat dilihat ibubapa mengajar anak-anak mengaji qur'an dan di waktu hampir masuk waktu sembahyang maghrib, beberapa orang individu muslim bersedia untuk ke masjid atau

surau di luar kawasan Batas Baru untuk berjemaah.

Dari segi sosial, kesan yang didapati menampakkan ciri-ciri negatif seperti kekurangan sikap kerjasama antara penghuni dan juga sikap individualistik. Timbulnya sikap individualistik di kalangan penghuni adalah disebabkan kesibukkan kerjaya masing-masing dan kerana sikap tidak suka menjaga tepi kain orang lain. Namun begitu masih terdapat di kalangan penghuni yang saling menziarahi dengan jiran-jiran. Hubungan dengan jiran lama (sebelum berpindah ke rumah pangsa) masih diteruskan dan masih berlaku hubungan dengan cara berkirim salam, telefon dan ziarah-menziarahi. Di sini menunjukkan bahawa konsep dan semangat kejiranan masih lagi dipakai oleh segelintir penghuni rumah pangsa Batas Baru.

Dalam hal ini iaitu kajian perbandaran ini kenyataan yang disarankan oleh Wirth, Redfield dan Oscar Lewis mempunyai kebenaran masing-masing dalam kehidupan masyarakat rumah pangsa Batas Baru ini.

Dalam hal politik pula, penghuni masih menunjukkan sikap rasional mereka dari segi pemilihan calon atau wakil. Perpindahan tidak menggoyangkan sokongan mereka dari segi parti. Ini terbukti di mana calon Barisan Nasional masih lagi mendapat mandat dalam pilihanraya baru-baru ini. Penghuni di sini adalah tegas pendirian mereka terhadap parti politik. Mereka merasa bangga untuk dikenali sebagai penyokong Barisan Nasional ataupun PAS. Kesimpulan akhir yang dapat dibuat ialah dari segi pencapaian matlamat kerajaan dalam usaha membangunkan kawasan bandar Kuala Terengganu. Pada dasarnya, matlamat kerajaan untuk membangunkan kawasan Batas Baru tercapai tetapi dari segi penyusunan

semula masyarakat majmuk dengan lebih teratur masih belum tercapai dengan sepenuhnya kerana timbulnya masalah dan kekurangan-kekurangan tertentu di situ. Pencapaian dari segi pembangunan terbukti bila bahagian pinggir (selatan) Batas Baru yang dahulunya kawasan paya kini menjadi kawasan perumahan yang padat dengan penduduk. Bahagian kawasan yang terlibat dengan proses pengambilan tanah yang mana dahulunya dipenuhi dengan rumah-rumah kediaman kini menjadi tanah lapang dan bersemak. Apa yang dipentingkan untuk mencapai matlamat ini ialah penyertaan masyarakat seluruhnya serta sokongan mereka dalam menjayakan langkah-langkah kerajaan. Masyarakat pula mestilah rasional dalam menempuh arus perkembangan bandar agar ciri-ciri negatif dalam kehidupan masyarakat bandar tidak timbul. Ciri-ciri tradisi Melayu yang positif perlulah dikekalkan. Antaranya ialah adat kesopanan, hormat menghormati dan lain-lain lagi selagi ianya tidak menyalahi agama Islam dan undang-undang negara. Dalam melihat akan perkembangan bandar Kuala Terengganu, kenyataan Oscar Lewis adalah lebih menepati bagi kawasan ini, dengan menimbangkan ciri-ciri negatif dan positif yang timbul akibat perkembangan bandar.

## BIBLIOGRAFI

1. Bergell E.E. Urban Sociology, Mc Graw - Hill, New York, 1955

2. Hamzah bin Sendut, "Patterns of Urbanization in Malaya." Journal of Tropical Geography, vol. 16 (1962).

3. Hanser P.M. and Selvove L.F. (ed.), The Study of Urbanization John Willey and Son Inc., New York, 1967.

4. Mc Gee T.G., The Urbanization Process in The Third World, Explorations in Search of the Theory, Sell and Hyman, London, 1971.

5. Raja Mohd Affandi, Perbandaran dan Orang-Orang Melayu. Utusan Print. Corp. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977

6. Sham Sani, Perbandaran, Iklim bandar dan Pencemaran udara. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

7. S. Hussin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbitan Fajar Bakti, 1982.

8. Sarokin P. and Zimmerman, Principal of Rural - Urbans Sociology, New York, 1969.

9. Wirth L. On Cities and Social Life, Selected Papers, The University of Chicago Press, Chicago and London, 1969.

10. Zainal Kling (ed) Masyarakat Melayu, Antara Tradisi dan Perubahan, Utusan Publication and Distributors, Kuala Lumpur, 1977.

## ARTIKEL DAN LAPORAN

1. Prof. Madya Dr. Azizah Kassim, (Kertas kerja pada Seminar PERSIS), Perbandaran Dan Orang Melayu di Kuala Lumpur: Satu Tinjauan Tentang Kesan Sosialnya.

2. Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia 1974, 1980, 1983.

3. Laporan Penduduk Untuk Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.

4. 10 Tahun Pembangunan Negeri Terengganu (1974 - 1984)